

Jilid III
Bil. 6



Hari Selasa
14hb Mac, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 953]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong—Y.B. Dato Dr Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap)**
[Ruangan 1019]



MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO DR LING LIONG SIK**, D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' DR LIM KENG YAIK**, D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Pertahanan, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Pendidikan, **TUAN ANWAR BIN IBRAHIM** (Permatang Pauh).
- „ Menteri Luar Negeri, **DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR**, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, **DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN**, S.S.A.P. (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, **DATO' CHAN SIANG SUN**, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULO K BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

Yang Berhormat TUAN NGOI THIAM WOY (Kampar).

- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya)
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas-Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kemping).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIANG SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 14hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

(Soalan No. 1 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir).

KERACUNAN MAKANAN DAN
KEMATIAN

2. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap pengguna ubat-ubat yang berlebihan di dalam makanan hingga membawa kepada keracunan makanan dan kematian seperti yang berlaku di merata-rata tempat baru-baru ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada kes keracunan makanan ataupun kematian yang dilaporkan atau dikenalpasti berlaku di Malaysia akibat penggunaan aditif makanan—itulah yang saya rasa ditujukan oleh Yang Berhormat dengan perkataan “ubat-ubat”—yang

berlebihan seperti bahan awet dan sebagainya. Sungguhpun ada kejadian keracunan akibat lebih residu racun perosak dalam makanan, belum ada kematian yang dilaporkan. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa mengawasi dan mengawal penggunaan semua jenis aditif makanan dan residu racun perosak dalam makanan di seluruh negara melalui penguatkuasaan Akta Makanan dan Peraturan-peraturan Makanan, 1985.

Di antara langkah-langkah yang diambil dalam pengawasan dan pengawalan ialah pemeriksaan mengejut premis-premis memproses makanan serta pemeriksaan sampel-sampel bahan-bahan mentah termasuk sayur-sayuran dan buah-buahan dan makanan yang diproses. Kepada sesiapa yang didapati melanggar perundangan makanan, tindakan tertentu mengikut Akta Makanan, 1983 akan diambil. Di antaranya ialah memberi amaran bertulis, rampasan dan pemusnahan bahan makanan dan pendakwaan di mahkamah.

Di samping itu, maklumat-maklumat amalan pengilangan yang baik ataupun, dengan izin, “good manufacturing practice” dan juga diberi kepada pengusaha-pengusaha makanan dan sebarang pengetahuan amalan makanan yang sempurna dipertingkatkan kepada para pengguna. Kementerian Kesihatan sentiasa bekerjasama dengan pihak Kementerian Pertanian, pihak Penguasa-penguasa Tempatan, pihak MARDI dan persatuan-persatuan

pengguna dalam mengadakan seminar-seminar, perbincangan, ceramah dan sebagainya yang berkaitan dengan makanan. Kementerian juga sentiasa mempertingkatkan pengetahuan kakitangan yang bertugas dalam hal-hal pengawasan dan pengawalan kebersihan makanan dan premis-premis makanan.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, beliau berkata tiada kematian akibat keracunan makanan. Saya ingin tahu apakah sebab-musababnya kematian yang baru-baru berlaku di Lembah Kinta. Adakah itu disebabkan keracunan makanan ataupun apa sebabnya oleh kerana sampai masa sekarang belum kita dapat satu jawapan yang rasmi dari pihak Kerajaan walaupun banyak wang ringgit telah pun dibelanjakan untuk mengajak "specialists", dengan izin, dari luar negeri datang untuk menyiasat. Sejauh yang kita tahu ianya diakibatkan oleh afflo-toxin. Apakah afflo-toxin ini dan apakah punca afflo-toxin? Adakah itu keracunan makanan?

Soalan yang kedua, iaitu GMP (good manufacturing practice) yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, apakah syarat-syarat yang dikena kepada pengilang-pengilang makanan untuk mendapat status GMP ini dan bilakah akan ia dilangsungkan dalam negara kita?

Dato' K. Pathmanaban: Saya minta berulang soalan yang ketiga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang kedua sahaja.

Dato' K. Pathmanaban: Dua sahaja?

Tuan Yang di-Pertua: Dua sahaja.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang

Berhormat tidak baca pertanyaan asal ataupun dengar dengan teliti apa yang saya cakap kerana apa yang ditanya dan apa yang dijawab adalah mengenai kematian akibat penggunaan ubat-ubat atau yang saya tafsirkan sebagai aditif makanan yang berlebihan. Saya tidak menjawab mengenai keracunan makanan. Itulah jawapan kepada soalan No. 1. Untuk menjawab soalan No. 2.

Tuan Ngoi Thiam Woh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Biar dia menjawab, Yang Berhormat.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, di dalam soal Jawab-Mulut tidak ada penjelasan. Sila teruskan.

Dato' K. Pathmanaban: Mengenai kejadian keracunan makanan di Kampar, iaitu kawasan Ahli Yang Berhormat yang dijaga betul oleh beliau itu, Kementerian sudah pun mengumumkan apa yang dikenal pasti sebagai punca keracunan secara rasmi, pengumuman dibuat secara rasmi walaupun laporan rasmi secara bertulis itu terpaksa menunggu sedikit sampai satu keputusan dibuat oleh pihak Pendakwa Raya (DPP) bersama-sama dengan Polis. Dan punca afflo-toxins yang dikatakan menjadi punca keracunan itu, saya dimaklumkan bahawa afflo-toxins itu wujud secara semula jadi (natural) dalam keadaan, suasana yang lembab atau basah sedikit dan sebagainya. Itu bukan kerana campuran apa-apa bahan dalam makanan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang kedua Yang Berhormat, berkenaan dengan good manufacturing practice bagaimanakah syarat yang dikehendaki.

Dato' K. Pathmanaban: Itulah saya kehendaki beliau ulangi.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan yang kedua, bukan ketiga.

Dato' K. Pathmanaban: Ketiga itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang kedua.

Dato' K. Pathmanaban: Kedua mengenai afflo-toxins, Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga mengenai GMP.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah jawab berkenaan dengan perkara itu, berkenaan dengan GMP.

Tuan Ngoi Thiam Woh: GMP. . . .

Dato' K. Pathmanaban: Mengenai GMP, saya tidak begitu dengar, minta ulangi soal itu.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Boleh, saya ulang. Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi iaitu good manufacturing practice status akan dikenakan kepada semua pengilang-pengilang makanan. Saya ingin tahu apakah syarat-syarat yang kena sebelum GMP status ini diberi kepada pengilang-pengilang makanan dan bilakah GMP status ini akan dilangsungkan di dalam negara kita ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kadar GMP atau good manufacturing practice iaitu amalan pengilangan yang baik adalah satu yang tidak bertulis sebagai kod setakat ini dalam negara kita belum dicodifiedkan, dengan izin, tetapi dalam perkara pemerosesan makanan tertentu, amalan pengilangan makanan akan berlainan dalam keadaan apa yang dikilangkan itu. Perkara ini saya rasa akan dapat disiasat di satu-satu tempat dan pihak yang berkenaan yang mempunyai kepakaran dalam perkara ini akan dapat menasihatkan kepada mereka yang mengilangkan dan sebagainya. Tidak benar bahawa kita tidak mengamalkan good manufacturing practice atau mengenalkan good

manufacturing practice atau memberitahu kepada pengilang-pengilang syarat-syarat good manufacturing practice itu.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau ada mengatakan bahawa Kerajaan telah pun secara rasmi memaklumkan sebab-sebab kematian, agak saya 14 orang akibat daripada keracunan makanan loh shee fun di Lembah Kinta. Bersabit dengan kematian itu, satu siasatan telah pun dijalankan dengan pakar-pakar yang diimport dari luar negeri. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah laporan itu tidak akan diumumkan memandangkan satu kenyataan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian itu bahawa laporan lengkap itu sudah pun disenaraikan sebagai rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi. Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berpendapat bahawa rakyat khususnya ibubapa dan sanak saudara orang-orang yang mati itu berhak mengetahui dengan detailnya sebab-sebab kematian itu.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masalah dalam perkara ini, kita yang mengatakan, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa laporan itu akan dimaklumkan kepada orang ramai, tidak ada perubahan dalam keadaan itu. Apa yang berlaku ialah proses undang-undang terpaksa dijalankan dan siasatan pihak kita, pihak Polis; dan laporan kita terpaksa menunggu sampai satu keputusan muktamad oleh pihak Penolong Pendakwa Raya (DPP) bersama-sama Polis sebelum laporan itu dikeluarkan. Kalau tidak, kita takut proses undang-undang itu akan terjejas. Itu sahaja. Apabila dapat keputusan laporan itu akan disiarkan dan kodifikasi klasifikasi laporan itu sebagai rahsia adalah satu tindakan sementara waktu untuk mempertahankan kedudukan yang saya jelaskan itu.

MINYAK MENTAH YANG DIKELUARKAN

3. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyak tong minyak mentah telah pun dikeluarkan pada tahun 1988 dari:

- (i) Semenanjung Malaysia;
- (ii) Sabah; dan
- (iii) Sarawak

dan apakah hasil minyak mentah yang dikutip dari ketiga-tiga kawasan itu dan juga jumlah hasil diperuntukkan kepada ketiga-tiga kawasan itu, sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menambah hasil minyak mentah bagi negeri-negeri yang mengeluarkan minyak untuk pembangunan, jika tidak, mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pengeluaran minyak mentah Malaysia pada tahun 1988 ialah 191 juta tong. Daripada jumlah tersebut 11 juta tong iaitu 58% daripada jumlah semuanya dikeluarkan dari perairan pantai Semenanjung Malaysia, 46 juta tong dari kawasan perairan Sarawak dan 34 juta tong dari kawasan perairan Sabah.

Hasil jualan minyak mentah dari ketiga-tiga kawasan tersebut dalam jangka masa yang sama berjumlah \$7,984 juta.

Dimaklumkan juga daripada hasil pengeluaran petroleum di kawasan-kawasan berkenaan serta mengikut kontrak perkongsian pengeluaran yang ada, Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing menerima royalti sebanyak 5% daripada jumlah pengeluaran petroleum dari kawasan-kawasan berkenaan. Pembahagian peruntukan royalti berkenaan bagi tahun 1988 ke atas pengeluaran minyak mentah adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan Pusat—\$399 juta
- (ii) Negeri Terengganu—\$230 juta

- (iii) Negeri Sarawak—\$101 juta
- (iv) Negeri Sabah—\$68 juta

Di samping royalti minyak, hasil royalti dari penjualan gas juga dibayar. Bayaran royalti tersebut bagi tahun 1988 adalah seperti berikut:

- (i) Negeri Terengganu—\$17 juta
- (ii) Negeri Sarawak—\$50 juta
- (iii) Negeri Sabah—\$700,000.

Mengenai soalan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menambahkan hasil yang diperuntukkan bagi negeri-negeri yang mengeluarkan minyak, dimaklumkan bahawa Kerajaan buat masa ini tidak bercadang menambahkan pembayaran royalti berkenaan. Kerajaan berpendapat bahawa sistem perkongsian kos dan keuntungan di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran serta aturan pembahagian royalti kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang digunakan pada masa ini dianggap wajar dan adil kepada semua pihak. Sistem berkenaan telah dapat menarik pelabur-pelabur antarabangsa untuk menanam modal yang besar dari segi kerja-kerja carigali dan pengeluaran petroleum di kawasan ini dan mereka ini haruslah mendapat pulangan yang berpatutan daripada wang yang dilaburkan. Apa-apa kenaikan royalti akan meningkat kos pengeluaran dan mengurangkan pulangan kepada pelaburan. Keadaan ini mungkin dianggap tidak menarik berbanding dengan konsesi yang boleh diperolehi di negara lain.

Adalah perlu ditegaskan bahawa selain daripada pembayaran royalti berkenaan, kawasan-kawasan minyak mentah yang ada sekarang juga akan mendapat hasil daripada industri-industri sampingan serta sokongan petroleum yang akan berkembang di situ dengan adanya industri petroleum di kawasan-kawasan itu. Justeru itu, minyak mentah di kawasan berkenaan bukan semata-mata harus diukur daripada jumlah royalti yang

diperolehi, tetapi juga haruslah dilihat daripada hasil-hasil sampingan dengan pertumbuhan-pertumbuhan industri-industri sokongan dan industri berkaitan dengan petroleum yang akan secara langsung menambahkan hasil kepada negeri-negeri terlibat bukan sahaja dari segi kewangan tetapi meliputi peluang-peluang pekerjaan serta peluang-peluang perniagaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Pertama, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri apakah tidak mungkin negeri-negeri yang tidak mempunyai minyak ini dapat menerima royalti yang sama iaitu maksudnya selain daripada negeri-negeri yang didapati minyak menerima royalti sebanyak 5% manakala kita sedar bahawa minyak yang ditemui ini ialah di dasar lautan yang kita kira dimiliki oleh negara ini. Apakah tidak mungkin Kerajaan menimbangkan seperti cadangan 5% lagi royalti untuk dibahagi-bahagikan kepada negeri-negeri yang tidak mempunyai minyak untuk tujuan pembangunan?

Kedua, bilakah Kerajaan bercadang untuk memproses minyak mentah sendiri supaya dapat dijual dalam negeri ini supaya minyak yang diguna oleh rakyat sekarang ini ialah hasil daripada yang diimport dan sebab itulah harganya tinggi, manakala minyak mentah yang kita ada kita jual. Jadi untuk mengatasi masalah ini bagi kepentingan rakyat, apakah tidak mungkin Kerajaan kita memulakan langkah memproses minyak mentah sendiri dan menjual minyak tersebut untuk kegunaan rakyat terlebih dahulu untuk faedah negara?

Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, Kerajaan tidak bercadang untuk memberi royalti 5% kepada negeri-negeri yang tidak mempunyai hasil minyak. Tetapi walau

bagaimanapun, suka saya menerangkan bahawa pendapatan daripada minyak yang diperolehi oleh Kerajaan adalah disalurkan untuk pembangunan kepada semua negeri di Malaysia. Daripada hasil yang telah disampaikan kepada Kerajaan, maka semua negeri-negeri di Malaysia ini mendapat manfaat daripada hasil daripada minyak.

Untuk menjawab soalan kedua, sekarang ini telahpun mula memproses minyak sendiri tetapi jumlahnya lebih kurang 60% sahaja, kalau tidak silap saya, yang kita proses di negeri sendiri ini untuk keperluan negara. Memang Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu lagi refinery untuk memproses minyak ini iaitu di Melaka dan ini adalah dalam tahap yang penghabisan, hanya kita menunggu laporan daripada konsultan yang telah dilantik oleh pihak PETRONAS sama ada refinery ini akan dibina untuk menampung memproses minyak sweet crude dan juga sour crude, dengan izin. Kita tetap akan mendirikan satu lagi refinery di Melaka pada masa yang akan datang.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Tadi beliau berkata bahawa pendapatan PETRONAS disalurkan kepada negeri-negeri untuk perbelanjaannya. Saya ingin tahu sama ada ini bermakna keuntungan PETRONAS, ini dimasukkan dalam Consolidated Fund Kerajaan dan kemudian dibahagi-bahagikan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk projek-projek rakyat.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal. Pertamanya, apa juga pendapatan PETRONAS itu adalah hak PETRONAS sendiri. Tetapi apa yang

saya maksudkan tadi ialah pendapatan Kerajaan daripada penghasilan minyak mentah di negara kita ini iaitu dalam bentuk cukai pendapatan, royalti duty export dan dividen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada tahun 1983-1987 wang yang telah disumbangkan daripada hasil negara yang didapati daripada PETRONAS adalah \$34,250 juta dan wang ini iaitu dalam bentuk cukai pendapatan, royalti, duty export dan dividen adalah wang Kerajaan, hasil negara kita dan wang ini akan dibahagi-bahagikan kepada semua negeri-negeri yang memerlukan pembangunan di negara kita ini.

BERAS—SISTEM PENGGREDEAN

4. **Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian bercadang menyemak semula sistem penggredan beras oleh LPN supaya ianya menjadi lebih realistic daripada apa yang ada sekarang yang menggunakan terlalu banyak gred diwujudkan sehingga menjejaskan penyenggaraan. Adakah mungkin hanya tiga atau dua gred sahaja dipakai.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sedang mengulangkaji sistem penggredan beras bagi memudahkan pengguna-pengguna dan pengusaha-pengusaha beras. Pindaan yang dicadangkan ialah daripada 16 gred beras dikurangkan kepada 3 gred sahaja.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa LPN tidak berkuasa atau berkemampuan menggred beras, kenapakah pihak penguatkuasanya dibenarkan bermaharajalela memeriksa dan menahan lori-lori yang membawa beras yang disyaki tidak mengikut gred dan mengapakah pihak penguatkuasa mengambil masa terlalu

lama untuk membawa kes-kes ke mahkamah sehingga beratus guni beras yang ditahan menjadi rosak yang merugikan pengedar-pengedar yang didakwa?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya sekejap tadi menyatakan bahawa Kerajaan sekarang sedang mengulangkaji. Ini bukan bermakna kita tidak dapat melaksanakan tugas kita. Kita pada hari ini meneliti dari setiap sudut sebelum kita membuat keputusan. Tetapi sebagai rangka kasar, daripada 16 jenis beras yang ada pada hari ini akan kita kurangkan grednya kepada tiga dan tiga itu pun saya tidak hendak sebut juga kerana kita masih mengkaji.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa gred beras ini akan menjadi tiga gred sahaja, apakah selama ini Kementerian berpuas hati dengan penggredan yang dibuat oleh LPN?

Adakah cadangan penswastan kepada LPN ini akan dibuat tidak lama lagi?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah nyatakan tadi, hari ini kita cuba membincangkan soal 16 gred beras yang ada bertujuan untuk menyimpulkan kepada 3 jenis gred. Ini sudah pasti mempunyai tujuan-tujuan tertentu. Biarlah saya nyatakan sedikit di sini dari segi tujuan:

- (1) Kita memudahkan pengguna-pengguna mengenal gred-gred yang bermutu.
- (2) Memberi kemudahan kepada pihak pengilang-pengilang menentukan gred-gred beras yang akan dipasarkan.

Inilah tujuan kita sebagai asas ulangkaji, tetapi belum dapat kita pastikan sebagai matlamat yang tertentu pada masa ini.

**BPR—SIASATAN PROJEK
PEMBETUNGAN BATU
FERINGGI**

5. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan apakah perkembangan yang telah dibuat di dalam penyiasatan Badan Pencegah Rasuah ke dalam skandal Projek Pembetulan Batu Feringgi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, siasatan ke atas kes berkenaan telah pun selesai dijalankan yang mana hasil siasatan mendapati bahawa tidak ada keterangan yang menunjukkan perlakuan rasuah berlaku berhubung dengan pengurusan projek tersebut.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam menjalankan siasatan Badan Pencegah Rasuah, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada kakitangan atau pegawai-pegawai Kerajaan atau individu disoal oleh pihak BPR? Jika ia, bolehkah memberi nama pegawai-pegawai atau individu yang disoal oleh BPR?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, urusan mengenai dengan cara-cara tindakan BPR adalah merupakan urusan yang dijalankan mengikut peraturan dan peraturan yang dibuat adalah untuk kepentingan jabatan yang berkenaan sahaja. Saya tidak berfikir bahawa perkara itu perlu dijelaskan.

**PUSAT KESIHATAN/KLINIK—
PEMBINAAN**

6. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa banyakkah projek pembinaan pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik desa bagi tahun 1989 serta pecahan angka peruntukannya mengikut daerah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam pertanyaan ini adalah mengenai negeri Sabah. Kementerian Kesihatan telah meluluskan sejumlah \$7,376,000 untuk pembinaan 10 Pusat Kesihatan (P.K.) dan 10 Klinik Desa (K.D.) di negeri Sabah bagi tahun 1989. Pecahan peruntukan bagi melaksanakan projek pembangunan kemudahan kesihatan luar bandar mengikut daerah kesihatan adalah seperti berikut:

<i>Daerah Kesihatan</i>	<i>Peruntukan 1989</i>	<i>Kemudahan</i>
Kota		
Kinabalu	\$ 166,000	1 KD
Tuaran	\$ 954,000	1 KD + 1 PK
Kudat	\$ 584,000	1 KD + 1 PK
Sandakan	\$2,838,000	2 KD + 4 PK
Tawau	\$ 688,000	1 KD + 1 PK
Keningau	\$ 972,000	3 KD + 1 PK
Beaufort	\$1,174,000	1 KD + 2 PK
Jumlah	\$7,376,000	

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah dasar yang dipakai untuk memilih tempat untuk satu-satu Pusat Kesihatan dan Klinik Desa?

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, dasar yang diutamakan ialah bagi Pusat Kesihatan biasanya jumlah penduduk itu di sekitar 15,000 hingga 20,000 orang dan untuk Klinik Desa jumlah penduduk yang diliputi itu biasanya di kalangan 2,000 hingga 4,000 orang.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Merujuk kepada soalan asal bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan berapakah jumlah Pusat Kesihatan/Klinik di seluruh negara bagi

perancangan tahun 1989, tidak kepada Sabah.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, ini untuk Rancangan Malaysia Kelima (RML) sebenarnya. Jumlah Klinik Desa itu di Semenanjung menurut rancangan kita jumlahnya ialah 1,629 Klinik Desa dan Pusat Kesihatan itu untuk Semenanjung 391 buah. Untuk Sarawak 12 PK dan 99 KD.

LOMBONG EMAS

7. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan oleh kerana tanda-tanda yang menunjukkan Bumi Malaysia ini mengandungi banyak emas. adakah Kerajaan bercadang mengadakan perlombongan-perlombongan sebagai menambahkan lagi dari apa yang ada; dan setakat ini berapakah lombong-lombong emas yang sedia ada dalam negara Malaysia dan syarikat manakah yang mengendalikannya hingga sekarang ini.

15. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang dibuat untuk memastikan penemuan emas di Rusila dan beberapa tempat lagi di Terengganu akan ditingkatkan untuk menjadi satu perusahaan perlombongan yang berpotensi;
- (b) adakah harapan Malaysia boleh menjadi negara pengeluar emas dan sejauhmanakah kedudukannya dibandingkan dengan negara-negara pengeluar emas yang lain;
- (c) dapakah Kementerian mengeluarkan data-data mengenai kawasan yang boleh menjadi lombong emas dan banyak manakah emas yang ada dan berapa lamakah ia boleh mengeluarkan emas; dan

- (d) sekiranya tanah-tanah milik rakyat mengandungi emas, apakah jaminan tuan tanah itu terus menikmati hasil kekayaan itu kiranya Kerajaan berhajat menjadikan kawasan tanah mereka sebagai lombong yang berpotensi.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa pada hari ini oleh kerana kedua-dua soalan itu mempunyai berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Alias bin Md Ali: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mencarigali emas secara besar-besaran beberapa buah negeri seperti Kelantan dan Pahang telah mengeluarkan lesen mencarigali emas kepada syarikat perlombongan luar negeri. Di samping itu, Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan juga mengeluarkan permit dan lesen mencarigali kepada orang perseorangan atau syarikat-syarikat tempatan. Setakat akhir tahun 1988 sebanyak 28 buah lombong emas sedang beroperasi dan kesemua lombong-lombong itu dimiliki oleh syarikat-syarikat tempatan. Penemuan emas di Terengganu khususnya di Rusila telah menarik perhatian orang ramai menjadi pendulang emas. Setakat ini Kementerian saya menerusi Jabatan Penyiasatan Kaji Bumi telah mengenalpasti beberapa kawasan emas seperti Rusila dan beberapa tempat lain di negeri Terengganu. Maklumat-maklumat mengenai penemuan tersebut telah pun diserahkan kepada Kerajaan Negeri.

Di Rusila beberapa buah syarikat tempatan dan asing telah menunjukkan minat membuat penerokaan secara lanjut. Dalam hal ini terpulanglah kepada Kerajaan Negeri sama ada memberikan hak

menjelajah dan seterusnya melombong kawasan-kawasan emas kepada syarikat-syarikat yang layak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perusahaan lombong memerlukan modal yang besar serta mempunyai risiko yang tinggi, oleh yang demikian sesuatu kawasan berpotensi mestilah terlebih dahulu dikaji dengan terperinci.

Ekoran daripada penemuan itu dan berasaskan maklumat-maklumat yang ada harapan untuk menemui enapan emas saiz kecil dan sederhana adalah baik. Sungguhpun begitu, enapan emas yang besar sepertimana yang terdapat di Papua New Guinea, Kanada, Amerika Syarikat dan Australia belum dapat dipastikan di negara kita kerana penemuan seperti ini memerlukan kajian mendalam serta memakan masa yang panjang.

Berdasarkan perangkaan pengeluaran emas dunia tidak termasuk negeri-negeri Sosialis pada tahun 1987 ialah 1,374.4 tan manakala Malaysia mengeluarkan 3.5 tan iaitu 0.25% sahaja daripada pengeluaran dunia. Daripada jumlah pengeluaran negara ini sebanyak 2.7 tan adalah dihasilkan daripada lombong tembaga Mamut, Sabah iaitu sebagai pengeluaran sampingan di samping tembaga.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, aktiviti-aktiviti penjelajahan emas yang dilaksanakan oleh Jabatan Penyiasatan Kaji Bumi adalah secara peringkat tinjauan atau susulan sahaja. Pada peringkat ini maklumat-maklumat yang dikumpul mencukupi setakat menyediakan data dan membuat sempadan bagi kawasan-kawasan berpotensi mengandungi emas. Maklumat-maklumat lebih lanjut mengenai enapan emas saiz berekonomi untuk melombong dan jangka hayat melombong hanya dapat ditentukan setelah penjelajahan dan kajian kemungkinan mendalam dilaksanakan.

Perlu ditegaskan juga bahawa penjelajahan dan kajian kemungkinan terperinci memerlukan modal yang amat besar. Oleh itu syarikat-syarikat swasta yang berminat bolehlah menjalankannya.

Mengenai tanah-tanah milik yang mengandungi emas, tuan-tuan tanah boleh memohon menukar syarat tanah mereka menjadi tanah pajakan galian dan seterusnya Kerajaan Negeri mengambilalih tanah milik untuk dijadikan tanah pajakan galian seperti yang pernah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Kelantan dan terpulanglah kepada Kerajaan Negeri untuk membayar pampasan kepada tuan-tuan tanah yang terlibat.

• **Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Soalan tambahan. Baru-baru ini heboh berkenaan dengan penemuan emas di Bukit Mandi, di Rusila, Terengganu dan usaha mendulang emas di situ yang dijalankan oleh orang ramai nampaknya dilakukan dengan cara yang amat tidak teratur dan membahayakan dan tidak dipandu supaya usaha mendulang itu dilakukan secara sistematik. Pertanyaan saya, tidakkah pihak Kementerian mencampuri hal ini atau cuba menasihati Kerajaan Negeri dan orang ramai yang terlibat supaya usaha-usaha untuk memberi peluang kepada orang ramai mendapat rezeki melalui pendulangan emas di situ dapat dibimbing, dapat dibantu dan dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih sistematik sehingga ianya tidak membahayakan pendulang-pendulang yang berkenaan, di samping memberi peluang kepada orang ramai untuk mencari rezeki di situ?

Keduanya, kenapakah emas ditempatkan yang berkenaan itu iaitu di Bukit Mandi, Rusila, telah ditemui terlebih dahulu oleh orang-orang kampung. Sebelum ini tidak diisytiharkan oleh Jabatan yang berkenaan kawasan itu mengandungi

bijih emas. Ini menggambarkan kegagalan Jabatan yang berkenaan untuk mencarigali dan untuk mengadakan kaji hasil bumi yang menyeluruh kerana sudah tentulah mustahil kita hendak mengadakan emas di situ tidak dijumpai oleh pihak yang berkenaan sehingga ia ditemui oleh orang ramai terlebih dahulu. Kalau keadaan begini berlaku maka sudah tentulah mungkin ada anggapan mengatakan mungkin ditempat-tempat lain juga akan terjadi demikian iaitu penemuan akan ditemui oleh orang-orang kampung terlebih dahulu, baharulah Jabatan yang berkenaan mengambil tahu kemudiannya.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal keselamatan pendulang-pendulang, saya ingin menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa saya sendiri bersama-sama dengan Pegawai-pegawai dari Jabatan Penyiasatan Kaji Bumi telah melawat kawasan yang didulang itu dan telah menemui pendulang-pendulang serta menasihatkan mereka tentang cara-cara menggali perigi yang betul dan menjauhkan diri daripada membuat lubang-lubang sampingan atau terowong di kiri kanan oleh kerana keadaan tanah di kawasan itu adalah tidak stabil dan mungkin akan berlaku tanah runtuh. Merinyu-merinyu daripada Jabatan ini sentiasa membuat lawatan dari masa ke semasa ke tempat yang berkenaan, tetapi ada setengah-setengah pendulang-pendulang ini tidak mengikut nasihat kita dan mereka merasakan mereka boleh terselamat daripada runtuh tanah. Jadi, tidak timbul sebarang kecuaihan daripada pihak Jabatan berkenaan mengenai perkara ini. Kalau mereka bekerjasama dan mendengar nasihat, tidak mungkin berlaku tragedy yang menimpa ke atas mereka.

Perkara yang kedua, saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat dari Besut, bahawa anggapan beliau

itu tidak berapa tepat. Sebenarnya, kawasan emas di Rusila itu telah pun ditemui oleh Pegawai Jabatan Penyiasatan Kaji Bumi beberapa bulan sebelum orang kampung menemuinya dan penemuan tersebut telah dilaporkan kepada Kerajaan Negeri untuk tindakan mereka selanjutnya. Walau bagaimanapun, sebelum Kerajaan Negeri Terengganu dapat berbuat sesuatu, orang kampung telah berjumpa dengan emas itu, mungkin ada beberapa orang yang mengikuti pihak Pegawai-pegawai Jabatan Kaji Bumi ini pergi bersama dengan mereka dan mereka mendapat tahu maklumat "first hand information", dengan izin, jadi, itulah sebabnya perkara ini kelihatan seolah-olah orang kampung jumpa dahulu. Sebenarnya, tidak begitu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan usaha penjelajahan emas dan penerokaan yang telah dijalankan di Malaysia. Saya dapati di Terengganu sahaja tidak kurang daripada 13 tempat lagi yang ditemui dengan emas. Jadi, saya ingin tahu daripada pihak Kementerian, apakah rancangan-rancangan serta persediaan awal terhadap kawasan-kawasan baru yang dijumpai dengan emas ini kerana sekarang ini kita tahu ramai rakyat, walaupun tidak diumumkan oleh pihak Kementerian, telah pun terlebih awal meneroka serta merintis emas yang ada di kawasan-kawasan yang tidak dinyatakan itu dengan secara detail.

Kedua, didapati pendulang-pendulang emas seperti di Lubuk Mandi hanya berupaya mengambil emas itu dalam kadar 45% sahaja. Apakah kaedah yang seharusnya dibuat supaya bakinya 55% itu dapat diambil sepenuhnya. Saya ingin tahu juga daripada pihak Kementerian di bawah peruntukan Kementerian Perusahaan Utama, ada satu kaedah, tunjukajar serta teknologi yang

dikhususkan kepada orang Melayu, bumiputera bagi mengusahakan galian-galian yang ada, bukan sahaja emas tetapi galian-galian yang lain. Kenapakah peruntukan dan kaedah itu tidak diaplikasikan kepada pendulang-pendulang emas yang sedang beroperasi secara besar-besaran di Lubuk Mandi, Marang, hari ini.

Soalan yang terakhir, saya tertarik dengan kenyataan bahawa Kerajaan ada memberikan peluang kepada tuan-punya-tuan-punya tanah untuk menjadikan tanah mereka itu tanah milik pajakan dengan cara tukar, tetapi ramai di antara pemilik-pemilik tanah ini tidak tahu kaedah dan caranya. Apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh pihak Kementerian supaya pemilik-pemilik tanah itu dapat memanfaatkan persediaan ataupun apa yang telah ada di Kementerian itu bagi menjadikan tanah mereka itu dapat diterokai sepenuhnya dan memberi pulangan faedah baik kepada dirinya dan juga kepada pihak Kerajaan Negeri.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soal melombong adalah soal bidang kuasa Kerajaan Negeri dan terpulanglah kepada budibicara Kerajaan Negeri untuk membuat perlombongan secara yang teratur atau sebaliknya, memandang keadaan ini berterusan dengan membenarkan orang ramai mendulang secara yang ada sekarang. Saya tidak pasti dari mana Yang Berhormat dapat angka cuma 45% sahaja yang pendulang boleh ambil, yang 55% itu tidak boleh diambil. Saya tidak dapat sahkan atau nafikan perkara ini, tetapi saya yakin Kerajaan Negeri sedang mempunyai rancangan-rancangan yang tersendiri selepas daripada pendulang-pendulang yang ada sekarang ini sudah tidak larat lagi hendak bekerja apabila mereka sudah sampai kepada paras batu di bawah tanah yang kemungkinan tidak dapat digali

dengan tangan, dan kemungkinan Kerajaan Negeri akan memikirkan cara lain.

Mengenai soalan ketiga, iaitu latihan untuk melombong bagi bumiputera, memang Kementerian saya melalui Jabatan Perlombongan mempunyai peruntukan-peruntukan untuk melatih pelombong-pelombong bumiputera, bukan sahaja untuk melombong emas, tetapi apa-apa juga melombong, tetapi permintaan untuk mendapatkan latihan seperti ini hendaklah datang daripada Kerajaan Negeri. Mengenai perkara tanah tadi, barangkali Yang Berhormat ada sedikit salah faham. Apa yang saya jelaskan tadi ialah bahawa tanah yang dimiliki oleh orang perseorangan itu boleh meminta ditukar syaratnya dan Kerajaan Negeri boleh mengambil tanah itu dan dijadikan tanah pajakan galian dan pemilik tanah itu boleh dibayar sagu hati ataupun pampasan daripada tanah yang diambilalih oleh Kerajaan Negeri.

MENTERI KEHAKIMAN DAN MENTERI DALAM NEGERI

8. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau masih tidak dapat berjumpa dengan Ahli-ahli Parlimen dalam Barisan Nasional yang mempunyai kelayakan yang cukup untuk menjawat portfolio Menteri Kehakiman dan Menteri Dalam Negeri sehingga beliau terpaksa menjawat kedua-dua jawatan itu ataupun beliau mempunyai sebab-sebab yang lain kenapa beliau mahu memegang jawatan Menteri Kehakiman dan Menteri Dalam Negeri, jika ya, nyatakan sebab-sebab itu.

20-3-89.

39. Tuan Lau Dak Kee minta Perdana Menteri menyatakan setiap ahli

Kabinet boleh memegang beberapa jawatan sebagai Menteri Kabinet dan:

- (a) adakah Menteri berkenaan berkemampuan untuk menemui tugasnya bagi tiap-tiap Kementerian yang ia pegang; dan
- (b) mengapa Menteri yang tiada portfolio menggantikan Menteri-menteri yang bercuti atau tidak mampu menjalankan tugasnya sementara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat dari kawasan Pasir Panji pada 20-3-1989.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang berkebolehan dan mampu menjalankan tugas-tugas Menteri Kehakiman dan Menteri Dalam Negeri dan ini adalah bertujuan untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada Kerajaan dan rakyat. Amalan ini bukanlah satu perkara yang baru bagi seorang Perdana Menteri memegang portfolio Menteri-menteri lain dalam kabinetnya. Selain daripada portfolio-portfolio berkenaan, Perdana Menteri sebelum ini pernah juga menjalankan tugas-tugas lain seperti Menteri Kewangan. Begitu juga Menteri-menteri mampu menjalankan tugas Menteri-menteri lain dalam tempoh mereka bercuti.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah dikatakan amalan biasa dalam Parliamentary Democracy untuk Perdana Menteri memegang beberapa jawatan—saya bersetuju, tetapi memandangkan bahawa sekarang Yang Amat Berhormat itu sakit, kita DAP mahu dia sihat semula, bagaimana dia boleh kerja kuat macam ini memegang 2-3 office, macam manakah beliau boleh sihat

semula lagi? Saya mintalah beri satu jawapan sama ada, dari segi kesihatan sahaja, adakah dia sanggup untuk menyerahkan satu atau dua Kementerian?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tadi tidak menyebutkan sama ada waktu dia sakit ataupun selepas dia sakit. Kalau soalan itu menyebutkan setelah beliau sakit buat sementara waktu, maka sudah tentu jawapan itu saya buat jawapan yang sesuai dengan keadaan sewaktu dia uzur. Tetapi saya fikir kalau sekiranya ada yang berminat, mungkin kalau Perdana Menteri merasa benar-benar uzur, mungkin Yang Berhormat pun boleh menjadi calon untuk difikirkan oleh beliau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, apakah benar tuduhan mengatakan oleh kerana kerja banyak, jadi Perdana Menteri terlampau demokratik sebagai Menteri Dalam Negeri sehinggakan orang yang masuk tahanan ISA apabila dia keluar, dia lebih teruk lagi sehingga seolah-olah terpaksa ditangkap semula? Apakah benar tuduhan yang berkenaan, dia terlampau demokratik?

Beberapa Ahli: Boo! (Ketawa)

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat dan negara menyaksikan bahawa perjalanan pentadbiran, pengurusan yang berkaitan dengan Kementerian-kementerian yang dipegang oleh Yang Amat Berhormat berjalan dengan baik. Maka sebab itulah usaha-usaha yang dibuat seperti yang berlaku dalam Kementerian Dalam Negeri berjalan dengan mendapat penuh keyakinan daripada rakyat dan kerana itu apabila berlaku pilihanraya kecil di

Ampang Jaya, rakyat masih menyokong dan ini membuktikan bahawa urusan yang dibuat oleh Perdana Menteri mendapat keyakinan daripada rakyat.

SKIM SUBSIDI BAJA PADI

9. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan iaitu dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti pertanian negara, berapa banyak wang yang telah diperuntukkan bagi skim subsidi baja padi, program subsidi input dan pelbagai tanaman, skim subsidi lada hitam, skim subsidi sago dan bagi rancangan pemulihan kawasan kelapa bagi lima tahun kebelakangan ini. Nyatakan sama ada objektif itu tercapai atau bagaimana.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang diperuntukkan untuk tempoh lima tahun kebelakang ini (1984 sehingga 1988) bagi skim dan program sepertimana yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

(i) Skim subsidi baja padi	\$367.9 juta
(ii) Program subsidi input dan mempelbagaikan tanaman (Negeri Sarawak)	\$ 23.5 juta
(iii) Skim subsidi lada hitam	\$ 19.2 juta
(iv) Skim subsidi sago	\$ 6.9 juta
(v) Rancangan pemulihan kawasan kelapa	\$ 44.9 juta

Skim subsidi input dan mempelbagaikan tanaman bagi Semenanjung telah dihentikan pada tahun 1983 lagi. Di bawah rancangan pemulihan semula kawasan kelapa pula, projek ini telah dihentikan sejak tahun 1985, walau bagaimanapun bagi kawasan-kawasan yang belum sempurna penerimaannya, bantuan akan terus diberikan sehingga 1990.

Pada amnya objektif-objektif bagi skim subsidi ini dijalankan ialah untuk:

- (i) mengurangkan kos input yang ditanggung oleh petani-petani;
- (ii) memperluas dan mempelbagaikan punca-punca pendapatan petani menerusi aktiviti-aktiviti sampingan selain dari kegiatan utama masing-masing;
- (iii) memudah dan melicinkan perpindahan teknologi-teknologi moden kepada petani-petani; dan
- (iv) membantu dan menggalakkan petani-petani memperdagangkan hasil pengeluaran mereka.

Skim subsidi tanaman tersebut adalah selaras dengan usaha Kerajaan meningkatkan pendapatan petani-petani bagi mengatasi kemiskinan serta mengeluarkan bahan-bahan makanan secukupnya untuk keperluan negara. Dengan adanya skim seperti ini, kebanyakan pekebun-pekebun kecil dapat meningkatkan pengeluaran dan menambah pendapatan mereka dan seterusnya dapat mengatasi garis kemiskinan. Sungguhpun objektif utama skim-skim tersebut tidaklah sepenuhnya menumpukan kepada peningkatan produktiviti tetapi setidak-tidaknya skim tersebut telah memberi sumbangannya kepada peningkatan produktiviti pertanian secara amnya menerusi peningkatan pengeluaran dan penambahan pendapatan pekebun-pekebun kecil yang terlibat. Dalam 5 tahun tersebut lebih kurang 85,580 orang pekebun kecil dan 336,804 orang pesawah telah mendapat manfaat daripada skim ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa kebanyakan skim subsidi yang diberi sekarang ini tidak berkesan secara

menyeluruh dalam usaha hendak meningkatkan hasil pertanian dan sekali gus membasmi kemiskinan di kalangan petani-petani? Dan oleh itu, adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula semua bentuk skim yang ada ini supaya apa jua subsidi yang diberi ini bukan sahaja memberi faedah tetapi berkesan dalam usaha hendak meningkatkan hasil-hasil pertanian kerana walaupun Kerajaan menyebut berbagi-bagai subsidi tetapi kalau kita lihat di negara-negara Barat yang maju pun sampai hari ini memberi subsidi hampir 300% dalam bidang pertanian, kalau tidak silap saya, sebab itu negara-negara tersebut berjaya menghasilkan bahan-bahan pertanian yang cukup untuk keperluan negara manakala kita di sebut subsidi, tetapi saya dapati ianya tidak boleh membantu rakyat dalam bidang pertanian, ibarat kata "di langit tidak sampai, di bumi tidak terpijak", tidak sampai pun 50% sahaja subsidi yang dimaksudkan ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya suka sangkal pendapat Yang Berhormat dari: . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: 50% maksud saya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, biarlah sekali lagi saya menyatakan sangkalan saya terhadap kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas sekejap tadi. Sebenarnya saya nyatakan sekejap tadi bahawa kita telah berjaya dalam masa 5 tahun ini memberi pertolongan kepada sekurang-kurangnya 85,580 pekebun kecil dan 336,804 pesawah. Dan suka juga saya nyatakan kepada Yang Berhormat di sini bahawa kita telah cuba seboleh-bolehnya menghentikan pemberian subsidi melainkan subsidi baja padi. Itulah sebabnya program subsidi input dan mempelbagaikan tanaman umpamanya dihentikan pada tahun 1983 dan jua skim pemulihan

kelapa dan koko dihentikan juga pada tahun 1985. Ertinya kita hari ini cuba mengajar rakyat kita supaya tidak bergantung sepenuhnya kepada subsidi.

Selain daripada itu kita juga bukanlah tidak menjalankan kegiatan kita dari segi subsidi, kita juga memberi pertolongan secara demonstrasi, demonstrasi bersepadu umpamanya, yakni jikalau segolongan kumpulan petani-petani ingin melaksanakan kegiatan berkelompok, maka pihak Kementerian akan menghulur bantuan secara infrastruktur ataupun secara prasarana dan juga akan di samping itu memberi benih, baja dan juga perkara-perkara yang diperlukan untuk kegiatan tanaman-tanaman yang berkenaan. Jadi, semuanya ini merupakan langkah-langkah yang kita benar-benar memberi pertolongan kepada rakyat, kepada petani dan pihak petani juga saya meminta khususnya berhubung dengan baja padi yang disebutkan barangkali, yang dimaknakan oleh Yang Berhormat sekejap tadi iaitu terdapat setengah daripada mereka, bukan semua, setengah daripada mereka tidak menggunakan sepenuhnya baja padi yang dihulurkan kepada mereka.

Dan saya di Dewan yang mulia ini menjemput dan meminta mereka supaya mengguna apa sahaja baja padi terutama baja padi yang diterima oleh mereka supaya setiap beg ataupun setiap kilo baja yang dihulur oleh Kerajaan itu diguna dengan sebaik-baiknya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bersetuju dengan soalan Ahli dari Pasir Mas tetapi saya tidak setuju dengan perjuangan dia, soalan dia tadi sahaja iaitu apakah Yang Berhormat sedar bahawa subsidi yang diberikan kepada petani sejak 12 tahun yang lalu dan tidak pernah pun diubah-ubah

ataupun tidak pernah ditambah, sebaliknya kadar inflasi bertambah. Apakah Yang Berhormat sedar tentang keadaan ini, dan kita lihat rata-ratanya berada di bawah paras kemiskinan.

Soalan yang kedua, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat sekali lagi, tanaman padi dan juga lain-lain tanaman pertanian adalah merupakan tanaman yang memiskinkan orang. Itu sebab negara-negara Eropah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, memberi subsidi sampai 300% dan Jepun memberi subsidi kepada bahan-bahan pertanian terutamanya padi sampai 400% tetapi kita hanya beri 50%, kita anggap ini sudah terlampau banyak, yang banyaknya kerana kita namakan subsidi, kalau kita tukar nama jadi galakan, insentifkah, saya percaya benda ini masih lagi kecil sebab ini kita paksa rakyat berada dalam lapangan yang memiskinkan mereka, apakah Yang Berhormat bercadang untuk menambahkan subsidi, sebab saya salah seorang daripada Ahli MPEN akan mencadangkan supaya subsidi ditambah beratus kali ganda. Terima kasih.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya subsidi yang kita hulus kepada petani-petani boleh dikatakan banyak, biar saya nyatakan tentang figurenya. Umpamanya subsidi baja padi sahaja berjumlah tidak kurang daripada \$70 hingga \$80 juta setahun, dan selain daripada itu kita beri juga subsidi harga padi dan subsidi harga padi ini jikalau dikira tiap-tiap tahun tidak kurang daripada \$164 juta, jadi ini merupakan subsidi-subsidi yang kita hulus kepada penanam-penanam padi kita. Dan yang lain-lain lagi sepertimana yang saya nyatakan tadi kita tidak sangat menggalakkan supaya mereka bergantung 100% dengan subsidi. Kita mahu mereka berdiri di atas kaki mereka sendiri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Harga padi, orang lain semua boleh makan beras.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak dibenarkan. *(Ketawa)* Ya, sila.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat mengatakan ada di antara orang-orang yang menerima subsidi baja, mereka tidak menggunakan baja itu. Adakah pihak Kementerian tahu apakah sebab mereka tidak gunakan baja itu, yang pertama.

Yang keduanya, saya hendak bertanya, baja-baja ini kita ambil import daripada negeri mana, dan adakah Kerajaan sedar atau tidak perkara ini bahawa baja-baja yang disubsidikan oleh Kerajaan ianya boleh memudaratkan tanah ataupun bendang yang ditanam padi oleh orang-orang kampung membawakan lama kelamaan guna baja itu padi tidak jadi, dia naik pokok sahaja segar dan besar tetapi buah tidak ada. Ini sudah dikesan dan sudah dipercam sebab itu saya tanya daripada negeri mana baja ini, kita bimbang takut-takut daripada negara-negara yang tidak ikhlas terhadap negara kita membawakan mematikan pertanian kita ataupun bumi subur kita menjadi bumi yang tidak berbuah. Terima kasih, tiga soalan itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, biar saya nyatakan komposisi baja kita terlebih dahulu untuk saya menjawab selanjutnya, umpamanya baja kita pada hari ini terdiri ataupun

merangkumi tiga jenis elemen, elemen amophos dan campuran NPK ataupun nitrogen potasium dan juga phosferus dan juga urea.

Dan kalau satu ekar tanah maka amophos terdiri daripada 4 kilogram dan 80 kilogram campuran NPK dan 40 kilogram urea. Jadi tidak usahlah sebut daripada negeri mana baja ini datang, sebab kalau disebut campuran-campuran yang tertentu sudah menjadi common knowledge dan

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Dari negeri mana saya mahu tahu. Saya takut daripada komunis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta keterangan dahulu Yang Berhormat. Silakan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, apabila ianya merupakan common knowledge maka tidak payah saya memberitahu. Yang keduanya, pihak negara kita, negara Malaysia ini tidak akan mengimport daripada negara-negara yang tidak tentu arah. Yang keduanya, berhubung dengan katanya baja ini memudaratkan tanah, memudaratkan hasil mahsul atau menjejaskan hasil mahsul. Setakat ini mengikut kajian kita, kita ada MARDI dan sebagainya, hasil mahsul kita bertambah tahun demi tahun, jadi saya suka sangkal kata Yang Berhormat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu memang barangkali berasaskan sesuatu yang tidak puas hati.

Tuan Hu Sepang: Tuan Speaker, point of order. Masa sudah cukup—tidak payah jawablah. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, malangnya tidak sampai kepada soalan Yang Berhormat. Masa pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah selesai.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan 10 hingga 48 adalah diberi dibawah ini).

SEMPADAN PERAIRAN MALAYSIA-FILIPINA

1. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah tercapainya rundingan untuk menentukan garis sempadan perairan di antara Malaysia dengan Filipina, setelah rundingan mengenai perkara tersebut dilangsungkan antara kedua negara di Kuala Lumpur baru-baru ini.

37. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil perundingan antara Malaysia dan Filipina mengenai perjanjian sempadan laut berkaitan dengan penindihan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ); sama ada perjanjian ini akan membawa kepada perbincangan mengenai perondaan bersama di perairan bersama kita, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Saya mohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada hari ini juga kerana soalnya menyentuh perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan yang diadakan di Kuala Lumpur dari 25hb hingga 26hb Januari, 1989 di antara Malaysia dan Filipina bertujuan untuk mengadakan satu peraturan sementara mengenai perikanan di kawasan tuntutan bertindih. Ini sejajar dengan peruntukan Undang-undang Laut Bangsa-Bangsa Bersatu 1982. Rundingan berkenaan merupakan peringkat pertama dan bersifat "exploratory". Kedua-dua pihak telah bertukar-tukar pendapat dan memberi penjelasan mengenai peraturan

sementara yang dimaksudkan. Dipersetujui juga perundingan akan disambung pada suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Berhubung kawasan tuntutan bertindih, kedua-dua negara telah bersetuju untuk merundingkan perkara tersebut di masa hadapan.

BOEING 747 MAS—TEMPAHAN

10. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah kapal terbang Boeing 747-400 MAS telah membeli daripada Syarikat Boeing dan bilakah kapal-kapal terbang tersebut akan disampaikan;
- (b) sebab mengapa terdapat kelewatan dalam penyampaian kapal-kapal terbang tersebut;
- (c) kerugian yang ditanggung oleh MAS akibat kelewatan ini; dan
- (d) pampasan yang dituntut oleh MAS daripada Boeing.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):

- (a) Penerbangan Malaysia (MAS) telah menempah sebanyak enam (6) buah pesawat jenis B747-400 yang dijangka tiba secara berperingkat-peringkat di antara tahun 1989 dan 1994.
- (b) Pihak Syarikat Boeing telah memberitahu bahawa dua (2) buah pesawat B747-400 yang telah ditempah oleh MAS yang sepatutnya tiba pada bulan Mac dan Mei 1989, hanya dapat diserahkan pada bulan Oktober dan November 1989. Menurut maklumat yang diterima daripada Syarikat Boeing, kelewatan tersebut adalah disebabkan adanya arahan dari Pentadbiran Penerbangan Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Aviation Administration of the United States of

America) yang memastikan supaya pesawat-pesawat B747-400 menjalani program pemeriksaan (test programme) yang berbeza daripada program pemeriksaan untuk pesawat-pesawat B747 jenis terdahulu.

- (c) MAS pada masa sekarang belum lagi dapat memastikan implikasi-implikasi kewangan akibat daripada kelewatan sampainya pesawat-pesawat tersebut. Walau bagaimanapun, adalah dijangka bahawa kelewatan ini akan menjejaskan rancangan MAS untuk memperluaskan rangkaian perkhidmatan antarabangnya.
- (d) MAS sedang mengkaji perkara ini untuk menentukan tindakan-tindakan yang dapat diambil dari segi perundangan.

PUSAT KESIHATAN BESAR TASIK GELUGOR

11. Tuan Mohd. Yussof bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian Kesihatan sedar bahawa Pusat Kesihatan Kecil di pekan Tasek Gelugor telah dinaikkan menjadi Pusat Kesihatan Besar tetapi bangunan dan alat kelengkapannya masih kecil termasuklah kereta Ambulans yang ada terpaksa dipinjam dari Butterworth;
- (b) adakah Kementerian bercadang melengkapkan pelbagai peralatan yang diperlukan di Pusat Kesihatan tersebut bagi memenuhi keperluan penduduk yang semakin bertambah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dr Ting Chew Peh): Untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Kesihatan Kecil Tasek Gelugor telah dinaikkan taraf kepada Pusat Kesihatan Besar pada tahun 1976.

Sebelum tahun 1976, ia mempunyai blok klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak, blok klinik pesakit luar dan kuarters kakitangan. Dengan kenaikan taraf itu, bangunan pentadbiran, pergigian serta kuarters tambahan termasuk kuarters untuk Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian telah dibina. Ini adalah menurut syarat-syarat kenaikan taraf yang telah ditentukan oleh Kementerian Kesihatan. Kelengkapan dan kenderaan tambahan telah disediakan sesuai dengan kenaikan taraf itu.

Sebuah ambulans yang dipinjamkan dari Hospital Daerah Butterworth adalah ditempatkan secara tetap di PKB tersebut. Peraturan ini tidak mengganggu perkhidmatan ambulans di Hospital Daerah Butterworth kerana Hospital Daerah tersebut mempunyai bilangan ambulans yang mencukupi untuk keperluan hospital.

Keperluan kelengkapan tambahan akan dibekalkan kepada Pusat Kesihatan dari masa ke masa jika ada justifikasi.

PENYERTAAN BUMIPUTERA DI JABATAN KERJARAYA

12. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kerajaan telah menubuhkan bahagian pusat penyertaan bumiputera di Jabatan Kerjaraya di peringkat persekutuan dan negeri untuk membantu kontraktor-kontraktor bumiputera dalam mendapat lesen, kontrak dan khidmat perundingan. Jika ya, bila bahagian tersebut ditubuh dan kalau belum, mengapa.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu unit yang dinamakan unit penyertaan bumiputera telah ditubuhkan di kementerian ini pada tahun 1973, tetapi pada tahun 1980, unit ini telah dinaikkan tarafnya ke peringkat bahagian dan pada hari ini

ianya dikenali sebagai bahagian kontrak, penyenggaraan dan Bumiputera. Bahagian ini dibantu oleh pejabat pengurus bangunan di setiap Bangunan Gunasama Persekutuan dan Unit Kontrak, Penyenggaraan dan Bumiputera di semua negeri di Semenanjung Malaysia. Unit-unit kontrak, Penyenggaraan dan Bumiputera ini tidak diperluaskan ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak disebabkan di negeri-negeri tersebut telahpun ada jabatan-jabatan yang melaksanakan tugas-tugas yang serupa dengan pejabat-pejabat unit ini.

Di antara tanggungjawab utama bahagian ini ialah:

- (i) Untuk memastikan penyertaan sekurang-kurangnya 30% kaum bumiputera di dalam bidang industri kontrak pembinaan.
- (ii) Memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada kontraktor-kontraktor bumiputera yang melaksanakan projek-projek JKR dari segi teknikal dan kontraktual.
- (iii) Menyelaraskan pengawasan atau kemajuan projek-projek yang dikendalikan oleh kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera untuk memastikan projek-projek tersebut dapat disiapkan di dalam kontrak atau lanjutan masa yang ditentukan.
- (iv) Menganjur kursus-kursus yang memberi latihan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera, seperti kursus asas binaan, kursus lanjutan, kursus pendek dan forum-forum kontrak binaan.
- (v) Menyediakan kemudahan-kemudahan pinjaman pendahuluan di bawah skim kumpulan wang amanah kontraktor kepada kontraktor-kontraktor bumiputera yang

memperolehi tawaran kerja Persekutuan.

- (vi) Menguruskan pentadbiran kontrak supaya selaras dengan tatacara kewangan dan peraturan yang telah ditetapkan.
- (vii) Menyenggara bangunan gunasama Kerajaan supaya berada di dalam keadaan selamat dan selesa untuk diduduki.
- (viii) Memastikan pengurusan dan penyenggaraan jalan-jalan Persekutuan dan harta benda Kementerian Kerjaraya dikendalikan dengan memuaskan dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tugas mendaftarkan kontraktor-kontraktor adalah di bawah bidang kuasa pusat khidmat kontraktor-kontraktor, Jabatan Perdana Menteri.

SKIM TANGGA GAJI GURU-GURU

13. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan skim 2 tanggagaji kepada guru-guru. Adakah skim dua tanggagaji ini boleh menyelesaikan dan meningkat lagi mutu perkhidmatan Pegawai-pegawai Kerajaan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Kerajaan telahpun memutuskan untuk mewujudkan dua skim tanggagaji iaitu bagi Guru-guru Siswazah dan Bukan Siswazah yang dikuatkuasa mulai 1 Januari, 1989.

Sesungguhnya adalah menjadi harapan Kerajaan dengan wujudnya dua skim tanggagaji ini akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan.

JALAN BUKIT BERTAM— SIMPANG BANGGOL JAS

14. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah jalan dari Bukit Bertam ke Simpang Banggol Jas di Salama, Perak akan ditarkan bagi kemudahan penduduk-penduduk dan murid-murid sekolah keadaannya sangatlah mendukacitakan pada hal kita sudah merdeka hampir 31 tahun.

Dato' S. Samy Vellu: Jalan dari Bukit Bertam ke Simpang Banggol Jas, Selama, Negeri Perak Darul Ridzuan adalah merupakan jalan negeri. Jalan tersebut adalah jalan tanah merah "Laterite" yang telah dibina di bawah Rancangan Jalan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan bahawa peruntukan sejumlah \$500,000 telah pun diluluskan dalam tahun 1989 ini dan JKR Negeri Perak Darul Ridzuan sedang mengambil tindakan memanggil tender bagi melaksanakan kerja-kerja mengetarkan jalan tersebut.

HOSPITAL DAERAH

16. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah Hospital Daerah yang wujud di negara ini dan bilakah rancangan Kementerian hendak mewujudkan sebuah hospital bagi tiap-tiap daerah di negara ini hendak dilaksanakan.

Dr Ting Chew Peh: Setakat ini terdapat 79 buah hospital daerah di negara ini, 53 di Semenanjung, 12 di Sabah dan 14 di Sarawak. Kementerian Kesihatan memang berhasrat membina satu hospital di tiap-tiap daerah. Ini akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan dan kedudukan kewangan. Dalam Rancangan Malaysia Kelima peruntukan telah diberi untuk membina hospital di 11 buah daerah yang tidak mempunyai hospital.

GURU BESAR SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN

17. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sehingga 28hb Februari, 1989 bilangan (mengikut pecahan negeri) Guru Besar di Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang tidak berkelayakan Bahasa Mandarin semenjak sekolah-sekolah tersebut ditukarkan taraf daripada sekolah-sekolah Cina sejak tahun 1961; dan
- (b) apakah dasar Kerajaan Barisan Nasional terhadap perkara ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana Bahasa Pengantar yang digunakan di sekolah-sekolah menengah (termasuk juga Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang dulunya aliran Bahasa Cina) adalah Bahasa Malaysia, maka soal penempatan pengetua-pengetua yang berkelayakan Bahasa Mandarin di Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan adalah tidak timbul.

ORANG CACAT—BILANGAN

18. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jumlah orang cacat semakin bertambah di seluruh negara dan berapakah jumlah sebenar orang cacat yang berdaftar dan apakah rancangan yang diadakan untuk mengurangkan jumlah orang cacat yang menganggur dan adakah Kementerian bercadang untuk membuat cadangan supaya ibubapa kepada kanak-kanak cacat diberikan potongan cukai pendapatan yang tinggi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Kementerian Kebajikan Masyarakat sedar akan penambahan bilangan orang cacat di negara ini. Jumlah orang cacat yang

telah mendaftar dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat sehingga 1 Januari 1989 ialah seramai 38,293 orang. Di antara rancangan-rancangan untuk mengurangkan orang cacat yang menganggur ialah:

- (1) memberi latihan vokasional yang sesuai dengan kecacatan dan kebolehan mereka di institusi Kementerian dan Badan-badan Sukarela;
- (2) membantu mereka dengan pekerjaan di sektor awam, swasta dan kilang-kilang;
- (3) memberi modal untuk memulakan perusahaan atau perniagaan kecil kepada yang berminat dan mempunyai kemahiran dan pengalaman;
- (4) memberi alat tiruan supaya boleh berdikari;
- (5) memberi elaun galakan pekerjaan; dan
- (6) menggalakkan mereka memasuki Rancangan Pemasaran Kementerian.

Di samping itu, atas cadangan Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kerajaan baru-baru ini telah meluluskan satu dasar untuk memberi peluang pekerjaan sebanyak 1% kepada orang cacat di sektor awam.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya ibubapa kepada kanak-kanak cacat diberi potongan cukai pendapatan yang lebih tinggi, Kementerian Kebajikan Masyarakat menyambut baik cadangan itu dan akan mengkajinya dengan lebih mendalam sebelum membuat sesuatu perakuan.

PENYAKIT DIPHTHERIA

19. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menjelaskan mengapa wabak penyakit "diphtheria" dibenarkan berlaku cuma setahun selepas ia berlaku di kawasan yang sama di Lembah Kelang, dan beliau haruslah

berwaspada orang ramai pandang berat tentang ketidakcekapan Kementerian Kesihatan.

Dr Ting Chew Peh: Saya suka memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah pun mengadakan rancangan kawalan penyakit difteria menerusi perkhidmatan imunisasi semenjak Merdeka dahulu lagi. Pada keseluruhannya perkhidmatan imunisasi ini telah diterima oleh rakyat dan kejadian penyakit difteria telah menurun sebanyak 95% di antara tahun 1961 (1683 kes) dan tahun 1988 (79 kes). Bagaimanapun terdapat segelintir masyarakat yang tidak percaya kepada kebaikan perkhidmatan imunisasi ini dan tidak membenarkan anak-anak mereka menerima perkhidmatan ini. Di kalangan masyarakat inilah biasanya penyakit difteria berlaku. Misalnya pada bulan Februari 1988 sebanyak 7 kes difteria dengan satu kematian telah dilaporkan daripada Kampung Sungai Udang, Kelang. Semua kes-kes ini tidak menerima imunisasi difteria. Begitu juga pada tahun ini sebanyak 8 kes difteria dengan satu kematian telah dilaporkan pada bulan Februari di Sungai Penchala, Kuala Lumpur. Daripada siasatan yang dibuat semua pesakit ini tidak menerima imunisasi difteria. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga kedua-dua kejadian yang berlaku di Kampung Sungai Udang, Kelang dan di Sungai Penchala, Kuala Lumpur tidak ada kaitan dari segi epidemiology. Sungguhpun tempat-tempat ini adalah di dalam kawasan Lembah Kelang tetapi jarak di antara satu dengan lain ialah 32 km.

Oleh sebab ada segelintir masyarakat yang tidak faham kebaikan perkhidmatan imunisasi, Kementerian Kesihatan akan meningkatkan lagi usaha-usaha pelajaran kesihatan untuk memberi maklumat yang secukupnya kepada golongan-golongan ini supaya mereka dapat menerima

perkhidmatan imunisasi difteria bagi mengelakkan anak-anak mereka terkena penyakit ini.

SEWA TELEFON

20. Tuan Haji Mohd. Yusoff bin Abdul Latiff minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar bahawa harga sewa telefon bagi penduduk-penduduk di kawasan Telok Air Tawar, Seberang Perai iaitu di dalam kawasan Parlimen saya terlalu tinggi sehingga ramai juga yang membatalkan penggunaannya; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang membina sebuah pusat ibusawat telekom di situ.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):

- (a) Kementerian saya sedar kadar sewa telefon di kawasan Telok Air Tawar tinggi disebabkan oleh jarak di antara Telok Air Tawar dengan ibu sawat telefon, yang menjadi asas perkiraan kadar sewa adalah jauh iaitu antara 8 hingga 10 kilometer.

Sungguhpun di dalam tahun 1988, pembekalan telefon kepada 52 pelanggan termasuk 31 daripadanya di atas permohonan sendiri telah dipotong, tetapi dalam masa yang sama, sebanyak 55 pelanggan baru telah dibekalkan dengan perkhidmatan telefon.

- (b) Semenjak Jabatan Telekom Malaysia dicorporatiskan projek-projek pembinaan rangkaian perkhidmatan telefon dipertanggungjawabkan kepada Syarikat Telekom Malaysia (STM). Mengikut Syarikat Telekom Malaysia, ibusawat telefon Butterworth yang membekalkan perkhidmatan kepada kawasan Telok Air

Tawar mempunyai keupayaan untuk menampung lebih daripada 10,000 pelanggan dan syarikat itu tidak bercadang membina ibusawat baru.

PERISTIWA MENEMBAK JATUH PESAWAT MIG LIBYA

21. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang mana Malaysia selaku Pengerusinya berhubungannya peristiwa menembak jatuh dua buah pesawat MIG-23 Libya oleh pesawat pejuang Tentera Laut Amerika Syarikat di Laut Mediterranean awal tahun ini.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (MKBB) telah bersidang sebanyak enam (6) sesi dengan dipengerusikan oleh Malaysia, bagi membincangkan aduan Libya mengenai tindakan Amerika Syarikat menembak jatuh dua buah pesawatnya. Beberapa negara telah turut serta dalam perbincangan mengenai peristiwa itu.

Di akhir persidangan tersebut, deraf resolusi tidak diluluskan kerana dibangkang oleh Amerika Syarikat dan dua negara yang menggunakan kuasa "veto" mereka.

Untuk makluman, keputusan undian terhadap deraf resolusi tersebut adalah seperti berikut:

- | | |
|--------------|---|
| 9 menyokong | (Malaysia, Algeria, Yugoslavia, Ethiopia, Nepal, Senegal, Colombia, Russia, China). |
| 4 menentang | (Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Kanada). |
| 2 berkecuali | (Brazil, Finland) |

API LETRIK—BEKALAN DI KAMPUNG-KAMPUNG

22. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlah kampung-kampung di luar bandar yang masih belum mendapat bekalan api letrik. Dari jumlah ini bilakah Kerajaan dapat pastikan kesemuanya akan dapat bekalan letrik sekurang-kurangnya 12 jam.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Untuk makluman Yang Berhormat adalah dianggarkan sebanyak lebih kurang 3,500 buah kampung lagi di seluruh negara yang masih belum mendapat kemudahan bekalan elektrik luar bandar sehingga tahun 1989 ini. Adalah dijangkakan di akhir Rancangan Malaysia Ke Enam (1995) hampir kesemua kampung di Semenanjung Malaysia akan dapat dibekalkan dengan kemudahan letrik 24 jam.

Bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak kemajuan liputan akan mengambil masa lebih lama kerana sebilangan besar dari kampung-kampung di negeri-negeri tersebut sangat terpencil, berselerak dan jauh di pedalaman bagi membolehkan bekalan dapat diadakan dengan cepatnya.

Antara alternatif yang dirancang bagi mengatasi masalah bekalan elektrik ke kampung-kampung yang terpencil di mana kos untuk membawa talian voltan tinggi adalah terlalu mahal, ialah menggunakan sumber tenaga yang lain seperti tenaga solar.

SIMPANAN MINYAK NEGARA

23. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan kadar penghausan simpanan-simpanan petroleum dan gas yang tersedia ada pada masa kini. Berapa tahun lagikah simpanan-simpanan ini dapat

bertahan. Buat masa ini, apakah bilangan telaga minyak dan gas yang sudah ditutup kehausan berbanding dengan bilangan telaga baru yang berjaya dijumpai. Pada jangkaan Kerajaan, berapa banyakkah simpanan petroleum dan gas yang masih belum dijumpai. Berapa banyakkah simpanan yang berjaya dikesan tetapi operasi pengeluaran belum dimulakan.

Datuk Kasitah bin Gaddam: Buat masa ini, berdasarkan simpanan yang sedia ada dan kadar pengeluaran semasa, kadar susutan (atau penghausan) simpanan minyak negara adalah pada kadar 7% setahun manakala bagi gas, kadarnya adalah kurang daripada 1%. Jumlah simpanan minyak negara dianggarkan sebanyak 2,900 juta tong dan mengikut kadar pengeluaran semasa, simpanan tersebut boleh bertahan selama tempoh 14 tahun lagi. Bagi gas pula, jumlah simpanan yang sedia ada dianggarkan sebanyak 51.7 trilion kaki padu dan mengikut kadar pengeluaran semasa, simpanan tersebut boleh bertahan selama tempoh lebih 100 tahun lagi. Sehingga kini lapangan minyak yang ditutup hanyalah lapangan Miri di Sarawak dan dalam tempoh 1986 hingga 1988, 4 lapangan minyak baru dan 3 lapangan gas baru telah ditemui.

Adalah dijangkakan bahawa simpanan minyak dan gas yang masih belum ditemui dianggarkan di antara 800 hingga 2,000 juta tong bagi minyak dan 21-37 trilion kaki padu bagi gas. Di samping simpanan-simpanan yang sedia ada, simpanan-simpanan yang telah dikesan tetapi belum dibangunkan adalah sebanyak 450 juta tong bagi minyak dan 39 trilion kaki padu bagi gas.

WISMA PENERANGAN

24, Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Penerangan

menyatakan bahawa Jabatan Penyiaran dan Filem Negara mempunyai bangunannya yang dikenali dengan WISMA RADIO dan TV serta FILEM NEGARA. Adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mengadakan sebuah bangunan yang akan dikenali kelak dengan WISMA PENERANGAN atau INSTITUT PENERANGAN.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Walaupun pihak Radio dan Televisyen telah mempunyai bangunan yang tersendiri di Angkasapuri dan pihak Filem Negara di Petaling Jaya, soal kesesakan ruangan masih dialami. Jabatan Penerangan masih belum mempunyai bangunannya tersendiri dan terpaksa menumpang di Angkasapuri serta di Jalan Tun Perak. Pihak Radio dan Televisyen juga mengalami perubahan serta perkembangan yang banyak untuk menampung keperluan tempat peralatan dan studio.

Oleh itu Kementerian ini telah berusaha untuk menggunakan Tingkat 8 yang dahulunya tidak diguna dengan sepenuhnya. Namun demikian ruangan yang ada masih tidak cukup dan usaha sedang dijalankan untuk menambah ruangan melalui perubahan-perubahan kecil.

Perkara yang mendesak ialah keperluan bangunan bagi Jabatan Penerangan sendiri dan cadangan-cadangan sedang dibuat untuk memasuknya dalam Rancangan Malaysia Ke-6. Sama ada Kementerian Penerangan dapat mendirikan satu bangunan besar yang boleh menampung semua agensi di bawahnya dan memberi nama Wisma Penerangan kepada bangunan itu adalah terserah kepada Kerajaan untuk menimbangkannya kerana ianya akan melibatkan perbelanjaan yang besar. Kementerian Penerangan belum ada membuat cadangan seperti itu.

KERACUNAN MAKANAN

25. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang sudah dan akan diambil oleh Kementerian ini terhadap masalah keracunan makanan yang berlaku di sekolah-sekolah dan jamuan kenduri kahwin pada baru-baru ini:
- (1) berapa ramai yang terlibat;
 - (2) berapa ramai yang mati;
 - (3) berapa ramai yang dirawat di hospital; dan
- (b) apakah Kementerian ini mengenalpasti jenis-jenis racun yang terdapat di dalam makanan-makanan itu.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah dan akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah keracunan makanan yang berlaku di sekolah-sekolah. Ini dapat dicapai melalui pendidikan kesihatan kepada murid-murid sekolah dan pengendali-pengendali makanan, pemeriksaan kesihatan kepada pengendali-pengendali makanan dan pemeriksaan kantin-kantin di sekolah. Satu buku panduan kantin sekolah juga telah disediakan bersama untuk kegunaan pihak pengurus dan pengusaha kantin.

Untuk mengatasi masalah keracunan makanan berikutan dengan kenduri kahwin, Kementerian Kesihatan telah dan akan terus memberi pendidikan kesihatan kepada orang ramai mengenai cara yang bersih dan selamat untuk

menyedia, memasak dan menyimpan makanan di majlis-majlis tersebut. Mereka yang berpenyakit berjangkit adalah dinasihatkan supaya tidak mengendalikan makanan di majlis-majlis seperti itu. Beberapa strategi baru seperti memberi ceramah kepada pekerja-pekerja KEMAS di klinik-klinik kesihatan dan di madrasah sedang diuruskan.

Pada tahun 1989 sehingga akhir bulan Februari ini, seramai 454 orang kanak-kanak sekolah telah terlibat dengan keracunan makanan dan kesemua mereka telah dirawat di hospital. Tiada kematian dilaporkan di kalangan mereka. Dalam jangkamasa yang sama, seramai 18 orang telah terlibat dengan keracunan makanan dalam 2 majlis kahwin dan kesemua mereka telah dirawat di hospital. Seorang dari mereka telah meninggal dunia.

- (b) Kementerian Kesihatan telah pun mengenalpasti jenis racun yang terdapat di dalam makanan-makanan itu sebagai toksin yang dikeluarkan oleh sejenis bakteria yang dipanggil *Staphylococcus aureus*. Pencemaran makanan oleh bakteria seperti ini berlaku kerana ada pengendali-pengendali makanan yang tidak mengamalkan kebersihan diri, yang mengendalikan makanan dalam keadaan sanitasi yang tidak sempurna, yang mengamalkan pengendalian dan penyimpanan makanan yang tidak memuaskan.

GURU TERLATIH

26. Tuan Jawan anak Gerang minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah jumlah angka bilangan guru terlatih yang masih

diperlukan oleh Kementerian Pendidikan Sarawak sekarang; dan

- (b) berapakah bilangan guru-guru Semenanjung yang telah dihantar berkhidmat ke Sarawak setakat hari ini.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bilangan guru terlatih yang masih diperlukan oleh Jabatan Pendidikan Sarawak adalah seramai 2,882 orang.
- (b) Bilangan guru-guru Semenanjung yang telah dihantar berkhidmat di negeri Sarawak setakat ini adalah seramai 2,891 orang.

(Soalan No. 27. Sila lihat jawapan No. 8 pada 7-3-89).

FELDA—GERAN KEPADA PENEROKA

28. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) berapa ramai peneroka FELDA telah diberi geran di seluruh negeri; dan
- (b) apakah syarat-syarat baru yang dikenakan ke atas mereka.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):

- (a) Sehingga 28hb Februari 1989, seramai 8,107 peneroka FELDA telah diberi hakmilik oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, iaitu setelah mereka selesai menjelaskan segala bayaran kembali kos pembangunan ladang dan rumah mereka kepada FELDA.
- (b) Apabila Sistem Saham dan Sistem Hakmilik Kumpulan dimansuhkan dan digantikan dengan Sistem Hakmilik

Individu, syarat nyata yang berikut dimasukkan dalam surat hakmilik setelah hakmilik dikeluarkan bagi memastikan keseimbangan pengurusan FELDA ke atas kawasan ladang:

“Tanah ini hendaklah diurustadbir oleh /atau melalui FELDA termasuk memberi khidmat pertanian, perolehan bahan-bahan pertanian, benih, kawalan musuh, pengangkutan, pemerosesan, pengawalan hasil dan penanaman semula.”

Di samping itu, surat hakmilik individu yang dikeluarkan dikenakan syarat, iaitu tanah berkenaan tidak boleh dijual melainkan kepada FELDA dan dengan kebenaran pihak Berkuasa Negeri.

Pendapatan pemilik tanah akan diseimbangkan mengikut blok.

PENCEN KEPADA TUN SALLEH ABBAS

29. Tuan Karpal Singh meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia memberi bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas pencen yang lebih.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Pembayaran pencen dan ganjaran kepada Hakim-hakim yang bersara adalah ditentukan mengikut Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1984. Pencen dan Ganjaran yang dibayar adalah berdasarkan kepada formula yang telah ditetapkan di dalam Akta tersebut. Oleh itu, Kerajaan tidak boleh mengurang atau melebihi pembayaran pencen dan ganjaran kepada mana-mana Hakim yang telah bersara kecuali jika ada penyemakan gaji. Oleh yang demikian, soal sama ada Kerajaan bersedia memberi pencen yang lebih kepada bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohd. Salleh bin Abbas adalah tidak berbangkit.

DASAR PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN

30. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar minta Menteri Kewangan menyatakan dalam usaha Kerajaan untuk melaksanakan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran, memandangkan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasminya, mengapakah pula di kebelakangan ini, Kerajaan telah menambah bilangan kelulusan lesen-lesen perjudian yang mana akan mencemarkan imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam di rantau Asia ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cuma dua lesen aktiviti perjudian dikeluarkan kebelakangan ini iaitu lesen mengendalikan mesin slot kepada kelab-kelab Syarikat yang dikeluarkan dalam tahun 1986 dan lesen "off course betting" kepada Ascot Sports Sdn. Bhd. pada tahun 1988. Tujuan lesen-lesen ini dikeluarkan adalah bagi mengurangkan kegiatan judi haram yang mengikut pihak polis melibatkan pertarohan berjumlah kira-kira \$5 ribu juta setahun.

Kerajaan memang memandang berat terhadap kegiatan-kegiatan perjudian ini dan telah mengambil beberapa langkah yang tegas seperti yang diumumkan pada 7-3-89 untuk mengawal dan mengurangkan kegiatan perjudian di negara ini.

KEMPEN MENENTANG ANTI MINYAK TROPIKA

31. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) butir-butir bagaimana Kumpulan Wang Perlindungan minyak kelapa sawit diperuntukkan dan apakah kempen-kempen

yang telah dijalankan setakat ini; dan

- (b) berapa banyak lagi negara-negara pengeluar minyak kelapa sawit besar yang sedang aktif melibatkan diri dalam bertindak balas propaganda komersial antarabangsa terhadap minyak kelapa sawit oleh American Soyabean Association dengan memberi sebab-sebab mengapa setengah-setengah dari negara-negara ini tidak menyertai bersama.

Dato' Alias bin Md. Ali:

- (a) Satu soalan yang seakan-akan sama mengenai Kumpulan Wang Perlindungan Sawit atau Tabung Galakan Pasaran Minyak Kelapa Sawit (POPF) telah dijawab pada 8 Mac 1989 semasa Timbalan Menteri Perusahaan Utama menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bukit Bintang.
- (b) Mengenai penyertaan negara-negara pengeluar minyak kelapa sawit yang lain dalam kempen menentang lobi anti minyak-minyak tropika, suka saya memaklumkan Dewan Yang Mulia ini bahawa negara-negara ASEAN yang menjadi pengeksport-pengeksport terbesar minyak kelapa sawit dan minyak kelapa, khususnya Indonesia dan Filipina, telah turut menyertai usaha Malaysia untuk membanteras kempen ASA itu. Seorang wakil Filipina telah turut menyertai perbincangan ("hearing") yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Dewan Perwakilan Amerika Syarikat Mengenai Kacang Soya, Gandum dan Makanan Ternakan pada 10 September 1987 dan yang dikelolakan oleh Jawatankuasa Kecil Senat Mengenai Kesihatan dan Alam

Sekitar pada 22 Jun 1988 untuk mendirikan bantahan terhadap Rang Undang-undang untuk melebel minyak-minyak tropika sebagai lemak tepu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang tersebut telah pun luput berikutan berakhirnya Kongres Ke 100 Amerika Syarikat pada tahun lepas. Di samping itu, pihak Filipina juga difahamkan telah menaja projek penyelidikan mengenai minyak kelapa untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang akan mengesahkan bahawa tuduhan-tuduhan yang disebarkan oleh ASA terhadap khasiat minyak-minyak tropika adalah tidak berasas. Sementara itu, Indonesia telah turut mengambil bahagian yang giat dalam usaha membanteras kempen anti minyak-minyak tropika melalui jentera ASEAN di Amerika Syarikat.

Mengenai keengganan negara-negara lain untuk turut mengambil bahagian aktif dalam usaha membanteras kempen anti minyak-minyak tropika itu, negara-negara yang berkenaan mengeluarkan dan mengeksport sejumlah kecil minyak kelapa sawit sahaja (kurang daripada 200,000 tan metrik). Oleh itu, implikasi kempen anti minyak-minyak tropika terhadap negara-negara itu tidaklah besar.

FELDA—SISTEM HAKMILIK KEPADA PENEROKA

32. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) apakah tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan bagi menyelesaikan pemindahan hakmilik individu kepada

peneroka-peneroka di Rancangan FELDA yang menjalankan Sistem Blok dan Sistem Saham;

- (b) bagaimanakah prosedur yang dijalankan bagi menentukan peserta-peserta Rancangan FELDA ini di bawah Sistem Saham bagi mendapatkan dividen; dan
- (c) adakah panel untuk mengkaji peranan dan prestasi FELDA telah menjalankan kajiannya. Kalau sudah bilakah hasil kajian tersebut akan siap dan bilakah kajian tersebut akan diserahkan kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus:

- (a) Tindakan-tindakan yang telah diambil untuk melaksanakan perubahan sistem hakmilik dari Sistem Saham dan Sistem Hakmilik Kumpulan kepada Sistem Hakmilik Individu adalah:

—Mengubahsuai Surat Perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan FELDA, serta Surat Perjanjian di antara Peneroka dan FELDA

—Mengukur lot-lot individu kawasan ladang di rancangan-rancangan yang dahulunya di bawah Sistem Hakmilik Kumpulan dan Sistem Saham

—Membubarkan Koperasi Hakmilik Tanah di Rancangan Sistem Saham

—Mengubahsuai akaun peneroka.

- (b) Sehingga kini, FELDA telah pun membayar dividen kepada peneroka-peneroka di tiga buah rancangan yang dahulunya di bawah Sistem Saham. Bayaran dividen adalah dibuat apabila

rancangan berkenaan memenuhi syarat-syarat berikut:

—Rancangan tersebut telah mencapai titik pulang modal, di mana semua kos pembangunan ladang telah pun dapat dikutip

—Selepas mencapai titik pulang modal, rancangan itu mendapat keuntungan dari operasinya

—Peneroka-peneroka telah pun bermastautin di rancangan selama 3 tahun atau lebih

- (c) Panel yang mengkaji peranan dan prestasi FELDA telah selesai menyediakan laporan kajian berkenaan. Laporan tersebut sedang dalam pertimbangan di peringkat Kementerian.

(Soalan No. 33. Sila lihat jawapan No. 13 pada 7-3-89).

KADAR INFLASI

34. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal inflasi dan menaikkan taraf kehidupan apabila pendapatan masih di tahap lama.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kadar inflasi dalam negeri pada masa kini masih lagi rendah. Bagi memastikan keadaan ini terkawal, Kerajaan sentiasa mengawasi dasar-dasar fiskal dan kewangannya untuk menentukan supaya ia tidak memberi kesan-kesan meningkatkan kadar inflasi. Di samping itu Kerajaan juga telah dan akan terus mengambil langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang tertentu untuk mengawasi kedudukan bekalan dan harga barang-barang bagi memastikan harganya sentiasa berada di paras yang munasabah dan berpatutan. Kerajaan juga telah mempertingkatkan aktiviti-aktiviti pemeriksaan dan pengawasan untuk memastikan peniaga-peniaga tidak

menaikkan harga barang-barang keperluan dengan sewenang-wenangnya. Perlu ditegaskan di sini bahawa peranan Kerajaan sahaja adalah tidak mencukupi untuk memerangi kenaikan harga barang-barang. Pengguna-pengguna juga mestilah mengambil peranan yang sama dengan mengamalkan sikap jimat cermat dan hanya membeli barang-barang yang difikirkan perlu sahaja dan lebih banyak membeli barang-barang buatan tempatan.

Kerajaan juga sedang menggalakkan pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana untuk meningkatkan aktiviti ekonomi mereka. Dengan cara ini adalah dijangkakan ianya dapat menambah bekalan barang-barang keperluan dalam negeri. Pihak-pihak pengimport juga boleh membantu mengurangkan tekanan-tekanan inflasi dengan mengubah import mereka daripada punca-punca yang mempunyai kos tinggi kepada punca-punca yang lebih murah. Adalah diharapkan dengan kerjasama pengimport-pengimport ini tekanan-tekanan inflasi dalam negeri dapat dikurangkan.

Kerajaan telah pun mengambil banyak langkah-langkah untuk merangsang dan menggiatkan dengan izin "stimulate", aktiviti ekonomi bagi mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara. Sekarang ini ekonomi negara telah pun bertambah kukuh dan pendapatan rakyat juga telah pun mula bertambah. Perkembangan ini telah pun membawa kepada peningkatan taraf hidup rakyat di negara ini.

AMNESTY PERIOD KEPADA RAKYAT ASING

35. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana kedudukan masalah keselamatan di Sabah berikutan dengan tamatnya tempoh Pengampunan atau Amnesty period terhadap rakyat asing dan berikutan

keputusan Kerajaan Sabah hendak mendakwa mereka yang bekerja tanpa pas kerja yang sah atau majikan yang mengupah mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Selepas tamat tempoh melegalisasi Pekerja-pekerja Tanpa Izin di Sabah, keadaan keselamatan adalah terkawal. Setakat ini tindakan melegalisasi hanya dibuat kepada Pekerja-pekerja Tanpa Izin dari Indonesia.

PELAN INDUK PENSWASTAAN

36. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kemajuan yang dibuat setakat ini dalam menyediakan satu pelan induk penswastaaan bagi negara ini;
- (b) bilangan projek yang diswastakan sehingga 31-12-1988 dan bilangan jabatan Kerajaan dan agensi yang dikenalpasti untuk penswastaaan sehingga tarikh yang sama;
- (c) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan bahawa mutu perkhidmatan yang diswastakan tidak dikorbankan untuk keuntungan dan juga kepentingan pekerja, pengguna dan orang ramai tidak terjejas oleh perkhidmatan yang diswastakan; dan
- (d) sama ada Kerajaan akan memperkenalkan satu Akta Penswastaaan bagi memastikan bahawa penswastaaan dijalankan dengan berkesan dan dikorbankan bagi meraih keuntungan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan Pelan Induk Penswastaaan sedang dalam peringkat akhir dan

dijangka akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk kelulusan sewajarnya sedikit masa lagi.

- (b) Sehingga akhir tahun lepas, sebanyak 19 projek telah diswastakan. Di samping itu, lebih daripada 70 jabatan, agensi dan projek telah dikenalpasti oleh Kerajaan dan juga pihak swasta untuk diswastakan. Kerajaan sedang menimbangankan cadangan-cadangan berkenaan.
- (c) Kerajaan telah dan akan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan kepentingan semua pihak terutamanya kakitangan yang terlibat dan para pengguna perkhidmatan tersebut tidak terjejas akibat penswastaaan sesuatu projek. Kerajaan akan terus mengawal harga, mutu dan liputan perkhidmatan yang diswastakan. Di samping itu, Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambilalih pentadbiran perkhidmatan yang telah diswastakan sekiranya pihak swasta gagal menyediakan perkhidmatan dengan baik.
- (d) Kerajaan sedang mengkaji secara mendalam kemungkinan dan kesesuaian bagi mengadakan satu Akta Penswastaaan untuk melicinkan proses pelaksanaan program penswastaaan.

(Soalan No. 37. Sila lihat jawapan No. 1).

UMUR PERSARAAN

38. Tuan Lau Dak Kee minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memendek atau memanjangkan umur persaraan bagi kakitangan Kerajaan, jika ada sebutkan alasan kelonggaran atau kecepatan, jika tiada mengapa.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan memang bercadang untuk menaikkan umur persaraan pilihan sendiri dari 50 ke 55 tahun dan umur persaraan wajib dari 55 tahun kepada 60 tahun. Satu kajian sedang dibuat dan akan dimajukan kepada Jemaah Menteri tidak lama lagi. Cadangan ini telah dibuat memandangkan bahawa:

- (a) pada keseluruhannya tahap kesihatan dan jangka hayat penduduk negara ini telah pun meningkat kepada 68.4 tahun bagi lelaki dan 73 tahun bagi perempuan;
- (b) had umur persaraan wajib di negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Jepun, negara-negara Eropah dan juga ASEAN telah pun dinaikkan kepada 60 tahun;
- (c) peningkatan umur persaraan tersebut akan membolehkan Kerajaan mengekalkan perkhidmatan pegawai dan kakitangan di dalam golongan profesional, pengurusan dan teknikal selama 5 tahun lagi memandangkan bahawa pengalaman, kemahiran dan kepakaran mereka ini adalah amat berguna dan diperlukan oleh Kerajaan untuk mencapai tahap pembangunan yang lebih maju terutamanya dalam bidang pembangunan perindustrian;
- (d) peningkatan umur persaraan tersebut juga dijangka akan dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan dari segi pembayaran pencen, latihan, perlantikan dan sebagainya.

PELABURAN PELBAGAI PROJEK PERINDUSTRIAN

39. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah cadangan modal keseluruhan yang

diterima oleh MIDA daripada permohonan pelaburan pelbagai Projek Perindustrian untuk tahun 1987 dan 1988 dan bagaimanakah kemajuan penggunaan modal itu sepenuhnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Dalam tahun 1987 MIDA telah menerima sejumlah 398 permohonan bagi menubuhkan projek perkilangan yang mana 295 adalah untuk projek-projek baru dan 103 adalah untuk pembesaran kapasiti dan/atau untuk pengeluaran barang-barang tambahan. Jumlah cadangan modal pelaburan daripada 398 permohonan yang diterima adalah sebanyak \$3,574.8 juta.

Bagi tahun 1988, sejumlah 952 permohonan telah di terima yang mana 799 adalah untuk projek-projek baru dan 153 adalah untuk pembesaran kapasiti dan/atau untuk pengeluaran barang-barang tambahan. Jumlah cadangan modal pelaburan dalam 952 permohonan yang diterima adalah sebanyak \$12,786.7 juta. Kemajuan penggunaan modal bagi permohonan-permohonan yang diterima dalam tahun 1987 dan 1988 seperti disebut belum dapat dipastikan buat masa ini.

PEJABAT HASIL DALAM NEGERI SABAH—KES KECURIAN

40. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kesudahan penyiasatan yang dibuat oleh polis mengenai kecurian yang berlaku di Pejabat Jabatan Hasil Dalam Negeri di Kompleks Kuwasa, Kota Kinabalu baru-baru ini. Dan sama ada Kementerian beliau akan membuat penyiasatan dalaman yang dijalankan oleh jabatan itu sendiri. Jika tidak, mengapa. Dan sama ada benar bahawa fail-fail yang dilaporkan hilang itu adalah fail-fail yang dirampas oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri dari rumah-rumah ahli-ahli politik dan orang-orang kenamaan lain pada awal

tahun lalu semasa pengeledahan dilakukan ke atas rumah-rumah mereka tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kes kecurian yang berlaku di Pejabat Hasil Dalam Negeri, Kota Kinabalu masih dalam siasatan polis. Pendedahan kes ini kepada umum mungkin akan menjejaskan siasatan dan dengan itu saya tidaklah berhajat untuk menjawab lebih lanjut.

BURUH ASING—KEMASUKAN

41. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan cara bagaimana Kerajaan akan mengesyorkan kemasukan buruh asing dengan sewenang-wenangnya tidak berlaku di bawah skim mendaftar pendatang haram yang sedang bekerja di Malaysia. Apakah di antara tindakan-tindakan yang dapat diambil oleh Kerajaan untuk mengesyorkan pekerja asing itu mempunyai dokumen-dokumen yang sah selain daripada membuat rondaan mengejut di ladang-ladang. Adakah sindiket-sindiket yang masih aktif di dalam kegiatan membawa masuk pendatang-pendatang haram.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tempoh pendaftaran sepertimana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan adalah semata-mata bagi membolehkan buruh-buruh Tanpa Izin Indonesia yang telah dan sedia ada dapat meneruskan pekerjaan mereka secara sah diladang-ladang di negara ini.

Kerajaan sentiasa ingin memastikan setiap buruh asing yang ada di negara ini mempunyai dokumen yang sah. Langkah-langkah penguatkuasaan akan dijalankan dari semasa kesemasa bagi memastikan buruh-buruh asing ini mempunyai dokumen-dokumen yang diperlukan.

Setakat ini Kementerian Dalam Negeri belum menerima apa-apa

maklumat berhubung dengan sindiket yang membawa masuk Pendatang Tanpa Izin dan sekiranya ada, tindakan tegas akan diambil terhadap mereka.

SYARIKAT/AGENSI KERAJAAN—PENCAPAIAN

42. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) bilangan syarikat/agensi Kerajaan yang menunjukkan pencapaian baik pada tahun 1987 dan 1988;
- (b) bilangan syarikat/agensi Kerajaan yang dianggap "tenat" kedudukan kewangannya pada tahun 1987 dan 1988.

Menteri Perusahaan Awam (Dato Napsiah binti Omar): Terdapat lebih daripada 1,000 syarikat di mana Kerajaan mempunyai kepentingan ekuiti tetapi hanya 504 sahaja syarikat yang ekuiti Kerajaan lebih daripada 50%. Tumpuan yang lebih bagi pengawasan oleh Kerajaan adalah bagi syarikat-syarikat yang ekuitinya melebihi 50% itu.

Daripada 504 syarikat yang disebutkan itu, sebanyak 157 adalah dikategorikan sebagai baik. Sebanyak 253 syarikat pula prestasinya adalah memuaskan. Daripada 157 syarikat itu, 42 syarikat adalah syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh agensi-agensi di bawah pengawasan Kementerian Perusahaan Awam. Syarikat-syarikat yang lain adalah ditubuhkan oleh agensi-agensi yang diawasi oleh lain-lain Kementerian.

Bagi syarikat-syarikat yang dikategorikan sebagai tenat pula, terdapat sebanyak 94 buah syarikat, 35 daripadanya adalah syarikat-syarikat tenat yang ditubuhkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam. Maklumat-maklumat pencapaian bagi syarikat-syarikat Kerajaan yang ditubuhkan di atas itu adalah merupakan maklumat bagi

prestasi bagi tahun 1987. Prestasi bagi tahun 1988 belum lagi dapat dijelaskan oleh kerana syarikat-syarikat yang berkenaan sedang dalam proses menyediakan akaun tahunan masing-masing.

TAHANAN ISA

43. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa walaupun beliau telah menyatakan dalam Parlimen bahawa orang-orang Tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di Kem Tahanan Taiping dibenarkan menghantar empat keping surat dan menerima seberapa banyak surat dalam setiap minggu, orang-orang tahanan ISA di Kem tersebut tidak dibenarkan menghantar surat kepada sesiapa melainkan saudara-mara dan peguam yang tidak termasuk sahabat, rakan sekutu perniagaan dan rakan sejawat Parlimen atau parti, jika ya, mengapakah sekatan ini dikenakan sejak 13hb Februari 1988 dan bolehkah beliau mengarahkan pihak berkuasa Kem tersebut supaya membenarkan orang-orang tahanan ISA menghantar surat kepada mereka selain daripada saudara-mara dan peguam.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Mengikut Peraturan 83 (1) Internal Security (Detained Persons) Rules 1960, seorang tahanan itu hanya boleh menerima satu surat dan menghantar satu surat sahaja dalam seminggu. Sungguh pun demikian, pihak berkuasa Pusat Tahanan telah memberi kelonggaran membenarkan orang-orang tahanan menulis sehingga empat pucuk surat seminggu sementara penerimaan surat pula tidak terhad.

Sejak Februari 1988, berikutan kemasukan beramai-ramai orang-orang tahanan di bawah "Operasi Lalang" ke dalam Pusat Tahanan, Pihak berkuasa Pusat Tahanan.

TAHANAN ISA

44. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah orang tahanan ISA dalam Operasi Lalang yang mengadu bahawa pemisit cawangan Khas menggunakan keganasan terhadap orang tahanan semasa mereka ada dalam pertahanan kepada (i) Menteri atau Timbalannya (ii) pihak Polis (iii) pihak berkuasa kem pertahanan Taiping (iv) Lembaga Penasihat (v) Mahkamah melalui affidavit semasa memohon writ of habeas corpus. Bukankah benar bahawa seorang tahanan ISA Jeshua Jamaluddin diserang oleh pemisit Cawangan Khas dan mengapa beliau diserang.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Beberapa orang tahanan ISA di bawah Operasi Lalang telah membuat aduan yang mendakwa bahawa pegawai-pegawai Polis telah menggunakan kekerasan terhadap mereka semasa dalam tahanan pihak berkuasa polis.

Walau bagaimanapun, dalam siasatan yang dijalankan tidak terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa dakwaan-dakwaan itu berasas. Adalah dirasai bahawa dakwaan-dakwaan tersebut sengaja diadadakan dan diperbesarkan untuk mencemarkan nama baik dan kewibawaan pihak berkuasa Polis Di Raja Malaysia.

Sekali lagi saya tekankan di sini bahawa sekiranya ada bukti-bukti yang jelas yang menunjukkan bahawa mana-mana pegawai polis pun didapati menyalahgunakan kuasa, tindakan tegas yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka.

BALAI POLIS TAWAU

45. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah projek untuk membina Balai Polis Tawau yang baru dijangka akan siap dan kos bagi projek tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Balai Polis yang dimaksudkan adalah sebenarnya Ibu Pejabat Polis Daerah Tawau dan pembinaannya dijangka siap pada bulan Disember 1989 ini, dengan kos projek sebanyak \$10.5 juta.

**SYARIKAT TELEKOM
MALAYSIA DISENARAikan
DI BSKL**

46. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah Syarikat Telekom Malaysia (STM) akan disenaraikan di BSKL;
- (b) bagaimanakah pula dengan tindakan pekerja Telekom (STM) yang akan melancarkan piket dan apakah tindakan pihak STM terhadap tuntutan mereka; dan
- (c) bagaimanakah prestasi secara keseluruhannya.

Datuk Leo Moggie anak Irok:

- (a) Selaras dengan keputusan penswastaaan Perkhidmatan Telekomunikasi, Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) akan disenaraikan di BSKL pada masa yang sesuai, Masanya akan ditetapkan oleh STM setelah ianya dipersetujui oleh Kerajaan.
- (b) Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Telekom (NUTE) telah menarik balik rancangan untuk melancarkan piket setelah mereka berunding dengan pihak pengurusan STM berhubung dengan tuntutan-tuntutan mereka pada 13 Februari, 1989.
- (c) Prestasi STM secara keseluruhannya adalah memuaskan.

**KENAIKAN YURAN PENGAJIAN
DI AUSTRALIA/NEW ZEALAND**

47. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan terhadap kenaikan yuran-yuran pengajian tinggi untuk penuntut-penuntut asing oleh Kerajaan-kerajaan Australia dan New Zealand yang telah membawa kesan-kesan buruk kepada pelajar-pelajar Malaysia di sana.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah untuk membantu pelajar-pelajar di Australia yang menghadapi masalah kewangan bagi menjelaskan yuran mereka. Kementerian Pendidikan telah menubuhkan sebuah tabung pinjaman. Mulai tahun 1990 Kerajaan Australia akan menghapuskan subsidi bayaran yuran pengajian tetapi digantikan dengan skim "Full-Fee Paying Programme".

Bayaran yuran pengajian sepenuhnya (Full-Fee Paying Programmed) dikecualikan kepada pelajar-pelajar yang sedang menuntut dalam tahun 1988 hinggalah mereka menamatkan pengajian. Mulai tahun 1990 pelajar-pelajar akan dikenakan bayaran yuran pengajian sepenuhnya sebagaimana pelajar-pelajar New Zealand sendiri.

Langkah selanjutnya yang diambil oleh Kementerian Pendidikan ialah menggalakkan pelajar-pelajar negara ini memasuki universiti-universiti tempatan. Kementerian Pendidikan sentiasa menambah bilangan tempat di universiti-universiti tempatan (peringkat ijazah pertama) di setiap tahun pengambilan.

(Soalan No. 48. Sila lihat jawapan No. 34 pada 13-3-89).

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat di-bacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh”. (9hb Mac, 1989)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jerai, ada satu minit saya dapat tahu. Sila gulungkan.

3.47 ptg.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya semalam. Saya ingin menyentuh tentang Majlis-majlis Kerajaan Tempatan dan Perbandaran di mana yang selama ini Majlis-majlis Kerajaan Tempatan ini Pengerusi-pengerusinya dilaksanakan ataupun dibuat oleh Pegawai-pegawai Tadbir, yang demikian saya ingin menyeru supaya Kerajaan juga memberi perhatian dalam soal ini supaya Pengerusi-pengerusi Majlis Kerajaan Tempatan dan Perbandaran ini diberi peluang kepada Wakil Rakyat kerana mereka seringkali mendampingi rakyat sepertimana yang

kita tahu seperti Wakil kita dari Arau yang selalu menyebut belum dapat pengerusi apa-apa boleh jadi Pengerusi bagi Kerajaan Tempatan di Arau misalnya. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali beralih saya kepada rakan saya yang baru sahaja keluar meninggalkan parti UMNO dan menggelar diri mereka Angkatan Semangat 46. Setahu saya Angkatan ini belum lagi didaftar menjadi sebuah parti politik yang bersaing dengan UMNO. Sudah cukup di Dewan ini ucapan-ucapan yang mengecam Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah dibuat, saya rasa kekeruhan hati yang selama ini terpendam telah pun mula terluah dan mungkin akan dihabiskan di sini. Walau pun mereka pernah menjadi Menteri dan Timbalan Menteri dalam Kerajaan Barisan Nasional dahulu, sekarang mereka telah mengemukakan berbagai-bagai hujah yang mengelirukan, bukan sahaja pengundi-pengundi (*Ketawa*).

Mengingati sejarah UMNO sejak pimpinan Allahyarham Dato Onn Jaafar dahulu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Saya tidak beri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada masa, minta akhirkan ucapan. Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Mengingati sejarah UMNO sejak pimpinan Allahyarham Dato Onn Jaafar dahulu, UMNO mula berpecah dengan wujudnya sebuah parti politik yang sah iaitu Independent Malayan

Party dan akhirnya menjadi Parti Negara. Kemudian UMNO berpecah lagi di kalangan tokoh agama dalam UMNO sendiri menjadikan pula PAS. Kepada mereka sungguh gentlemen betul. Bersaing dengan UMNO dengan menubuhkan sebuah parti yang betul-betul didaftar. Tetapi akhir-akhir ini kononnya sebuah Angkatan Semangat 46 yang bilakah didaftarkan sahaja sebagai sebuah parti politik untuk bersaing dengan UMNO dan Barisan Nasional. Kalau benar-benar hendak jadikan sebuah organisasi politik, ia perlu didaftar segera sebagai pertubuhan yang sah dan tetap menjadi musuh utama kepada UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulung, tutupkan.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Alhamdulillah, menyedari dan menginsafi betapa perlunya kekuatan bangsa Melayu dalam Pertubuhan UMNO yang diteraskan kepada Barisan Nasional untuk perpaduan yang lebih mantap, kehadiran bekas pemimpin PAS yang satu masa dahulu menentang UMNO kini telah menganggotainya. Beliau ialah tokoh yang amat dihormati dan disegani seperti Dato' Mohd. Asri bin Haji Muda, disertai pula pemimpin apa yang dikata Angkatan Semangat 46 ini seperti Yang Berhormat Dato' Musa Hitam dan beberapa orang lagi Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dan telah menganggotai UMNO. Kita sungguh merasa bangga. Pada hemat saya kerana pintu UMNO ini masih tetap terbuka sentiasa kepada orang Melayu. Mengapakah saudara-saudara yang masih lagi memperjuangkan cita-cita yang kabur dan abstract dalam angkatan yang semakin reput itu. Baliklah semula kepada UMNO dan bermaaf-maafan kerana kita manusia yang tidak lupa dan seringkali menemui kesilapan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya bagi menggulungkan. Saya juga menyokong Usul

Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung. (*10 Ahli bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sepuluh lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap. Kita ada sehari lagi sahaja hari ini dan yang demikian, bolehkah saya minta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat jika hendak berucap, berucap dalam masa 15 minit, saya ingat sudah mencukupi. Yang Berhormat dari Sungai Petani.

3.43 ptg.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismillaahir-rahmaanir-rahim. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberi peluang kepada saya, sekalipun masanya hanya 15 minit.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung, Baginda telah menyentuh perkara-perkara berikut iaitu mengenai perpaduan, pertanian, perindustrian, ekonomi, pendidikan dan kebudayaan. Baginda juga telah menyentuh dan menegaskan betapa perlunya sikap kesederhanaan di dalam kehidupan kita di dalam sebuah negara yang berbilang kaum dan agama. Titah Ucapan Baginda yang sungguh bernas itu telah dikunci dan ditutup dengan sebaris kata yang sungguh memberi erti kepada Dewan yang mulia ini. Pada akhir ucapan, Baginda telah bertitah, "kemajuan yang dicapai tidak sempurna sekiranya tidak diikuti dengan kemajuan pembangunan moral dan kerohanian. Nilai-nilai yang murni dapat meletakkan kita sebagai masyarakat yang bermaruah dan dihormati serta dipandang tinggi oleh dunia. Penyelewengan dalam apa bentuk jua pun hendaklah dihapuskan". Kata-kata ini perlulah diamalkan bukan sahaja kata-kata yang perlu

dirakamkan di dalam *Hansard* dirakamkan oleh pendengaran kita, tetapi seharusnya menjadi amalan kita sehari-hari bagi semua rakyat Malaysia dari peringkat yang atas sehingga ke peringkat yang bawah, daripada yang memerintah sehingga kepada rakyat jelata seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam konteks ini, saya ingin menyentuh dua perkara yang sangat mustahak. Yang pertama, mengenai perpaduan kerana masalah perpaduan pada masa akhir-akhir ini telah nampak kepada kita begitu jelas sekali. Dan yang kedua ialah masalah kemiskinan. Mula-mula saya ingin membahaskan perkara-perkara kemiskinan.

Perkara kemiskinan ini biasanya dibicarakan, dianalisa oleh ahli-ahli ekonomi dan ianya selalu diperbincangkan oleh ahli-ahli politik dan tidak kurang daripada mereka mempergunakan isu-isu kemiskinan sebagai landasan mereka untuk menjalankan kegiatan-kegiatan politik untuk kepentingan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan adalah kemiskinan, siapa pun tidak suka kepada kemiskinan. Kalau kita tanya kepada orang miskin, tentu sekali mereka menjawab bahawa mereka juga tidak mahu miskin, tetapi mereka telah menjadi miskin. Apatah lagi kalau kita bertanya kepada orang kaya, maka mereka tentulah menjawab mereka tidak mahu miskin, malah mereka mahu lebih kaya lagi. Dengan sebab itu mereka telah membeli loteri-loteri untuk menjadi lebih kaya, tetapi malangnya orang yang bermimpi untuk menjadi kaya dengan membeli loteri dan sebagainya pada akhirnya mereka telah menjadi papa kedana.

Tuan Yang di-Pertua, semua orang tidak suka kepada kemiskinan dan kemiskinan tidak mengira dan tidak mengetahui keturunan, kemiskinan tidak mengetahui ianya orang Melayu, orang Cina atau orang India.

Kemiskinan ada di mana-mana. Perbezaan di antara kemiskinan adalah berbeza. Kemiskinan orang-orang di bandar tentulah tidak sama dengan kemiskinan orang di kampung. Kalau dinilai kemiskinan orang-orang di dalam bandar, maka kemiskinan itu dilihat bahawa ianya menaiki motorsikal. Tetapi kemiskinan di kampung ialah orang-orang yang berjalan kaki dari rumahnya, untuk pergi ke rumah tok penghulu sahaja sudah berbatu-batu memakan masa dua, tiga jam untuk sampai rumah tok penghulu. Itulah perbezaannya kemiskinan di antara orang di dalam bandar dengan kemiskinan orang yang ada di kampung. Semua orang mahu membela orang miskin. Tetapi kalau kita perhatikan betul-betul, siapakah yang sebenar-benarnya membela orang-orang miskin ini? Kita lihat bahawa beberapa orang telah membela orang-orang miskin tetapi ia telah memilih bulu orang-orang yang miskin itu. Ia hendak membela orang miskin dari kalangan adik beradiknya, ia hendak membela orang miskin dari keturunannya. Ini adalah berlaku tetapi tidak dapat dinafikan sekiranya terdapat orang yang benar-benar miskin dan kita ketengahkan bahawa orang ini miskin dan orang ini jatuh kemalangan dan perlu mendapat bantuan maka semua rakyat jelata tanpa mengira keturunan, agama mereka telah menghulurkan derma.

Kita lihat bahawa suratkhobar-suratkhobar telah memainkan peranan bagi membantu orang-orang miskin seumpama ini. Sekiranya terdapat di dalam khabar-khabar berita-berita orang miskin yang memerlukan kepada pertolongan, maka rakyat jelata tanpa mengira kaum, tanpa mengira agama, akan terus mengeluarkan wang ringgit mereka atau akan mengeluarkan derma dan sedekah setakat yang mereka mampu. Maka ini menunjukkan bahawa kemiskinan perlu ditolong dan mahu ditolong oleh semua kaum dan semua bangsa. Cuma apabila kita hendak

menolong kepada orang-orang tertentu, maka tentulah menjadi masalah dan timbullah kepincangan. Cubalah kita bertanya kepada keturunan yang mempunyai kekayaan yang banyak di negara ini, adakah mereka, adakah keturunan ini benar-benar memberi pertolongan kepada orang-orang mereka sendiri?

Ini adalah persoalannya. Kepada mereka, kalau ditimbulkan perkara kemiskinan, maka dibawa kepada perkara-perkara yang lain dan perkara yang bukan-bukan. Dan perkara yang sebenarnya kemiskinan yang sebenar tidak ditumpukan. Kemiskinan orang-orang Tionghua umpamanya yang duduk di kawasan setinggian dengan berbagai-bagai kesusahan tidak pernah ditinjau. Bagaimana pelajaran anak-anak mereka, bagaimana pendidikan anak-anak mereka, tidak ditinjau. Apa yang ditinjau hanya anak-anak lapisan pertengahan sedangkan orang yang benar-benar miskin, kita pernah melihat dan kita tahu bahawa bukan sahaja keturunan Melayu tetapi juga daripada keturunan Tionghua yang tinggal di kawasan setinggian dengan pendapatan rendah, tetapi mereka tidak mendapat pembelaan untuk masuk ke sekolah menengah, malahan kebanyakan anak-anak mereka tidak dapat masuk ke sekolah menengah, apatah lagi untuk menjejak kaki ke universiti. Jadi orang-orang kaya dari keturunan mereka hanya membela orang keturunan yang kaya juga untuk melanjutkan pelajaran anak-anak mereka ke luar negeri. Dan inilah yang mereka anggapkan yang miskin, tetapi keadaan yang sebenarnya tidak diambil perhatian.

Saya suka sebutkan di sini bahawa saya sendiri pernah mengadakan satu perjumpaan dengan masyarakat bukan bumiputera dan saya telah meminta dan mencadangkan kepada mereka, dapatkan kepada saya seorang kanak-kanak yang miskin dari kalangan bukan bumiputera supaya

saya dapat tolong membawa kanak-kanak ini dapat masuk di dalam sekolah menengah. Apa yang saya cakapkan ini pada setahun lalu dan dua hari yang lepas pada hari Ahad lalu, saya mengadakan perjumpaan yang sama dengan orang-orang yang sama.

Apabila saya tanya, manakah nama itu, mereka katakan, baiklah, saya akan cari nama itu kerana kita berkehendakkan kepada orang-orang yang benar-benar miskin di kalangan mereka. Tetapi mereka tidak dapat mencarikan orang-orang yang benar-benar miskin seperti itu. Inilah hal yang dikatakan masalah kemiskinan.

Sekiranya kita hendak mengatasi masalah kemiskinan yang sebenarnya, tentulah kita dapat mengatasinya. Sebab ada golongan yang lain, ada keturunan yang lain yang mudah mendapat orang-orang miskin kerana memang ramai di kalangan mereka orang-orang yang miskin, ramai di kalangan mereka yang berjalan kaki untuk pergi ke rumah tok penghulu sampai berbatu-batu dan berjam-jam, malah ramai di kalangan mereka daripada keturunan ini jarang dapat melihat bandar. Maka orang-orang yang seumpama ini perlu diberikan pertolongan di dalam semua bidang. Maka dengan sebab itulah kita tidak perlu cemburu kepada pertolongan-pertolongan yang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara perpaduan. Semua orang bercakap tentang perpaduan tetapi kadangkala kita merasa ragu juga adakah kita benar-benar hendakkan kepada perpaduan. Kadang-kadang kita bercakap tentang perpaduan tetapi isi ucapan perpaduan itu juga telah menunjukkan bahawa kita tidak menuju kepada perpaduan. Di dalam ajaran Islam telah memberikan satu garis panduan bagaimanakah untuk mengelakkan perpaduan ummah. Untuk mengelakkan perpecahan ummah, maka

perlu kita mencari sebab-sebab perpecahan ummah itu. Saya tidak ingin bercakap panjang, kerana masa sudah lewat, masa hampir sampai, cuma saya akan memberi satu panduan yang ditentukan oleh Al-Quranul karim yang menyebutkan di dalam dua Ayat yang maksudnya bererti: Wahai, orang-orang yang beriman, janganlah kamu menghina sesuatu kaum, kerana mungkin kaum itu lebih baik daripada kamu. Kaum yang kamu hina itu mungkin lebih baik daripada kamu. Dengan sebab itu, kamu jangan menghina sesuatu kaum lain.

Kemudian di dalam Ayat yang berikutnya, yang tidak perlu saya membuat terjemahan yang panjang kerana saya tidak ingin menghabiskan masa, maksudnya: Wahai, orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjauhkan diri dari dzan, daripada prasangka. Jadi inilah yang timbul di dalam masyarakat kita. Inilah puncanya yang utama timbulnya kita berpecah, sampai bila pun kita tidak akan dapat wujudkan perpaduan bukan sahaja di kalangan umat-umat Islam di negara kita tetapi kita tidak akan wujudkan, apa-apa bentuk perpaduan sekalipun sekiranya di kalangan kita terdapat prasangka-prasangka yang buruk.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Bolehkah gulungkan, tolong gulungkan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, prasangka buruk itulah yang membawakan kepada akibat perpecahan di kalangan kita. Sekiranya kita membawa perasaan baik, sekiranya kita ada perasaan yang baik-baik sangka di antara kita, maka tentulah tidak berlaku perpecahan.

(Tuan Ismail bin Said *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kemudian, ayat yang berikutnya menjelaskan—Janganlah kamu mencari di antara satu sama lain, yang “A” mencaci “B” dan “B” mencaci “A”, maka selama itulah kita tidak akan timbul perpaduan.

Selamat datang kepada Tuan Yang di-Pertua yang baru.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Tuan Ismail bin Said: Ahli Yang Berhormat Arau minta penjelasan. Ahli Yang Berhormat beri jalan atau tidak. Beri jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta penjelasan. Yang Berhormat belum habis lagi, 5 minit lagi.

Tuan Ismail bin Said: Satu minit lagi, beri jalan atau tidak? Yang Berhormat dari Sungai Petani ada satu minit lagi.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Kawan dekat, tak apalah.

Tuan Ismail bin Said: Silakan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ingin bertanya, adakah terdapat mana-mana ayat dalam Al-Quran ataupun Hadis, ayat-ayat yang membolehkan kalau orang pukul kita, kita boleh pukul balik. Sebab mengikut pepatah Arab yang saya tidak payah baca, yang bermaksud: “kalau engkau pukul aku, aku pukul kamu balik”. Ini pepatah Arab, tetapi ayat Al-Quran dan Hadis saya tidak tahu. Tolong sebutkan mana-mana yang boleh kita terima, pakai.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Dalam hal ini memang ada ayat Al-Quran yang menyebutkan “waizatadaalaikum faktadualaihi bimislama tadaalaikum”, sekiranya orang menyerang kamu hendaklah kamu menyerang balas balik. (*Tepuk*)

Tetapi saudara harus ingat (*Ketawa*) ada satu ayat lain yang menyebut bahawa "waainnafa farjuhu", sekiranya kamu memaafkan kesalahan orang yang mengatakan kamu itu maka pahalanya paling banyak.

Tuan Ismail bin Said: Masa Yang Berhormat sudah cukup. Masa sudah cukup.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, tanpa ditutup.

Tuan Ismail bin Said: Shah Alam.

4.02 ptg.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman (Shah Alam): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah menjadi Timbalan Speaker.

Tuan Ismail bin Said: Sementara.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Saya bangun bagi menyokong usul ucapan setinggi-tinggi terima kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang Ke-8, yang akhir di Dewan yang mulia ini, semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh pada 6hb Mac baru-baru ini.

Sungguh tinggi harapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dan Dewan Negara. Harapan Baginda supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menjalankan tugas dan kewajipan yang telah diamanahkan kepada mereka.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): (*Bangun*)

Tuan Ismail bin Said: Batu Berendam minta penjelasan. Shah Alam hendak beri jalan.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tidak payahlah, belum apa-apa lagi.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Sebelum apa-apa saya hendak tanya sedikit, dari segi keraguan saya, itu sahaja. Penjelasan sedikit sahaja.

Tuan Ismail bin Said: Dia tidak beri jalan. Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Sampai hati dia. (*Ketawa*)

Tuan Ismail bin Said: Teruskan Shah Alam.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tidak bercakap lagi, baru mukaddimah, Allahu Akbar.

Sungguh tinggi harapan Duli Yang Maha Mulia.

Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu): (*Bangun*)

Tuan Ismail bin Said: Kuala Terengganu hendak apa?

Tuan Zubir bin Embong: Selendang kuning itu dapat dari mana? (*Ketawa*)

Tuan Ismail bin Said: Shah Alam teruskan.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada dalam Dewan ini dan Dewan Negara. Harapan Baginda supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menjalankan tugas dan kewajipan yang telah diamanahkan kepada mereka itu dengan penuh keikhlasan dan kejujuran demi kepentingan negara seperti yang terdapat di para 37 Titah Baginda.

Duli Yang Maha Mulia juga telah mengingatkan semua pihak, terutama ahli-ahli politik dan akhbar-akhbar supaya bersikap sederhana dan lebih bertanggungjawab apabila memberi pandangan mengenai sesuatu isu itu. Kita harus bertanya kenapa agaknya

Baginda di akhir-akhir Titah Ucapannya mengingatkan kita semua hal-hal seperti ini. Sudah tentu Baginda mengetahui dan dapat melihat perkembangan dan peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli politik, akhbar-akhbar yang sentiasa mengapikan dan menyemarakkan perasaan sehingga terdapat ketidakjujuran dan keikhlasan pihak yang melaksanakan dasar-dasar menyebabkan akhir-akhir ini rakyat keliru, rakyat berpuk-puk dan akhirnya menjadi pak turut kerana mereka sudah tidak dapat mengukur keikhlasan dan kejujuran, terutama di kalangan ahli-ahli politik.

Rakyat hari ini oleh kerana kepentingan, oleh kerana desakan hidup, oleh kerana kemiskinan, mereka seolah-olah tidak kisah lagi apa yang benar dan yang tidak benar, yang ikhlas dan tidak ikhlas lagi asalkan mereka dapat memenuhi keperluan hidup mereka. Kejujuran dan keikhlasan sekarang sudah tidak dapat diukur, lagi kerana rakyat disogokkan dengan kelemahan kepemimpinan itu sendiri.

Misalnya, di kampung-kampung, Ketua-ketua Kampung diberhentikan kerana pendirian yang tidak berbelah bagi kepada satu-satu pendapat atau golongan atau Wakil-wakil Rakyat. Ahli-ahli politik melompat dari kiri ke kanan, dari kanan ke kiri, dari depan ke belakang. Kejujuran dan keikhlasan tidak boleh diukur lagi dalam keadaan yang mencabar sekarang ini. Mereka yang melakukan ini kepada saya adalah orang yang lemah dan tidak dapat mencari pegangan hidup yang sebenarnya. Dalam masyarakat Islam, dengan pegangan politik masing-masing, soal melompat-lompat ini perkara biasa. Berzaman sudah kita di dalam politik, orang PAS masuk UMNO, orang UMNO masuk PAS. . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Minta penjelasan.

Tuan Ismail bin Said: Batu Berendam minta penjelasan, Shah Alam boleh beri?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta izin daripada Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Ismail bin Said: Boleh beri jalan Shah Alam?

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Terima kasih. Tidak payahlah.

Tuan Ismail bin Said: Dia tidak beri jalan. Sila duduk.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tadi saya hendak minta, kata baru mula!

Tuan Ismail bin Said: Sila duduk, dia tidak beri jalan. Teruskan Shah Alam.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Dan sekarang, Tuan Yang di-Pertua, UMNO masuk UMNO, yang lama dan yang baru dan ada pula orang bertanya sebentar tadi, Kumpulan Semangat 46 ini membawakan kononnya satu cabaran. Kalau tidak berani, kalau tidak takut, kalau tidak khuatir kepada Kumpulan Semangat 46, ini saya minta pihak yang berkenaan akan memberikan kami peluang untuk berdaftar. Kalau takut, tidak payah diberikan?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Penjelasan!

Tuan Ismail bin Said: Ya, Batu Berendam?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Penjelasan. Adakah Semangat 46 bercadang untuk mendaftarkan Kumpulan Semangat 46 ini? Yang kedua, adakah masalah lompat-melompat ini, adakah

ditujukan kepada Yang Berhormat dari Johor Bahru dan juga dari Kota Tinggi yang lompat-melompat ini? Adakah itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Shah Alam?

Tuan Ismail bin Said: Shah Alam belum beri jalan, Yang Berhormat Batu Berendam sudah bercakap.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tidak apa. Saya hendak sebut. Terima Kasih. (*Ketawa*)

Tuan Ismail bin Said: Teruskan Shah Alam.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tidak payahlah saya jawab. Apa bangsa sekalipun, Tuan Yang di-Pertua, agama apa sekalipun, mereka berkehendakkan seseorang ketua yang jujur, amanah, ikhlas menjalankan tugas mereka supaya hal yang kusut, masalah yang berat dapat sama-sama kita selesaikan, dapat kita mencari penyelesaian yang lebih baik, dapat kita meneruskan sesuatu perjuangan itu tanpa berpura-pura seperti yang wujud sekarang ini.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Ismail bin Said: Batu Berendam hendak apa?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Kerana kita telah dicabar tadi, saya minta penjelasan. Kalau begitu kita takut. . . .

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Saya tidak beri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Dia takut ini, tadi kata. . . .

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat, Shah Alam tidak beri jalan. Sila duduk!

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ismail bin Said: Teruskan.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Rakyat dikehendaki melakukan berbagai-bagai mengikut kepimpinan. Kalau hitam kata pemimpin, rakyat diminta supaya mengikut hitam itu. Kalau putih katanya putihlah, sebabnya. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan. Ini pasal grand design hendak dengar tidak?

Tuan Ismail bin Said: Arau minta penjelasan, Shah Alam?

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tidak payahlah saya beri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Special ini, soalan special.

Tuan Ismail bin Said: Dia tidak beri, sila duduk Yang Berhormat dari Arau.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Sebabnya saya katakan demikian kerana banyak pegawai-pegawai, ahli-ahli politik, pelajar-pelajar sekarang telah digunakan oleh golongan tertentu untuk mengikut kursus, kononnya membersihkan dan menyelaraskan pemikiran dan pendirian mereka itu, menyebabkan apabila mereka balik ke tempat masing-masing keadaan berlainan pula. Hantarlah sesiapa pun ke mana, ke hujung langit sekalipun tetapi masyarakat hari ini sudah mempunyai pandangan sendiri dan pendirian. Maka tidak perlu diadakan brain washing system, dengan izin, kepada sesiapa. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, hari ini dalam masyarakat kita terdapat pengikut personality, pengikut yang mendewa-dewakan orang-orang tertentu walaupun Perdana Menteri beberapa kali menyeru jangan berbuat demikian. Mereka sudah tidak lagi berani menyatakan sesuatu yang benar tetapi mengikut kehendak pemimpin-pemimpin yang didewa-dewakan itu. Yang memimpin sama sekali tidak

merasai senang jika ada teguran yang membina melainkan yang dipimpin itu memuji.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan, penjelasan! Perkataan dewa unparliamentary. Point of order 36 (2).

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: . . . memuji dan menyeronokkan setiap perbuatan yang keji dan kemungkaran.

Tuan Ismail bin Said: Point of order berapa?

Tuan Shahidan bin Kassim: 36 (2).

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat dari Shah Alam, duduk!-36 (2). Sila baca Yang Berhormat dari Arau, 36 (2).

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hafal itu tetapi saya tidak boleh baca, tetapi saya ingat itu.

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat dari Arau duduk dulu, Shah Alam sila duduk! 36 (2) mengatakan bahawa tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam pertimbangan mahkamah. (*Ketawa*)

Shah Alam teruskan bercakap. Yang Berhormat ada lima minit sahaja lagi.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, ini gangguan yang banyak.

Tuan Ismail bin Said: Tambahan masa saya tidak beri.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36 (6).

Tuan Ismail bin Said: Sila. Yang Berhormat dari Shah Alam, sila duduk.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Saya minta izin Tuan Yang di-Pertua beri saya masa lebih kerana gangguan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya cadangkan masa diberi lebih kepadanya. Point of order 36 (6). Sebut mendewa-dewakan orang tidak baik kakak. Tolong tarik perkataan itu. Siapa mendewa-dewakan. Sangkaan jahat.

Tuan Ismail bin Said: Sila teruskan Yang Berhormat dari Shah Alam. 36 (6) tidak ada kaitan.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Terima kasih. Yang memimpin sama sekali tidak merasa senang jika ada teguran yang membina melainkan yang dipimpin itu dipuji dan dipuja dan yang menyeronokkan setiap perbuatan pemimpin yang melanggar tatatertib itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itulah hari ini kita dapati bahawa soal perpaduan sudah tidak menjadi kenyataan. Sebab itulah hari ini terdapat masyarakat berpuak-puak dan berkumpul-kumpul, takut kalau menegur sesuatu. Mereka sanggup berdiri kepada apa yang ditunjukkan oleh orang-orang tertentu. Dalam soal ini ingin menyatakan bahawa oleh kerana tidak ada keikhlasan dan kejujuran di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat maka di kampung-kampung sudah wujud, kelompok-kelompok yang hari demi hari, berjauhan saudara mara sudah tidak bertegur sapa. Sahabat sudah ditinggalkan kerana setengah daripadanya sudah mengikut telunjuk Ahli-ahli Yang Berhormat tertentu. Contohnya pemberian projek-projek kecil, borang permohonan rumah atau tanah, borang rancangan FELDA seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Hulu Selangor beberapa hari yang sudah, sudah tidak diberikan kepada masyarakat yang memerlukan. Rakyat yang berkehendakkan semua itu kerana

kononnya mereka sudah disenaraikan di dalam satu senarai hitam iaitu tidak mengikut telunjuk Wakil-wakil Rakyat tertentu. Maka jelaslah kepada kita bahawa di antara Ahli-ahli Yang Berhormat sesama sendiri pun sudah tidak ada keikhlasan untuk menolong rakyat yang menjadi tugas utamanya sebagai wakil rakyat dan. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36 (6), sangkaan jahat kepada Yang Berhormat lain tidak mahu menolong rakyat.

Tuan Ismail bin Said: Sila duduk! Saya rasa perkataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Shah Alam tidaklah berkaitan dengan 36 (6). Sila teruskan. (*Tepuk*)

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Terima kasih. Dalam hal perpaduan yang dilaung-laungkan oleh pemimpin-pemimpin hari ini, sejauh mana keikhlasan untuk mengajak terutama orang-orang Melayu bersatu padu seperti yang dikehendaki oleh Surah Al-Imran Ayat 105: iaitu janganlah kamu jadi berpecah-belah dan berselisih, hendaklah kamu berpegang kepada tali Allah.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat dari Kuala Terengganu hendak apa?

Tuan Zubir bin Embong: Boleh baca dalam bahasa Arab. Ayat dalam bahasa yang asal.

Tuan Ismail bin Said: Itu hak dia melainkan Yang Berhormat dari Shah Alam hendak baca dalam bahasa Arab.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Orang yang berkuasa perlu ikhlas hasrat itu supaya dapat

memimpin masyarakat jalan yang sebenarnya mengikut landasan Islam. Sudahkah ada musyawarah sekurang-kurangnya untuk melaksanakan kehendak Surah tadi di samping melaksanakan falsafah kepimpinan melalui teladan. Kenapa berlaku perpecahan terus menerus di kalangan umat Islam di negara ini.

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh perkara kedua iaitu lesen perjudi. Saya rasa saya berdosa sebagai seorang Islam kalau saya tidak membangkitkan perkara ini. Soal ini amat penting jika kita umat Islam mengakui bahawa judi itu haram, judi itu najis. Pemimpin-pemimpin Islam yang dahulu dan sekarang sama-sama bertanggungjawab memastikan ianya diharamkan dan saya meminta kepada Kerajaan yang ada sekarang supaya ianya diharamkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada tahun tujuh puluhan, saya tidak begitu pasti dengan tarikh yang tepat iaitu usul yang dibawa oleh Pemuda UMNO, waktu itu bersidang di Dewan Bahasa dan Pustaka. Usul itu mendesak Kerajaan supaya mengharamkan apa bentuk judi sekalipun.

Tuan Ismail bin Said: Masa Yang Berhormat sudah habis. Sila gulung.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Saya minta izin kerana tadi sudah ada gangguan.

Tuan Ismail bin Said: Saya sudah beri masa tambahan dua minit.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Akhir sekali.

Tuan Ismail bin Said: Saya benarkan.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Saya agak terperanjat apabila Majlis Tertinggi UMNO baru-baru ini membuat keputusan untuk meneliti sahaja dan tidak sama sekali mengharamkan. Oleh itu saya mencadangkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan, adakah Yang Berhormat sedar orang yang mula-mula meluluskan judi ialah Tunku Abdul Rahman sendiri, Ketua bagi Semangat 46.

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat dari Arau, siapa benarkan bercakap? Sila duduk! Yang Berhormat dari Shah Alam, masa sudah habis.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ismail bin Said: Berapa kali akhir. (*Ketawa*)

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Kerana saya ada gangguan tadi. Saya ingin menyentuh sedikit Titah Ucapan berkenaan keselamatan dalam negeri.

Tuan Ismail bin Said: Masa sudah cukup. Saya tidak dapat benarkan kerana ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang hendak bercakap.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Saya ada banyak gangguan dari mula tadi.

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat boleh bercakap dalam masa yang lain. Sila duduk, masa sudah cukup. Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

4.16 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini bersama rakan-rakan yang lain bagi turut mengambil bahagian dalam

menyokong Usul Menjunjung Setinggi-tinggi Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berkenan mencemar duli bagi membuka rasmi Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketujuh pada hari Isnin, 6 Mac yang lalu.

Dalam Titah Di-Raja itu, Baginda menyarankan dan telah menyentuh berbagai-bagai perkara yang merangkumi dari semua aspek termasuk politik, ekonomi, sosial, pembangunan, pelajaran, hubungan antarabangsa, dasar luar negeri dan tidak ketinggalan juga tentang perkembangan agama Islam dalam negara kita hari ini. Apa yang menarik dalam Titah Di-Raja itu, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai harapan Baginda dan doa Baginda semoga negara kita yang tercinta akan terus aman, bersatu padu, maju dan bermaruah dan mudah-mudahan negara Malaysia menjadi sebuah negara sebagaimana firman Allah yang bermaksud: negara yang aman makmur mendapat restu dan keampunan Allah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melahirkan negara yang aman makmur dan mendapat keampunan Allah, pada pandangan saya hendaklah kita terlebih dahulu melahirkan manusia yang beriman dan beramal serta berpengetahuan tinggi. Justeru itu kita patut memberikan penghargaan yang tinggi kepada Kementerian Pendidikan yang telah memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Dasar Pendidikan Negara yang objektifnya mahu melahirkan generasi Malaysia yang beriman, berilmu pengetahuan, bersopan santun, berakhlak mulia dan beriman tinggi, tahu menghormati ibubapa, orang tua dan mempunyai rasa kasih sayang di antara satu sama lain. Tugas ini amat berat sekali, ianya bergantung kuat kepada kemampuan, kebolehan dan kesungguhan serta keikhlasan dan

dedikasi para guru dan pendidikan hari ini.

Memang di bawah KBSM ada yang mengatakan dan mentafsirkan dengan tafsiran yang beraneka rupa dan ada yang menyebut: "Kerja Berat Sampai Mati". Guru-guru dipertanggungjawabkan dengan tugas yang lebih berat. Demikian juga para penuntut dan pelajar, terutamanya bagi sekolah-sekolah yang mengamalkan aliran dua sesi pagi dan petang di mana mereka yang belajar petang dikehendaki belajar sekurang-kurangnya dua atau empat kali seminggu yang bermula daripada jam 10.00 pagi hingga jam 4.00-5.00 petang tiap-tiap hari. Keadaan ini turut menyusahkan ibu-bapa. Di samping itu Kementerian Pendidikan pula hendaklah mengatur, merancang program yang tersusun dengan rapi dan janganlah terburu-buru melaksanakan sesuatu program yang baru yang akibatnya boleh menyusahkan orang ramai seperti pelaksanaan KBSM ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya segera melaksanakan dua skim perkhidmatan perguruan di negara ini—Skim Siswazah dan bukan Siswazah. Sekiranya skim ini dapat disegerakan, ianya akan dapat memenuhi cita rasa kaum pendidik di negara ini yang sudah sekian lama diperjuangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan Sistem Ekonomi Islam, khususnya dalam penyelarasan kutipan zakat di seluruh negara masih belum dapat dilaksanakan. Walaupun perkara ini menjadi tanggungjawab Jabatan Agama Negeri-negeri tetapi Kerajaan Pusat melalui Pusat Islam dan Jabatan Perdana Menteri tentulah boleh memainkan peranan, penyelarasan dan potongan cukai pendapatan bagi pembayaran zakat boleh dibuat. Walaupun Jabatan Cukai dan Jabatan Hasil Dalam Negeri bersedia memberikan kerjasama tetapi pelaksanaan dalam

rancangan ini masih belum dapat dilaksanakan. Ada juga saya dapati aktiviti-aktiviti yang bercanggah di antara Pusat Islam dan Badan Perunding Islam yang terletak di bawah kelolaan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan, terutamanya dalam menyusun penyelarasan kutipan zakat di negara ini.

Pernah satu ketika Badan Perunding Islam membuat kajian dan perbincangan, demikian juga Pusat Islam dengan aktiviti yang sama dengan mengadakan seminar, perbincangan, forum dan sebagainya, namun demikian penyelarasan yang dikehendaki masih belum terlaksana. Siapakah yang sebenar-benarnya bertanggungjawab dalam kes ini? Walaupun Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam berjaya mengumpulkan sejumlah besar wang kutipan amal jariah dari orang ramai, tetapi masih perlu diperluaskan lagi. Penjelasan dan penerangan amal jariah kepada orang ramai sama ada melalui mass media, penerangan penulisan, majalah dan sebagainya perlu dibuat. Perkembangan Islam yang pesat di masa kini memberikan satu insentif dan galakan bagi menarik lebih ramai orang awam membuat amal jariah ini dan hasil dari kutipan amal jariah tersebut perlu pula diagihkan kepada orang ramai melalui badan-badan amal, pertubuhan-pertubuhan belia, pertubuhan sosial, sekolah, pertubuhan anak-anak yatim, fakir miskin dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, terpulanglah kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam untuk bergerak terus, maju dan mengutip serta melaksanakan amal yang baik ini. Soalan sekarang ialah sejauh manakah YAPIM dapat menarik para peniaga, usahawan-usahawan, kontraktor-kontraktor yang berjaya dan orang-orang kaya serta orang-orang perseorangan yang dapat menyumbang dalam skim dan amal yang baik

ini, istimewa di kalangan dan golongan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, projek IKHTIAR bagi membantu orang miskin dan orang yang tidak berupaya serta orang yang susah yang telah dilaksanakan tidak berapa lama dahulu hendaklah diperluaskan. Bantuan-bantuan kecil di antara \$500 hingga \$2,000 atau \$3,000 untuk projek kecil seperti projek menternak ayam, itik, kambing biri-biri, bercucuk tanam, bertani hendaklah dipergiatkan kerana ianya betul-betul dapat menolong orang-orang yang benar-benar memerlukan bantuan. Pinjaman tanpa faedah ini dapat dibayar pula oleh peminjam-peminjam dan kedudukannya lebih terjamin dari peminjam-peminjam besar yang diberi oleh bank-bank kepada pengusaha-pengusaha yang membuat pinjaman yang begitu tinggi.

Saya berkata demikian kerana orang yang susah yang diberi bantuan yang kecil melalui projek ini adalah lebih berhati-hati dan bersungguh-sungguh dalam usaha membayar balik pinjaman, justeru itu pinjaman projek IKHTIAR ini perlulah diperluaskan dan gerakan di seluruh negara perlulah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung tinggi dan mengucap ribuan terima kasih kepada Kerajaan yang memandang berat mengenai perjudian dan perkembangan perjudian yang berleluasa di negara kita pada hari ini. Beberapa jenis judi yang menawarkan hadiah-hadiah yang besar dan lumayan terus ditawarkan kepada orang ramai, seperti Big Sweep, 4 Digits, Toto, 4 Nombor Ekor demikian juga jackpot dan sebagainya. Semua jenis judi yang mutaakhir ini telah menambahkan lagi bilangan perjudian yang telah sedia ada dan ini menggambarkan seolah-olah negara ini dilanda oleh wabak judi.

Tuan Yang di-Pertua, judi walau apapun bentuknya tetap merupakan perbuatan yang bertentangan dengan susila dan budaya bangsa Melayu dan berlawanan dengan doctrin agama Islam sendiri. Dalam saat-saat Kerajaan hendak meningkatkan perkembangan agama Islam di negara ini, sepatutnya soal judi tidaklah boleh digembar-gemburkan dan diberi perhatian yang meluas dalam akhbar-akhbar dan media massa kita. Judi akan menjadikan rakyatnya miskin dan akan terus menjadi mangsa dari perbuatan perjudian yang tidak terkawal itu. Saya mendesak Kerajaan selain dari mengkaji tentang perjudian yang meluas pada masa ini, tetapi juga hendaklah mengawal supaya jenis-jenis judi yang tertentu sahaja dibenarkan atau pihak Kerajaan terus menghapuskan segala bentuk sistem perjudian yang wujud di negara ini dan ini termasuklah pusat perjudian besar yang terletak di Genting Highlands di negara kita hari ini. Tempat yang indah dan menarik itu sepatutnya digunakan untuk tempat beristirihat dan mencari idea yang baik dan tidak dijadikan tempat perjudian yang menjadikan manusia kita bertumpu ke arah tempat yang baik ini.

Sepertimana Tuan Yang di-Pertua ketahui, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menggunakan masa beristirihatnya pergi ke Genting Highlands semasa beliau sakit dan menunggu sembuh. Tempat ini amat baik sekali kerana itu perjudian tersebut mestilah diambil tindakan dan Kerajaan janganlah teragak-agak untuk mengharamkan jenis-jenis perjudian ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini perjudian telah menular kepada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah. Mereka telah berani membuat pertaruhan dan perjudian berdasarkan sebarang aktiviti yang wujud di sekolah termasuk perlawanan, pertandingan sukan, badminton, bola sepak, bola jaring dan

sebagainya di mana mereka bertaruh sesama mereka dan ini membawa kepada soal disiplin dan wujud pergaduhan apabila pihak yang kalah tidak berpuas hati di atas pengadilan yang dibuat di dalam satu-satu pertandingan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan mengadakan peruntukan untuk belajar mengaji Al-Quran bagi kanak-kanak Islam yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini adalah sangat-sangat dialu-alukan. Nyatalah bahawa Kerajaan benar-benar bersungguh-sungguh menyeru rakyatnya bermula dari alam kanak-kanak lagi supaya dapat menghayati Al-Quran dan memahami ajaran yang tersirat di dalamnya serta mengamalkannya seberapa yang boleh. Saya harap.

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Saya berharap Kerajaan akan dapat memastikan supaya program ini benar-benar dapat dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan dapat disampaikan kepada kumpulan rakyat yang benar-benar memerlukan, di samping itu saya berharap supaya peruntukan permulaan sebanyak \$20 juta ini juga akan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga supaya kelas-kelas taqmir di masjid dan surau di seluruh negara yang telah dijalankan kira-kira 3 tahun yang lalu itu turut diberi perhatian yang serius. Kalau di peringkat permulaan dahulu kelas mengaji agama bagi orang dewasa itu diadakan sekurang-kurangnya 4 kali seminggu bagi sebuah madrasah atau surau atau masjid, tetapi kini kelas pengajian itu hanya tinggal 2 kali sahaja. Bila ditanya kenapakah terjadi sedemikian rupa, jawapan yang diberi ialah tidak cukup peruntukan. Justeru

itu, saya berharap peruntukan kelas-kelas taqmir di masjid ini hendaklah ditambah dan diberikan peruntukan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini umat Islam di seluruh dunia gempar dengan novel "The Satanic Verses" yang ditulis oleh Salman Rushdie yang dikatakan buku itu buku ayat-ayat syaitan yang terang-terang menghina agama Islam, al-Quran, Nabi dan isteri-isteri Nabi. Oleh hal yang demikian, saya ingin mendapat penjelasan dan ketegasan kita dan Kerajaan apakah sikap Kerajaan dalam masalah ini.

Tuan Ismail bin Said: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulung. Dalam melaksanakan hukum-hukum Islam negara ini khususnya, saya ingin menyeru RTM supaya mencadangkan, menjadikan atau mewajibkan supaya pembaca-pembaca berita TV wanita kita sama ada di Saluran 1, 2 atau TV3 hendaklah diwajibkan menutup aurat atau bertudung kepala yang kemas dan lengkap.

Tuan Ismail bin Said: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Sepatutnya hal ini telah lama dijalankan di RTM.

Tuan Ismail bin Said: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Ya, sedikit sahaja lagi, 2 second. Pembaca Berita TV wanita, kerana sebuah negara dalam ASEAN kita telah lama menjalan dan mengamalkan hal ini seperti yang berlaku di negara Brunei Darussalam. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pihak RTM mengambil tindakan yang tegas.

Akhir sekali, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan

mengenai projek hospital di Sabak Bernam yang banyak kali dibangkitkan di Dewan ini.

Tuan Ismail bin Said: Sudah cukup.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Saya mendengar khabar telah diluluskan oleh Kabinet dan bilakah hendak dilaksanakan.

Tuan Ismail bin Said: Cukup.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Tuan Ismail bin Said: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sukacita saya memberi ingatan kepada Ahli Yang Berhormat tolong hormati kepada masa yang diberikan kepada kita untuk berucap, iaitu selama 15 minit. Jadi biarlah kita beri peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk berucap.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Maran.

4.33 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana beri peluang kepada saya untuk berucap. Saya hanya mungkin pendek daripada 15 minit, saya mengambil masa 10 minit sahaja kerana 5 minit itu saya hendak beri chance kepada kawan-kawan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh masalah kemiskinan. Kemiskinan ini pada hakikatnya ada dua. Pertama ialah kemiskinan kebendaan dan yang kedua ialah kemiskinan jiwa. Kemiskinan yang selalu kita bahaskan ialah mengenai kemiskinan kebendaan kerana kita memang jelas bahawa di antara penduduk-penduduk negara kita ini memang ramai di antara mereka ini masih dalam kemiskinan. Kadar kemiskinan di bandar dan luar bandar

juga berbeza. Misalannya pada tahun 1970 kemiskinan luar bandar ialah 58%, kemudian kurang kepada 24% pada tahun 1984. Kadar kemiskinan di bandar pada tahun 1970 ialah 21% dan kurang kepada 8% pada tahun 1984. Ini adalah ukuran kemiskinan kebendaan.

Apabila kita menyuarakan Kerajaan perlu mengatasi kemiskinan ini, ada pihak-pihak tertentu mengatakan dasar-dasar yang dijalankan oleh Kerajaan adalah berat sebelah. Sebab itulah saya menyokong mana-mana pihak mengatakan bahawa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru adalah menyeleweng, menyeleweng kerana kita tidak tercapai hasrat kita untuk mengatasi kemiskinan, terutama sekali kemiskinan di luar bandar. Jadi, baik mana-mana parti sekalipun mengatakan dasar ekonomi adalah menyeleweng, saya bersetuju menyeleweng kerana tidak menepati hasrat untuk mengatasi kemiskinan, tetapi saya tidak suka mengatakan menyeleweng ini kerana Kerajaan berat sebelah kepada pihak-pihak yang berkenaan. Itu pada hakikatnya. Jadi mestilah kita mengakui hakikat ini. Kalau sekiranya Kerajaan bertindak bersungguh-sungguh untuk mengatasi kemiskinan janganlah kita hanya memperakukan ataupun kita cuba menghalang Kerajaan untuk berbuat demikian. Sebab itulah hasrat kita untuk mencapai 30% harta Kerajaan bagi orang-orang yang miskin, terutamanya bumiputera pada tahun 1990 tidak mungkin tercapai kerana ada yang menghalangnya.

Tetapi ada di antara yang mengatakan mereka telah diberi tekanan, mereka telah memiliki harta lebih daripada sepatutnya. Contohnya orang yang bukan bumiputera sepatutnya pada tahun 1980 kita mesti memiliki lebih, hanya kita memiliki 18% sahaja, tetapi yang bukan bumiputera pada tahun 1980 telah memiliki 46%, hanya yang patut mereka memiliki ialah 40% sahaja.

Jadi jelas perkara ini telah menyeleweng daripada hasrat Dasar Ekonomi Baru.

Bila kita mengatakan harta yang dimiliki oleh bumiputera kita melihat orang-orang bumiputera banyak memiliki tanah di luar bandar, tanah yang dinilai dari segi harganya memang berbeza besar dengan tanah di bandar. Kita lihat sendiri bahawa kesemua 27 bandar-bandar besar di seluruh negara tanahnya adalah dimiliki 90% oleh orang yang bukan bumiputera. Kalau kita nilaikan tanah-tanah yang di bandar ini sudah barang tentu nilainya lebih tinggi daripada tanah-tanah di luar bandar, hanya 10% sahaja yang dimiliki oleh orang bumiputera. Jadi kalau inilah kedudukannya yang kita tidak faham, yang sepatutnya kita mesti faham, maka hasrat Kerajaan untuk mengimbangkan keadaan ini akan bertambah sukar.

Kalau kita lihat pula kepada lebih daripada 160,000 perniagaan perseorangan dan perkongsian dan 172,000 syarikat yang berdaftar, lebih daripada 80% dipunyai oleh bukan bumiputera, bukan Melayu. Jadi ini terlalu berbeza. Inilah menyebabkan hasrat kita yang baik itu payah tercapai. Jadi perlu Kerajaan membuat sesuatu bagi menentukan pengagihan harta ini benar-benar mengikut kedudukan penduduk dan benar-benar berhasrat untuk mengagihkan kekayaan negara ini kepada yang empunya.

Satu perkara baru-baru ini ialah mengenai MPEN yang baru ditubuhkan. Kita mengharapkan supaya ahli-ahli majlis ini di dalam masa perbincangan mereka janganlah banyak menyentuh perkara-perkara yang sensitif, perkara-perkara yang telah ditetapkan di dalam Perlembagaan. Mereka jangan menyoal hak-hak keistimewaan orang Melayu, mereka jangan menyoal kedaulatan

Raja-Raja dan perkara-perkara yang diberi hak kepada orang Melayu.

Kalaulah sekiranya mereka menyoal banyak perkara ini, maka hasrat kita bagi memberikan keseimbangan ini akan tidak tercapai. Mungkin kalau ada di antara mereka kelak apabila menyoalkan perkara ini, maka Perlembagaan kita pula perlu diubah mengikut selera dan kehendak mereka, maka sudah barang tentu hasrat-hasrat yang kita cita-citakan ini payah dicapai. Kalau kita perhatikan sehingga masa sekarang dalam bidang-bidang yang lain Bumiputera masih ketinggalan.

Masalah yang kedua saya hendak tekankan ialah kemiskinan jiwa. Kadangkala manusia ini apabila miskin jiwa lebih teruk daripada miskin kebendaan kerana apabila miskin jiwa ini, manusia itu tidak mempunyai ketahanan, manusia itu tidak sanggup menghadapi kehidupan, manusia itu sentiasa memikirkan hak dia berseorangan tanpa memikirkan negara dan masyarakat. Manusia itu sentiasa berfikir ke arah hasad dan dengki, manusia itu sentiasa memikirkan untuk menjatuhkan orang lain. Mereka ini tidak merasakan bahawa kada dan kadar adalah kuasa Allah s.w.t. dan mereka mempersoalkan kenapa orang itu boleh menjadi itu dan ini dan mereka tidak boleh jadi. Ini adalah manusia yang miskin jiwa. Apabila manusia ini mempunyai kedua-dua kemiskinan ini maka mereka sanggup melakukan apa sahaja yang mereka suka. Kalau mereka itu miskin kebendaan ditambah pula dengan miskin jiwa, maka manusia ini payah hendak diperbaiki. Sebab itulah Kerajaan kita mestilah cuba mencari jalan untuk mengatasi kedua-dua kemiskinan ini iaitu kemiskinan kebendaan dan juga kemiskinan jiwa. Kalau kita dapat mengatasi perkara ini baharulah dapat kita mengadakan ataupun mendapatkan rakyat yang hidupnya sentiasa memikirkan demi

untuk kejayaan negara ini sendiri dan takut daripada berkucar-kacir.

Saya suka juga menyentuh mengenai dengan mengatasi kemiskinan di luar bandar. Kita telah menyatakan dan telah mengetahui bahawa walaupun Kerajaan bertindak dengan berbagai-bagai langkah untuk membaikpulih tanah terbiar, tetapi sampai sehingga sekarang keluasan tanah yang terbiar semakin bertambah dan apakah Kerajaan telah buat. Sebab itulah kalau di antara kita hendak mengatasi kemiskinan di luar bandar, tanah-tanah terbiar di luar bandar mestilah dijalankan dengan baik, mestilah dirancang dan dilaksanakan dengan secepat mungkin kerana inilah di antara salah satu kerja ataupun perkara yang boleh mengatasi masalah penduduk-penduduk di luar bandar. Dalam hal ini sukalah saya mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan satu badan khas bagi memajukan tanah-tanah terbiar di luar bandar. Janganlah kita mengharapkan sama ada KEMAS ataupun Pejabat-pejabat Daerah sahaja menentukan untuk mengatasi tanah-tanah terbiar di luar bandar, tetapi mestilah kita mewujudkan satu badan khas kerana inilah pokoknya, kerana kalau kita dapat membaiki dan membaikpulih tanah-tanah terbiar yang semakin tahun semakin bertambah, saya percaya kita boleh mendapatkan hasil dan kegunaan yang lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal belia. Sebenarnya bilangan belia dalam negara kita ini memang ramai, tetapi saya perhatikan kepada Kementerian Belia dan Sukan kurang mengambil berat kepada belia, terutama sekali kepada belia-belia di luar bandar. Bidang sukan nampaknya boleh tahan, sehingga satu bentuk sukan kita diadakan untuk Sukan SEA. Saya ingat saya kurang minatlah pakaian yang sedemikian rupa. Kalau kita hendak cari kemenangan pun janganlah sampai pakaian begitu rupa, jagalah sedikit maruah. Kita belum

tentu menang, tetapi maruah kita nampaknya kurang baik kalau berpakaian demikian rupa. Saya harap tolong ubahlah pakaian di Sukan SEA kelak bagi peserta-peserta Malaysia. Itu harapan saya. Kalau buat juga buatlah.

Tuan Ismail bin Said: Tidak eloklah Yang Berhormat pakaian itu?

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Kurang manis sangat.

Tuan Ismail bin Said: Kurang manis.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Menengoknya sedap, tetapi saya tidak berapa setuju, biarlah bersopan sedikit, kita menang belum tentu tetapi pakaian kita sudah kurang senang.

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Boleh. Jadi, Menteri Belia dan Sukan mesti memberatkan kemajuan belia. Ini pokoknya. Di setengah-setengah daerah hanya ada seorang sahaja Pegawai Belia untuk menyelia beberapa pertubuhan belia di daerah itu. Jadi, macam mana kita hendak mencapai hasrat kita untuk menjayakan dan menjaga belia supaya mereka ini bekerja kuat dan sebagainya, sedangkan mereka ini kurang mendapat bimbingan. Saya menyarankan kepada Kementerian berkenaan tolonglah beratkan perhatian dan buatlah satu perancangan yang kemas untuk menentukan belia-belia terutama sekali di luar-luar bandar apatah lagi di rancangan-rancangan. Di kawasan Parlimen saya sahaja terdapat 26 rancangan. Belianya cukup ramai, tetapi apabila saya berjumpa dengan mereka kadangkala matlamat mereka itu tidak tentu. Jadi, perlulah Kementerian yang berkenaan mengadakan ataupun meramaikan pegawai dan mestilah menunjukkan dan mengikuti perjalanan belia ini dengan bersungguh-sungguh bagi

menentukan mereka ini boleh berjaya dalam apa-apa bidang yang kita taja. Jadi, dalam hal ini saya percaya kalau sekiranya kita memberi perhatian kepada belia-belia kita boleh mencapai hasrat kita yang mana kita kehendaki. Sekian, terima kasih.

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat dari Simunjan.

4.47 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, sebagai mukaddimah dalam ucapan saya, saya mengambil bahagian dalam mengucapkan terima kasih atas Titah Ucapan Di-Raja saya mulakan dengan menyentuh mengenai perpaduan yang begitu menarik tadi dibincangkan oleh salah seorang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini dan malah ramai lagi sebelum hari ini iaitu di hari-hari yang lepas.

Sebenarnya saya rasa perpaduan ini adalah perkara yang penting yang harus diberi keutamaan oleh seluruh rakyat di negara kita dan yang harus kita tujukan matlamat perpaduan ini ialah untuk mengingatkan terutama sekali para pemimpin kita kerana kalau pemimpin-pemimpin kita itu sifatnya, caranya, jarang-jarang berbuat sesuatu ke arah perpaduan, maka saya rasa rakyat pun tidak boleh bersatu padu. Jadi, kalau kita dikuasai oleh sifat keakuan, dalam bahasa inggerisnya, ego, the natural libido, dengan izin, maka tentunya kita didorong oleh perasaan dan emosi untuk membuat keputusan. Jadi, ini lebih berbahaya kalau keputusan yang dibuat itu adalah keputusan yang dibuat oleh pemimpin dan keputusan itu didorong oleh emosi dan perasaan kemanusiaan tanpa didorong oleh perasaan ikhlas dan jujur.

Sepotong ayat Al-Quran yang telah dibaca oleh Yang Berhormat baru-baru tadi yang bermakna, "Apabila

orang mengancam kita, kita bolehlah mengancam balik orang itu", tetapi akhirnya lagi "wain naafa, faarajhu indallah.".

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, bacaan tidak betul?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Yang dahulu tidak betul, yang kemudian pun tidak betul.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Mungkin tulisan tidak betul. Saya tadi tulis cepat sangat.

Tuan Ismail bin Said: Baris tidak kena agaknya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Agaknya.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terjemahkan sahaja.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Terima kasih. Yang bermakna "sekiranya diberi kemaafan, maka pahalanya sangat besar di sisi Allah s.w.t." Yang sedihnya kadang-kadang ada juga manusia ini suka apabila orang mengancam dia suka hendak ancam balik sehingga mati. Jadi ini yang masalah—hingga mati, kadang-kadang hingga tengok muka pun tidak mahu lagi. Jadi.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: (*Bangun*)

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat dari Parit hendak apa?

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Penjelasan.

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat dari Simunjan beri jalan? .

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tidak ada masalah.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, adakah saranan Yang Berhormat tadi bermaksud sebagai contoh macam Kumpulan 46?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, ini umum. Memang ada manusia saya kata, dalam dunia ini ramai manusia, jadi tidak sunyi daripada manusia yang mempunyai sifat macam ini, hingga mati pun hendak lawan balik, hingga tengok muka pun tidak mahu lagi, misal katalah. Apa boleh buatlah, tetapi mereka lupa bahawa Tuhan akan memberi pahala yang begitu besar kepada mereka yang bersedia bermaaf-maafan. Bagi saya, insya Allah, siapa sahaja, hantu pun kalau hendak bermaaf, maaf, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sentuh ialah soal sistem pemerintahan kita di negara ini. Kita menerima sistem Demokrasi Berparlimen (Parliamentary Democracy), sistem Constitutional Monarchy, dengan izin. Dalam sistem itu kita ada tiga bahagian pemerintahan—agensi-agensi Kerajaan yang bekerja yang diberi kuasa, yang setaraf, kalau tidak setaraf pun mungkin dibuat tidak setaraf iaitu bahagian Perundangan termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat untuk buat undang-undang. Yang keduanya bahagian Eksekutif iaitu pihak Menteri-menteri, Jabatan-jabatan Kerajaan. Yang ketiganya ialah pihak Judiciary yang mengandungi para Hakim yang bijaksana.

Yang sedihnya, tadi Yang Berhormat dari Maran pernah berkata bahawa kita ini, beliau bercakap mengenai miskin, harta-benda, miskin jiwa tetapi beliau lupa kita ini juga miskin masa, hanya 15 minit untuk bercakap, jadi miskin masa. Walaupun masa itu ada, dibuat miskin.

Tuan Ismail bin Said: Cakap pendek-pendek! (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Jadi saya cadangkan supaya diselaraskan masa bercakap di Parlimen ini kerana kita ialah Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat, yang harus dan berhak mendedahkan segala masalah rakyat di Dewan yang mulia ini untuk diperdengarkan oleh para Menteri, para pegawai-pegawai supaya dapat dilaksanakan. Jika kalau 15 minit, wanaubillah, kadang-kadang hendak cerca sedikit pun susah, walaupun niat tak cerca. Jadi, saya cadangkan supaya dari mula kalau ucapan Menjunjung Kasih ini kalau dari mula 15 minit, semua 15 minit, yang pertama bercakap 15 minit, yang akhir 15 minit. Tetapi yang masalahnya, yang pertama bercakap dua jam, walaupun tidak ada point, dua jam juga. Yang akhir-akhir macam kita ini termasuk Ahli Yang Berhormat dari Simunjan, terpaksa 15 minit mencurahkan segala hasrat diri sendiri, hasrat rakyat, hasrat rakyat di seluruh negara dan sebagainya dan ini menimbulkan perasaan kecewa yang amat sangat.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sistem di Parlimen harus kita ubah supaya Ahli Dewan Rakyat ini benar-benar tidak dikuasai oleh mana-mana pihak terutama sekali pihak Eksekutif, tidak dikongkong oleh hasrat pihak Eksekutif kerana saya tahulah pihak yang merancang ini pihak Eksekutif, kalau masa tidak ada untuk buat yang lain, dia kata Parlimen masanya ini sahaja bersidang. Tetapi dijadikan satu agensi Kerajaan yang bebas kerana kita dipilih oleh rakyat, yang berhak menyuarakan masalah rakyat di Dewan yang mulia ini. Jadi oleh kerana itu saya rasa tidak harus kita disekat dan dikongkong semata-mata untuk menentukan supaya apa yang dihasratkan oleh pihak Eksekutif itu terlaksana.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya rasa masanya tiba.

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Lima minit, alhamdulillah. Untuk kita membaharui sistem ini. Jadi rasa tidak sedap, orang kampung datang lihat kita bercakap di Parlimen, "Eh! apa Yang Berhormat, tengok sekejap bercakap." Kita balik kampung berasa malu sedangkan di kampung kita boleh bercakap sampai 10 jam, kenapa di Parlimen hanya 15 minit. Itu yang saya malu, kemaluan yang amat besar (*Ketawa*). Kalau tidak betul perkataan, tarik baliklah.

Yang satu lagi saya hendak sentuh ialah mengenai pembangunan. Pembangunan yang saya maksudkan ialah pembangunan yang seimbang kerana saya tengok di banyak-banyak kawasan oleh kerana hasrat Kerajaan ialah untuk membangun berbagai-bagai pembangunan dan membangun banyak tempat maka akhirnya eco system ataupun sistem eco, saya tidak tahu apakah sistem dalam Bahasa Malaysia, terjejas. Misal kata kita hendak membangunkan negara terpaksa tebang kayu balak untuk dapat duit supaya dapat membangun dengan cepat. Jadi kayu balak ditebang akhirnya eco system di kawasan kayu balak itu terjejas.

Dan satu lagi ialah kita hendak membangunkan jalan raya ke kampung-kampung. Jadi kadang-kadang kita lupa kesan jalan raya ini di kampung-kampung yang tidak pernah dihubungkan dengan bandar dengan jalan raya. Jadi itu menimbulkan masalah juga. Misal kata, masih ada banyak kampung di tempat saya, Kampung Jae, Kampung Jemukan, Semerak, dulu tidak pernah kecurian besar, sekarang oleh kerana ada jalan baik, the best road in Sarawak, dengan izin, itu dalam perkataan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, beliau kata: the best road system in Sarawak is the one yang menghubungkan kawasan Samarahan dengan Simunjan, dengan Kuching, alhamdulillah. Tetapi kesan buruknya ialah transitional stage, dengan izin, pencuri ramai

daripada Kuching, memecah rumah, kemudian pembunuhan pun, criminal kecil-kecil, petty problems, dengan izin, macam itu berlaku. Jadi saya rasa pembangunan macam ini harus diseimbangkan, harus kita kaji sejauh mana pembangunan yang kita bawa itu akan benar-benar membawa kebaikan kepada rakyat. Saya tidak menentang sesiapa, mana-mana pihak untuk membangunkan negeri dan negara tetapi harus dikaji kesan buruk dan kesan baik dalam jangka masa pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

Yang satu lagi ialah segolongan kaum rakyat di negeri-negeri tertentu kadang-kadang oleh kerana kawasan hendak dibangun, maka menjejaskan livelihoods dengan izin, kehidupan sehari-hari. Di kawasan IADP di kawasan Samarahan, dahulunya kawasan itu ditumbuhi oleh nipah dan nipah ini menghasilkan gula dan ramai orang mendapat pendapatan hasil daripada mengerjakan nipah ini, mengeluarkan gula, garam dan sebagainya. Jadi, oleh kerana ada IADP Project, dengan izin, maka kawasan-kawasan ini dan orang-orang yang bekerja dahulu terjejas dan pengangguran berlaku. Jadi saya rasa dalam membangunkan kawasan-kawasan ini saya rasa kita perlu mengkaji akan kesan buruknya dan kesan baiknya supaya ianya tidak menjejaskan kehidupan rakyat di sana-sini.

Tuan Yang di-Pertua, yang satu lagi yang saya hendak sentuh ialah mengenai pelajaran, pendidikan yang tak pernah saya sentuh kerana saya pernah jadi Timbalan Menteri Pendidikan, jadi hari ini sahaja saya cuba sentuh. Masalahnya ialah ramai daripada guru-guru yang sandaran, yang sudah mengajar 5 tahun, 10 tahun, sudah kahwin dan sudah beranak, baru-baru ini telah dilepaskan dari jawatan.

Ini di Sarawak, jadi sebabnya ialah mereka ini diambil alih oleh guru-guru yang baru keluar dari Maktab

Perguruan. Memang kita hendak latih guru-guru tetapi dalam usaha kita hendak melatih guru-guru dan melahirkan guru-guru yang terlatih, kita juga perlu menimbang dari segi sama ada guru yang telah mengajar lama itu perlu kita tahankan, kekalkan atau tidak, kerana apa, kerana latihan ini memang baik, tetapi ada guru-guru yang berpengalaman lebih baik daripada guru-guru yang baru dilatih. Jadi tidak salah kalau kita kekalkan guru-guru yang telah mengajar begitu lama, yang berpengalaman begitu mendalam tanpa diambil alih oleh pihak guru-guru yang telah terlatih.

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Gulung?

Tuan Ismail bin Said: Gulung.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Oh, saya fikir saya hendak duduk, kalau ada kopi di hadapan saya memang hendak duduklah.

Tuan Ismail bin Said: Ada satu minit lagi.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sebagai mengakhiri hal guru tadi, saya rasa kita boleh kaji dari segi sama ada pengalaman itu yang mana penting, pengalamankah ataupun latihan. Saya tidak mengatakan bahawa latihan itu tidak perlu. Tetapi jangan kita menjejaskan kehidupan orang, kadang-kadang orang sudah kahwin, sudah beranak pinak, lepas kerja, yang datang itu baru keluar daripada Maktab Perguruan. Jadi, tidak salah kita latih juga yang telah mengajar lama itu, kita latih masuk Maktab Perguruan sebagaimana kita beri peluang kepada mereka yang pernah menjalani kursus dalam cuti selama lima tahun. Tidak salah, jadi kita kaji betul kerana ramai yang menangis. Yang Berhormat, kata mereka berjumpa saya di kawasan, teruklah ini katanya, anak siapa hendak jaga, isteri

siapa hendak jaga, kalau kita serah isteri kepada orang lain rugi jugalah.

Tuan Ismail bin Said: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Jadi, itulah penggulungan yang saya sampaikan. Terima kasih.

Tuan Ismail bin Said: Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud.

5.02 ptg.

Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun bagi pihak rakyat Kota Belud untuk bersama-sama dengan teman ahli-ahli seperjuangan menyokong Usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana telah sudi menyampaikan Titah Ucapan Baginda di perasmian Persidangan Parlimen Yang Ketujuh Penggal Ketiga pada tanggal 6hb Mac, 1989 di Dewan yang mulia ini dan untuk kesempatan ini saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan tersebut, Baginda telah menyentuh beberapa aspek yang amat penting dalam kehidupan manusia yang mana sebanyak itu bolehlah disimpulkan kepada satu tujuan yang nyata iaitu untuk memberi kesejahteraan hidup kepada rakyat mererusi kekukuhan politik, kestabilan perpaduan rakyat dan keamanan serta kemakmuran negara kita Malaysia yang tercinta ini. Kita seharusnya merasa bangga dan berterima kasih kepada Baginda kerana aspek yang disentuhkannya itu adalah bersesuaian sekali dengan hasrat yang telah menjadi impian murni kita rakyat Malaysia selama ini iaitu untuk memperolehi kesejahteraan hidup, semoga Baginda dilanjutkan usianya dan akan terus memerintah Negeri Johor selepas tarikh persaraannya sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang ke-8.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun untuk mencapai aspek-aspek tersebut dengan sepenuhnya ianya bukanlah semudah bercakap, ianya bukanlah suatu perkara yang boleh dilakukan secara perseorangan, malahan ianya memerlukan penglibatan setiap masyarakat untuk berganding bahu dengan Kerajaan. Itupun belum cukup kerana ia masih memerlukan lebih daripada penglibatan dan kerjasama yang begitu sahaja iaitu kejujuran, kesungguhan dan semangat tolaq ansur dan diikuti dengan tindakan-tindakan yang positif sama ada dalam penguatkuasaan undang-undang dalam mencapai hasrat untuk memperolehi kesejahteraan hidup selaras dengan aspek yang telah disentuhkan oleh Baginda dalam Titah Ucapannya.

Saya percaya bahawa tidak siapa yang dapat menyangkal bahawa demi untuk mencapai aspek itu, segala permasalahan yang merupakan batu penghalang kepada pencapaiannya haruslah diselesaikan oleh pihak Kerajaan. Kalau tidak, saya khuatir bahawa kesejahteraan yang dimaksudkan itu hanya dapat dilihat dan didengar tetapi tidak dapat dipegang dan tidak dapat dinikmati dalam ertikata yang sebenar-benarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan penghuraian saya tentang masalah-masalah yang akan saya tujukan khusus kepada Negeri Sabah, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk memberi ulasan sebanyak sedikit tentang tuduhan yang dibuat oleh Ahli daripada Sandakan petang semalam terhadap Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan yang menyatakan bahawa Ketua Menteri tersebut telah terlibat dalam kegiatan rasuah. Bagi saya tuduhan itu adalah sungguh-sungguh keterlaluan. Saya menyatakan demikian kerana meskipun sudah menjadi pengetahuan umum bahawa Ketua Menteri tersebut dan lain-lain Ahli Yang Berhormat yang telah

disebut oleh Ahli daripada Sandakan itu telah pun disiasat oleh pegawai-pegawai daripada BPR di suatu masa pada tahun lalu. Tetapi dengan penyiasatan itu sahaja mereka belum boleh disahkan telah melakukan kesalahan itu sebenar-benarnya sebelum mahkamah memutuskan demikian. Jadi, di mana pula yang perlu diheboh-heboh oleh pihak Ahli daripada Sandakan itu, seolah-olah beliau mempertikaikan kebolehan dan kewibawaan pihak berkuasa BPR dalam hal ini.

Bagi saya tidak terdapat keperluan Yang Amat Berhormat Datuk Ketua Menteri berkenaan untuk membersihkan namanya seperti yang dicadangkan oleh Ahli daripada Sandakan itu kerana hal itu sudah pun dalam tangan BPR yang menentukan sama ada beliau dan rakan-rakannya mempunyai kes untuk diharapkan ke mahkamah. Lagi pun kalaulah mereka tidak adil dalam pandangan rakyat, siapa yang boleh jadi Hakim terbaik dalam konteks politik maka terserahlah kepada rakyat untuk menghukumnya dalam pilihanraya kelak. Di sebaliknya, kalau DAP yang dikatakan baik, bersih dan sempurna itu maka terserahlah kepada rakyat untuk memutuskannya demikian. Kita tidak boleh jadi Hakim ke atas diri kita sendiri melainkan serahlah kepada rakyat. Siapa yang tidak bagus tentunya ditolak oleh rakyat pada keseluruhannya untuk menjadi pemerintah. Jika dia baik tentu sekali rakyat akan terus mengangkatnya untuk menjadi pemerintah. Bercakap berkenaan penyiasatan, jika DAP memikirkan ia adil maka seharusnya dia mintalah semua orang-orang perseorangan yang pernah menjadi pemimpin sejak Sabah mencapai kemerdekaan dahulu untuk sama-sama diperiksa. Kenapa ditumpu kepada para pemimpin Kerajaan yang ada sekarang ini sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah sampai di sini sahaja

mengenai perkara itu dan saya akan beralih kepada permasalahan yang dihadapi oleh Negeri Sabah selama ini yang perlu diselesaikan oleh pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan supaya ianya akan dapat turut menikmati kemakmuran yang dihasratkan dalam Titah Ucapan Baginda.

Masalah pertama ialah masalah Kad Pengenalan palsu. Masalah mengenai Kad Pengenalan palsu ini mulai dilaporkan di Negeri Sabah sejak tahun 1979 lagi. Akhbar-akhbar telah banyak melaporkan kegiatan-kegiatan sindiket membuat dan menjual Kad Pengenalan palsu. Berikutan dengan laporan akhbar-akhbar itu beberapa Ahli Parlimen dari Sabah telah pun membawa hal itu di Dewan yang mulia ini. Sebagai penjelasan daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri melaporkan bahawa pihak berkuasa telah pun mengenal pasti sebanyak 750 Kad Pengenalan palsu. (Rujuk Laporan akhbar *Daily Express* keluaran 22hb Mac, 1988). Dan Kerajaan Persekutuan sedang dalam rangka untuk membuat satu bentuk Kad Pengenalan baru untuk mengganti yang ada sekarang. Kad tersebut dijangka akan diperkenalkan pada tahun ini. Sebelum rancangan Kerajaan ini dapat dilaksanakan, kegiatan sindiket membuat dan menjual Kad Pengenalan palsu terus menerus dilakukan. Baru-baru ini di Negeri Sabah seorang yang bernama Nor Ariffin telah mengaku salah memiliki 10 dokumen Kad Pengenalan berharga \$100 hingga \$151, kerana kesalahan itu beliau telah dipenjarakan selama setahun dan didenda sebanyak \$100.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan tindakan Kerajaan itu, terutama sekali rancangan Kerajaan untuk menggantikan Kad Pengenalan yang ada sekarang ini kepada yang baru. Walau bagaimanapun saya berasa ragu-ragu tentang pelaksanaannya, terutama sekali bagi

syarikat yang telah pun mendapat Kad Pengenalan secara haram.

Jika sekiranya mereka ini hanya diperlukan untuk memperlihatkan Kad Pengenalan yang ada sekarang ini tanpa dokumen-dokumen yang lain seperti Surat Beranak, adalah sukar untuk menentukan kesahihan dokumen Kad Pengenalan mereka. Hal ini adalah amat penting untuk menentukan kerana kebanyakan daripada mereka yang dikatakan mempunyai Kad Pengenalan palsu itu adalah terdiri daripada pelarian dan pendatang-pendatang haram Filipina dan Indonesia.

Selain dari itu, saya juga merasa ragu-ragu tentang pelaksanaan peraturan pemberian Kad Pengenalan, terutama sekali kepada orang-orang yang bukan warganegara Malaysia. Kesangsian ini timbul kerana Pengarah Pendaftaran Negara bahagian Sabah pernah menyatakan bahawa anak-anak pekerja asing termasuk pelarian dan pendatang haram Filipina yang dilahirkan di Negeri Sabah adalah layak untuk mendapat Surat Beranak yang mana kelak akan membolehkan mereka mendapat Kad Pengenalan merah setelah mereka mencapai umur yang mencukupi. Beliau juga berkata bahawa pelarian Filipina yang telah memasuki Negeri Sabah telah pun diberikan Kad Pengenalan hijau. Kenyataan ini dibuat dalam satu dialog dengan para pemimpin pelarian anjuran Jabatan Penerangan pada 22hb Disember, 1987 di Kota Kinabalu (Rujuk laporan Bernama dalam akhbar *Daily Express* keluaran 23hb Disember, 1987).

Menurut satu risalah bertajuk "Panduan untuk memohon kad pengenalan keluaran Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia" yang dikeluarkan pada 1hb Disember, 1985, muka surat 4, kad pengenalan hijau adalah untuk mereka yang masuk ke negara ini secara sah, orang asing yang telah diberi kebenaran untuk tinggal sementara bagi tempoh yang melebihi

satu tahun manakala kad pengenalan merah pula untuk penduduk tetap tetapi bukan warganegara Malaysia. Ini bererti bahawa seseorang pelarian pada hakikatnya tidak boleh diberi sebarang kad pengenalan termasuk kad pengenalan hijau. Ini adalah kerana bagi pelarian, mereka tidak memasuki negara ini secara sah dan mereka hanya boleh tinggal di negara ini secara terpaksa berlandaskan perikemanusiaan. Maka oleh kerana itu, ibu bapa mereka adalah pelarian dan tentunya anak mereka pun tertakluk kepada status ibu bapa sebagai pelarian. Dengan itu sepatutnya walaupun anak-anak pelarian diberikan surat beranak kerana telah tinggal di negara ini menurut keperluan undang-undang, tetapi mereka adalah tetap sebagai pelarian iaitu orang yang memasuki negara ini secara haram.

Bagi mereka yang tinggal tergolong sebagai pelarian iaitu pendatang haram atau immigrant economy, mereka langsung tidak berhak untuk memohon dokumen kad pengenalan walaupun mereka sudah lama tinggal di negara ini kerana kehadiran mereka di sini adalah tetap haram. Jadi, selagi mereka tidak mendapat dokumen secara sah maka selagi itulah mereka tetap haram dan tidak boleh diberikan sijil kerakyatan, apatah lagi kad pengenalan.

Apa yang merisaukan rakyat Sabah ialah sudah begitu banyak pendatang haram dan pelarian yang telah mendapat kad pengenalan. Saya difahamkan bahawa dalam masa Kerajaan Berjaya dahulu sebanyak 189,000 kad pengenalan biru telah dikeluarkan kepada pendatang haram. Nombor-nombor Kad Pengenalan itu adalah seperti berikut ini:

H 0288001—H 0384000;
 H 0480001—H 0576000;
 H 0666001—H 0666200;
 H 0662201—H 0666400;
 H 0609601—H 0609800;
 H 0609801—H 0610000

dan seterusnya hinggalah kepada H 0569438 yang membawa kepada jumlah 189,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah difahamkan bahawa kajian pendaftaran dan banci pelarian anjuran Kerajaan Negeri Sabah juga telah mengenalpasti 10 orang yang telah disahkan sebagai pendatang haram tetapi mereka mempunyai kad pengenalan biru. Malah mereka ini telah mengakui dengan rela hati yang mereka ini telah pun mendaftar sebagai pengundi. Kalau pihak berkuasa memerlukan nama-nama mereka, saya bersedia untuk memberikannya. Ini tidak seharusnya dibiarkan berlaku oleh pihak yang berkuasa.

Selain daripada itu, terdapat juga laporan daripada Jabatan Pendaftaran berhubung dengan pemberian kad pengenalan yang saya anggap tidak munasabah iaitu laporan Jabatan Pendaftaran yang menyatakan bahawa di antara 1972 hingga 1976, Jabatan itu telah mengeluarkan Kad-kad Pengenalan seperti berikut: Biru 665,849, Merah 33,523, Hijau 36,463 dan jumlah kesemuanya ialah 735,835. Sedangkan penduduk Sabah pada 1970 cuma 653,264 orang. Walaupun anggaran penduduk pada 1976 ialah hanya sebanyak 807,691 orang tetapi mereka yang dilahirkan selepas tahun 1970 belum lagi layak mendapat kad pengenalan disebabkan mereka belum lagi mencapai umur 12 tahun. Persoalan di sini ialah kenapakah Jabatan Pendaftaran telah mengeluarkan kad pengenalan dalam tempoh empat tahun lebih daripada jumlah penduduk negeri Sabah pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini adalah masalah yang telah melanda negeri Sabah selama ini. Yang saya maksudkan sebagai satu masalah yang terbesar yang perlu diselesaikan oleh pihak Kerajaan Persekutuan memandangkan Jabatan Pendaftaran yang mengendalikan pengeluaran kad pengenalan ini adalah di bawah

bidangkuasa Kerajaan Persekutuan. Dalam hal ini saya memohon keizinan untuk mencadangkan agar sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja hendak ditubuhkan dengan seberapa segera untuk membendung pemberian Kad-kad Pengenalan kepada orang-orang yang tidak berlayak untuk mendapatnya terutama sekali kad-kad pengenalan haram kepada para pelarian dan pendatang haram. Selain daripada itu, saya juga mencadangkan agar semua pemohon kad pengenalan hendaklah diperiksa terlebih dahulu oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah sebagai sebahagian daripada proses permohonan kad pengenalan sebelum dihantar untuk diproses di Ibu Kota Kuala Lumpur.

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Maidom P. Pansai: Satu minitkah? Baiklah. Hal ini adalah penting untuk memastikan kesahihan kedudukan pemohon berkenaan. Perkara ini seharusnya dibuat sedemikian sebab Jabatan Pendaftaran Negara terletak dalam, Concurrent List, dengan izin, di mana kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Negeri mempunyai kekuasaan.

Masalah yang kedua ialah masalah rakyat asing yang masuk ke negara ini atas pas melawat atau sosial visit yang melibatkan diri dalam kegiatan berniaga. Apa yang menjadi masalah ialah disebabkan perbuatan rakyat asing yang dipercayai telah dibenarkan memasuki negeri Sabah atas pas melawat terutama sekali rakyat asing dari Pakistan yang melibatkan diri secara langsung dengan kegiatan berniaga dengan cara menjaja dari kampung ke kampung dan juga dari pekan ke pekan yang terdapat di negeri Sabah. Perbuatan mereka sedemikian akan membuat para penjaja kecil-kecilan tempatan khasnya penjaja bumiputera yang terpaksa bersaing hebat dengan mereka dan nampaknya

rakyat asing yang dimaksudkan itu adalah lebih berpengalaman dalam bidang perniagaan menyebabkan ramai peniaga tempatan kita kecundang di samping mereka. Gejala ini adalah satu-satunya yang merupakan masalah yang dihadapi oleh Kerajaan negeri Sabah pada masa ini khasnya rakyat Sabah. Diminta pihak Kerajaan Persekutuan yang berkuasa untuk diambil tindakan positif untuk memberhentikan kegiatan sedemikian rupa dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya panjang lagi teks ini, tetapi oleh sebab kesuntukan masa, biarlah saya merendah diri.

Tuan Ismail bin Said: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Maidom P. Pansai: Sebenarnya saya sudah empat hari berdiri untuk mendapatkan masa setengah jam untuk berucap tetapi hanya sesudah Ahli dari Kemaman dilantik menjadi Tuan Yang di-Pertua sementara, maka barulah saya dapat peluang. Saya bersyukur kepadanya. Jadi, sebagai penutup adalah menjadi harapan saya sekali lagi agar pandangan-pandangan yang saya berikan itu akan diambil perhatian utama dan diambil tindakan positif untuk mengatasinya bukan sahaja untuk kepentingan rakyat jelata di Sabah tetapi juga untuk keutuhan politik, kestabilan, perpaduan, keamanan dan kemakmuran negara pada keseluruhannya seperti yang ternyata dalam Titah Ucapan DiRaja tersebut yang kita sanjung tinggi dan hasratkan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong kepada usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Ismail bin Said: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

5.08 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun selepas 15 bulan tidak berada dalam Dewan yang mulia ini untuk berucap sedikit sebanyak dalam perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Speaker, saya kesal oleh kerana dalam negara kita ini boleh timbul satu perkara sepertimana Ketua Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini tidak boleh ambil bahagian dalam apa-apa yang berbangkit dalam Dewan ini. Baru-baru ini, Tuan Speaker, apabila saya telah bangkit satu soal Jawab-Mulut, ia telah pun dijawab oleh Menteri berkenaan iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri pada 7hb Mac, 1989. Soalan yang saya ada berbangkit masa itu ialah mengenai tahanan rakan saya Ketua Pembangkang, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan juga anaknya Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Soalan yang saya ada tanya, Tuan Speaker, apakah sebabnya, apakah keadilan untuk tahanan lanjutan, rakan saya kedua-dua ini di Kem Kemunting sekarang, dan jawapan Menteri Dalam Negeri ada di sini, Tuan Speaker:

“Pembebasan seseorang yang telah ditangkap dan ditahan di bawah peruntukan pencegahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 adalah tertakluk kepada sama ada ianya masih merupakan ancaman kepada keselamatan negara atau sebaliknya.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat Lim Kit Siang dan Yang Berhormat Lim Guan Eng akan dibebaskan apabila Kerajaan berpuas hati mereka itu tidak lagi menimbulkan sebarang ancaman kepada keselamatan negara.”

Tuan Speaker, bolehkah saya tahu, bolehkah saya dapat jawapan dari Kerajaan ataupun dari sesiapa Menteri yang ada dalam Dewan yang mulia ini—dan tidak ramai di dalam Dewan ini hari ini—apakah sebab-sebabnya rakan-rakan saya ditahan? Jawapan yang ada diberikan merupakan satu jawapan yang umum, Tuan Speaker. Dalam jawapan ini yang ada diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri, tidak ada sebab-sebab yang boleh diterima oleh kita dalam DAP.

Tuan Speaker, kedua-dua orang rakan saya ini telah menjadi mangsa di bawah satu undang-undang—undang-undang ini Akta Keselamatan Dalam Negeri. Dalam fikiran saya, Tuan Speaker, dan saya juga adalah menjadi satu mangsa di bawah undang-undang ini, dan saya bercakap di sini, Tuan Speaker, undang-undang ini, Undang-undang ISA bukanlah undang-undang yang halal, tetapi undang-undang yang haram (*Tepuk*) yang harus dihapuskan di dalam negara ini.

Tuan Ismail bin Said: Ahli Yang Berhormat yang lain tolong diam, jangan tepuk meja.

Tuan P. Patto: Salah?

Tuan Ismail bin Said: Bising. Sila Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan P. Patto: Itu parliamentary, bukan unparliamentary.

Tuan Ismail bin Said: Kalau tepuk meja jangan keluar suara. Sila teruskan, Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan P. Patto: Nampaknya Tuan Speaker sendiri tidak faham tradition, convention Parliament. (*Tepuk*)

Tuan Ismail bin Said: Itu saya kena akui.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, jika saya boleh sambung

ucapan saya, tidak lama lagi, barangkali 10 minit lagi. Saya ada banyak mahu bangkitkan dalam Dewan ini oleh kerana saya baru dibebaskan, saya telah sabar dalam tahanan selama 15 bulan. Apa yang saya cakap tadi, Tuan Speaker, ISA telah menjadi satu undang-undang yang haram. Dan berkaitan dengan ini, Tuan Speaker, adakah "Rule of Law" dalam negara ini? Apabila, Tuan Speaker, selepas saya dibebaskan pada 9hb Mac, 1988 oleh Mahkamah Tinggi Ipoh, apabila permohonan saya, permohonan habeas corpus ada dibenarkan oleh Yang Arif Hakim Peh Swee Chin, 9 jam selepas itu saya ditangkap semula, bukan di negeri Perak, tetapi di Nibong Tebal dalam negeri Pulau Pinang.

Saya ditangkap sekali lagi di bawah Akta "haram" ini, Akta ISA, Tuan Speaker dan ditahan lagi sampai 35 hari. Selepas itu, Menteri Dalam Negeri buat perintah lagi, perintah baru, Tuan Speaker, bertarikh 16hb April, 1988. Juga akibat keputusan Yang Arif Hakim Peh Swee Chin, jikalau saya tidak silap, seminggu selepas keputusan itu telah dibuat oleh Yang Arif Hakim Peh Swee Chin, di dalam Dewan yang mulia ini—di sini juga—Perdana Menteri ada menghentam hakim itu oleh kerana hakim itu ada bercakap dalam keputusannya mengenai tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Dalam Negeri, dan apabila dia buat perintah baru itu atas saya, perintah itu bertarikh 18hb Disember, 1987, kelakuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu menjadi, dengan izin, "an act of irresponsibility without caution". Dan oleh itu, perintah itu—keputusan pembebasan itu yang telah dibuat oleh Yang Arif Hakim Peh Swee Chin di mana, Tuan Speaker, jika saya boleh bertanya di sini, di manakah ada keadaan seperti itu apabila seorang hakim, dan hakim dalam negara ini ada kebebasan untuk

membuat apa-apa keputusan yang adil mengikut undang-undang dan, dengan izin, Rule of Law, dalam negara ini? Tetapi akibat keputusan itu timbul di sini, bukan setakat hakim ini sahaja, Tuan Speaker, tetapi juga hakim-hakim lain—khususnya hakim ini, amnya hakim-hakim yang lain dalam negara ini telah dihentam oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Akibatnya itu, apa yang terjadi di sini, Tuan Speaker, bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohd. Salleh Abbas, seperti mana semua orang dalam negara ini mengetahuinya, ada memanggil satu mesyuarat untuk bincangkan perkara ini, beliau bermesyuarat dengan hakim-hakim lain dalam Kuala Lumpur. Tetapi apa yang terjadi, apa yang timbul ialah pemecatan Tun Mohd. Salleh Abbas dan juga dua orang hakim lain, bukan hakim biasa, Tuan Speaker, tetapi Hakim Mahkamah Agung. Kedua-dua hakim itu adalah hakim yang berpengalaman.

Ini terjadi oleh kerana tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tindakan itu adalah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sama ada sengaja atau tidak, saya tidak tahu, tetapi dalam fikiran saya "sengaja" oleh kerana Perdana Menteri pada masa itu mahu mengambil peluang untuk menghentam Kehakiman dalam negara ini. Beliau sudah menghentam Rajaraja, sudah menghentam rakan-rakan sendiri dalam UMNO, dia ingat dia sudah hentam Parti Pembangkang dan apa yang terjadi, jadi satu yang "Kemaluan" (*Ketawa*) apa yang dikatakan tadi, kemaluan yang terbesar dalam negara ini.

Tuan Speaker, jika saya boleh menyentuh lagi satu perkara yang ada kaitan dengan ISA. . . .

Tuan Ismail bin Said: Yang Berhormat ada 2 minit lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Ya. Ini berkaitan dengan kes Jamaluddin, Tuan Speaker. Jamaluddin pun telah menjadi satu mangsa di bawah Akta haram ini. Beliau ada ditahan di Kem Kemunting di Kawasan Enam di mana saya ada pada masa itu, beliau ada keberanian untuk membuat satu permohonan *habeas corpus*.

Tuan Speaker, Jamaluddin telah berjaya apabila Yang Arif Hakim Anwar telah membuat keputusan dalam kes itu dan keputusan itu mengatakan penahanan Jamaluddin di bawah Akta ISA tidak sah. Selepas itu, Tuan Speaker, rayuan ada dibuat oleh Peguam Negara. Rayuan itu telah didengar dalam Mahkamah Agung baru-baru ini, Tuan Speaker, dan keputusan Mahkamah Agung telah pun mengekalkan apa yang dikatakan oleh Yang Arif Hakim Anwar adalah sah. Ini bermakna rayuan Peguam Negara sudah ditolak dan dengan kes ini juga, Tuan Speaker, ada dua mangsa lain yang ada berkaitan oleh kerana sebab-sebab atas mana mereka ditahan serupa dengan sebab-sebab atas mana Jamaluddin ditahan. Dua-dua ini adalah Helmi Mohd Nor dan juga Encik Philip Chong.

Encik Philip Chong, Tuan Speaker, telah buat satu permohonan serupa dalam mahkamah dan 3, 4 hari dahulu, baru-baru ini, Yang Arif Hakim Anwar telah buat keputusan yang sama tetapi apa yang penting sekarang ini, Tuan Speaker, jikalau Mahkamah Agung dalam perkara ini telah buat keputusan bahawa penahanan tiga-tiga orang ini tidak sah, adakah Kerajaan bertanggungjawab atas apa yang sudah terjadi? Adakah Kerajaan sanggup untuk membayar pampasan kepada ketiga-tiga orang ini, Tuan Speaker?

Tuan Ismail bin Said: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih.

Tuan Ismail bin Said: Terima kasih. Yang Berhormat dari Parit.

5.32 ptg.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin (Parit): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas kepimpinan Tuanku dengan pasukan yang ada dalam Kerajaan sekarang ini dapat menggembelangkan tenaga ke arah kestabilan sosio-ekonomi dan juga politik negara di samping gelora dan juga rintangan-rintangan yang sengaja diwujudkan oleh pihak-pihak pembangkang. Saya juga mengucapkan syabas di atas prestasi ekonomik negara yang sungguh menggalakkan dan sukatan yang nyata yang dapat diberikan oleh KNK Negara kita, pada tahun 1986 bertambah 2.1%, 1987 - 4.8%, 1988-6.9%, manakala tahun 1989 ini dijangka dalam lingkungan 7.1%

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Ini menunjukkan satu petanda yang positif di samping masalah yang begitu banyak yang diwujudkan oleh pihak-pihak pembangkang. Jika dibandingkan dengan negara-negara yang berlandaskan yang lain kita mempunyai prestasi pertumbuhan yang cukup menggalakkan hampir 1% lebih daripada pertumbuhan di negara-negara yang lain-lain seperti Amerika Syarikat, Jepun dan United Kingdom.

Walau bagaimanapun, kita tidak dapat lari daripada masalah kemiskinan. Peratus isi rumah miskin turun daripada 49.3% pada tahun 1970

kepada 29% pada tahun 1980 dan meningkat sedikit kepada 30% pada tahun 1983. Peningkatan kemiskinan di antara tahun 1980 dan tahun 1983 melibatkan angka yang besar di luar bandar dan punca pengekal kemiskinan utama ini adalah berteraskan keluasan tanah yang tidak ekonomik dan juga hasil pengeluaran yang rendah dan juga pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan tanah seperti FELCRA.

Dari sudut keluasan tanah yang tidak ekonomik, saya yakin dan percaya ini ada melibatkan tanah-tanah yang terbiar. Saya mempunyai keyakinan yang tinggi jika sekiranya digembelngkan tenaga yang ada, agensi yang ada, keluasan tanah yang tidak ekonomik ini boleh dijadikan satu keluasan tanah yang ekonomik. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada pihak yang berkenaan ataupun Kementerian yang berkenaan dan lebih tepat lagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga Kementerian Pertanian supaya menggunakan agensi-agensi Kerajaan yang ada di luar bandar sama ada Lembaga Pertubuhan Peladang kerana kuasa yang diberikan oleh perlembagaan Akta Pertubuhan Peladang adalah cukup meluas tetapi tidak digunakan sepenuhnya.

Yang saya difahamkan adalah masalah modal. Jika sekiranya modal yang cukup diberi peruntukan yang khas untuk membangunkan tanah yang terbiar ini, saya yakin dan percaya Pertubuhan Peladang boleh menandingi agensi-agensi yang lain seperti FELCRA. Saya tidak menafikan bahawa FELCRA telah pun menunjukkan prestasi yang baik dan keluasan yang begitu besar telah dibangunkan tetapi malangnya dari segi pelaksanaan rancangan FELCRA ini yang mendukacitakan adalah dari segi prestasinya, sebagai contoh, di Rancangan FELCRA Nasaruddin. Sudah hampir 15 tahun rancangan ini dibangunkan tetapi

hutang peserta bukan sahaja tidak menurun tetapi meningkat dari masa ke semasa. Saya kurang faham dan tidak mengerti kenapa dan mengapa sepatutnya apabila progres pembayaran dibuat oleh peserta seharusnya hutang berkurangan tetapi bertambah dari masa ke semasa. Ini perlu satu kajian yang mendalam dan saya mengharapkan jawapan yang lebih tepat daripada pihak FELCRA.

Juga dimaklumkan bahawa sistem yang ada, lebih tepat lagi kepada Rancangan FELCRA Belia Nasaruddin, bila berubah sahaja Pengurus, sistem yang adapun berubah. Kalau berubah kepada kebaikan tidak mengapa, ini berubah ke kemunduran yang mana telah menjejaskan pendapatan peserta-peserta. Yang anihnya kawalan kewangan dalam sistem perladangan hendaklah dibuat oleh ladang itu sepatutnya tetapi tidak dan dalam sudut FELCRA di Nasaruddin ini, kawalan kewangan adalah dikawal oleh ibupejabat. Jadi, sistem pengurusan ladang yang agak bertentangan yang diamalkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Seputeh?

Tuan Liew Ah Kim: Tidak cukup bilang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak cukup bilang. Sila bilang. Yang Berhormat dari Parit, duduk dahulu!

Tuan Yang di-Pertua: 20, tidak cukup bilangan. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: dan dinikmati oleh.

Tuan Yang di-Pertua: FELCRA Nasaruddin?

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Ya, bukan FELCRA saya. Nama sahaja Nasaruddin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Saya pun hairan. (*Ketawa*)

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: . . . supaya peserta-peserta FELCRA sama ada yang belia mahupun yang juga dewasa dapat menikmati.

Soal yang ketiga bersabit dengan kemiskinan dan hasil pengeluaran yang rendah. Memang rata-rata pengeluaran ladang dan hasil mahsul pertanian di luar-luar bandar jauh daripada yang kita harap-harapkan dan usaha ke arah mengembelikan agensi-agensi Kerajaan dan juga petani-petani kecil ke arah mencapai satu tahap penghasilan keluaran ladang hendaklah ke tahap yang memuaskan. Kalau tidakpun setaraf yang kita agak begitu komersial tetapi biarlah usaha perladangan ini menguntungkan dalam konteks luar bandar. Dan saya rasa MARDI seharusnya memainkan peranan yang lebih realistik dan praktik dari sudut pengeluaran hasil di luar bandar dan juga lain-lain agensi-agensi yang melibatkan diri dalam pembangunan luar bandar dalam sudut pertanian.

Soal menyusun semula masyarakat juga mengecewakan kita semua. Kita masih lagi belum berjaya bagi mengimbangkan ekonomi negara dan kaum bumiputera masih tinggal jauh di belakang di takuk 18% manakala bukan bumiputera telah mencapai 56.7% dalam tahun 1985, dan belum diambilkira lagi sehingga 1990 mungkin peratusnya lebih tinggi lagi.

Apa yang saya pohon ialah satu dasar yang adil sebagaimana yang banyak telah disarankan oleh rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Asas yang paling rasional ialah berasaskan nisbah penduduk di negara kita. Semoga dengan adanya asas ini matlamat perpaduan negara

bagi kesejahteraan semua rakyat akan tercapai.

Seperkara lagi yang saya suka sentuh adalah bersabit dengan kekukuhan, keutuhan, kewibawaan institusi kewangan negara termasuklah tenaga pengurusannya. Juga perlu diberi perhatian yang serius untuk melicinkan dan untuk meyakinkan lagi semua pihak sama ada di dalam mahu pun di luar negeri. Perkara ini saya memandang serius dan saya yakin dan percaya semua faham dengan maksud yang saya sarankan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. masa sudah cukup.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Saya minta seminit dua.

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit lagi. Sila.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Seperkara lagi ialah berkenaan dengan pembangunan bandar dan bandar baru. Pembangunan bandar dan juga bandar baru hendaklah diimbangkan. Kalau mengikut penduduk di bandar, saya rasa lebih daripada 90% adalah terdiri daripada kaum Cina dan kalau boleh dari sudut penyusunan semula masyarakat, saya rasa pembangunan bandar dan juga bandar baru hendak diambilkira supaya gap ini, dengan izin, tidak meluas dari masa ke semasa. Kerana pertumbuhan penduduk akan membesar dari tahun ke tahun dan dijangka dalam tahun 2,000 penduduk di negara kita lebih kurang 22.4 juta. Jika kita tidak mengambil tindakan yang positif, mungkin angka ini akan membesar dan kita tidak dapat mencapai matlamat kita untuk menyusun semula masyarakat dan juga saya mengambil kesempatan supaya Kerajaan Pusat mengambil satu tindakan yang positif ke arah pembangunan Bandar Baru Sri Iskandar. Saya mengucapkan terima kasih di atas peruntukan \$3 juta yang diberi dan kalau boleh hendaklah

diberi lebih lagi supaya dipercepatkan pembangunan Bandar Baru Seri Iskandar.

Sekian saja, Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bagan Serai.

5.46 ptg.

Dato' Zainal Abidin bin Zain (Bagan Serai): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang ini. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan mencemar duli dan berkenan pula menyampaikan Titah Ucapan perasmian baginda pada 6hb Mac, 1989 yang lepas di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Wakil Rakyat mewakili seluruh rakyat di kawasan Parlimen Bagan Serai, ingin merakamkan Junjung Kasih di atas perkenan Kebawah Duli Tuanku menyampaikan Titah Ucapan dan merasmikan persidangan Parlimen kali ini.

Sebelum Tuanku Yang di-Pertuan Agong menjadi Yang di-Pertuan Agong negara ini, rakyat telah dibawa oleh Perdana Menteri kita untuk menunjukkan sikap dalam konflik Raja dalam Perlembagaan. Dalam masa Tuanku Yang di-Pertuan Agong menduduki takhta Kerajaan timbul pula polemik dan perpecahan dalam bangsa Melayu. Peristiwa perpecahan dalam UMNO telah menjadikan perpecahan bangsa Melayu yang berterusan, kerana perpecahan ini saya dan kawan-kawan dalam Kumpulan 46 digelar, dipanggil, dituduh seperti yang dikatakan oleh Ahli Parlimen Parit, Ahli Parlimen Jerai dan lain-lain sebagai Kumpulan Serpihan. Rata-rata pemimpin UMNO Baru

mengatakan Kumpulan Serpihan ini kumpulan yang membawa pecah-belah dan oleh itu adalah kumpulan yang merbahaya.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini sudah ternyata dan dinyatakan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Arau bahawa Kumpulan 46 ini tidak merbahaya. Kumpulan 46 tidak merbahaya kerana kumpulan 46 berlawan mengikut lunas-lunas Perlembagaan dalam demokrasi negara ini. Yang merbahaya, kata Ahli Parlimen dari Arau ialah orang-orang yang berada dalam The Grand Design. Mereka ini merbahaya kerana berada dalam Kabinet dan di luar Kabinet. Mereka merancang untuk menjatuh dan menggulingkan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dalam bentuk yang lebih subtle dan shrewd, dengan izin. Mungkin mereka mahu menjatuhkan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dengan mendedahkan skandal atau rasuah. Ini mungkin kerana mereka lebih tahu dari yang lain. Mereka ini orang-orang yang rapat dengan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Sebenarnya mereka ini mencari jalan yang paling senang untuk naik ke atas menjadi Perdana Menteri di negara ini, mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, yang menarik perhatian saya ialah orang-orang ini mengatakan Kumpulan 46 gila kuasa dan bawa perpecahan. Apakah mereka yang merangka perancangan besar dalam The Grand Design—tidak gila kuasa dan bawah perpecahan. Kita amalkan proses demokrasi melatir kuasa rakyat. Mereka mengajar rakyat melalui proses penggulingan, the silent coup d'etat, dengan izin, kalau saya boleh panggil. Apakah ini juga merupakan satu culture yang disemai dalam budaya UMNO Baru. Kalau ini benar, tidak hairan kalau ada pemuda kita yang dilatih di Libya dan akan dilatih di Russia. Pemuda-pemuda yang dilatih di luar negara

akan bersatu dengan komando yang sudah ada dalam UMNO Baru, akan menjadi satu force yang kuat bagi menjayakan "The Grand Design" ini. Ada lagi yang saya rasa satu unit di JPM memberi latihan kesedaran tetapi turut melanyak Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Sebaliknya, ada Menteri-menteri yang tertentu yang mereka sanjung dan junjung.

Ahli Parlimen dari Arau patut juga menyelidik kumpulan ini, bukan sahaja mereka yang berada dan mengawal TV dan suratkhbar-suratkhbar, kerana mungkin di TV dan suratkhbar-suratkhbar ini sudah berhenti, ini mungkin Ahli Parlimen dari Arau mengetahuinya, kerana dalam The Grand Design ternyata mereka ini rakus dan undemocratic.

Di sini saya ingin bertanya siapa yang menghantar pemuda ke Libya? Sudahkah dihantar pula pemuda-pemuda dan belia-belie kita ke Russia? Apa kaitannya latihan ini dalam pembangunan belia dalam negara kita? Saya bangkitkan ini kerana ingin mengetahui adakah budaya revolusi yang mahu kita semai ke dalam naluri pemuda-pemuda dan belia-belie tanahair di dalam negara kita?

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Parit bangun, Yang Berhormat.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta penjelasan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, mesti berjanji dengan saya gantirugi masa yang mereka sentuh itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak berjanji.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tidak beri, saya pun tidak beri.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Saya sokong supaya dibenarkan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya mengucapkan syabas kepada Ahli Parlimen dari Arau kerana berani mendedahkan the grand design ini. Tetapi saya mahu bertanya adakah Ahli Parlimen dari Arau ini bercakap dan berani juga bercakap di luar Dewan. Tetapi sebaliknya pula beranikah pula Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menyingkir mereka yang dikatakan terlibat dalam the grand design. Kalau Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tidak berani melakukan ini, bermakna Ahli Parlimen Arau lebih berani daripada kedua-dua mereka. Patutkah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri berasa takut untuk bertindak di atas isu yang di bawa oleh Ahli Parlimen dari Arau ini? Kalau mereka takut, sudah pasti ada sesuatu yang benar-benar menakutkan mereka. The grand design akan membongkar rahsia yang menakutkan mereka ini.

Kalau Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tidak bertindak menyingkirkan mereka ini, bermakna tuduhan Ahli Parlimen dari Arau itu tidak benar. Hanya untuk mengalihkan pandangan supaya rakyat bersimpati dengan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Apakah benar Ahli Parlimen dari Arau sanggup bermain api dengan isu ini? Sanggup meletakkan diri untuk tercebak dan dicebak? Sanggup membawa cerita rekaan tetapi menakutkan rakyat!

Ahli Parlimen dari Arau membawa certia rekaan dan palsu, Ahli Parlimen dari Arau sanggup bermain api untuk membakar diri sendiri, oleh itu Ahli

Parlimen dari Arau patut di bawa ke Privilege Committee.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Arau bangun di belakang sana. Beri jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim: Mesti dia beri.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua, dalam Peraturan kita, adakah boleh saya menjawab atau saya tanya dia untuk penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Kena minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak jawab. Kalau tidak boleh jawab mengikut Peraturan Parlimen, apa hak saya? Kalau tidak, saya hendak jawab sekarang, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kata tidak boleh

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak boleh, tidak apalah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ahli Parlimen dari Arau boleh menjawab dalam perbahasan yang akan datang. Sebenarnya, saya membela Ahli Parlimen dari Arau ini. Kalau Ahli Parlimen dari Arau membawa cerita rekaan dan palsu, Ahli Parlimen dari Arau sanggup bermain api untuk membakar diri sendiri, oleh itu Ahli Parlimen Arau patut dibawa ke Privileges Committee demi untuk mengetahui tuduhannya mengenai the grand design ini benar ataupun satu pembohongan di dalam Dewan ini.

Saya membuat dua kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana

Menteri menyingkir mereka yang merancang the grand design, kalau tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Arau ini benar atau membawa Ahli Parlimen Arau ke Privileges Committee kerana tuduhannya tidak benar, maka Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tidak berani bertindak.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen ini adalah tempat yang mulia. Oleh itu, jangan kita palsukan kebenaran dan jangan kita jadikan kebenaran itu satu yang samar-samar. Kalau kita biarkan yang palsu jadi benar pula jadi samar-samar, jadilah the grand design ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin orang-orang yang merancang the grand design ini supaya lebih gentlemen, lebih berani menunjukkan sikap tidak mahu bersekongkol, seperti kata Menteri Pendidikan kepada Ahli Parlimen dari Johor Bahru, menggunakan perkataan "bersekongkol" dengan DAP. Kalau tidak mahu bersekongkol dengan Perdana Menteri, dan Timbalan Perdana Menteri, keluar lawan dalam Dewan iaitu medan demokrasi di negara ini. Biar rakyat menjadikan hakim. Ini buat the grand design, berjaya belum tentu, Ahli Parlimen dari Arau sudah ketahui.

Tuan Yang di-Pertua, rahsia ini terbongkar di saat-saat Kebawah Duli Tuanku akan tamat penglibatan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong di negara kita. Titah Ucapan Baginda amat memberi harapan, tetapi rahsia yang terbongkar boleh menakutkan rakyat.

Hari ini terlalu banyak rahsia terbongkar dengan sendiri. Rahsia ini kononnya menunjukkan sikap yang baik tetapi sebenarnya satu muslihat, "telunjuk lurus kelingking berkait". Menteri Penerangan mahu menaikkan cukai radio dan televisyen daripada \$24 kepada \$36. Heboh rata-rata bunyi

berita. Oleh kerana feed-back tidak baik, response rakyat tidak baik, negara hendak mendekati pilihanraya, maka kembali kepada \$24 tetapi dikecualikan lesen radio, kononnya. Saya akui tindakan mengekalkan \$24 ini baik kerana rakyat di seluruh negara sudah menerimanya, rugi tidak untung pun tidak, tetapi sengaja diheboh-hebohkan, dicanang di merata-rata. Memang ada pengguna radio yang tidak membayar cukai tetapi mengapa mesti dikaitkan dengan bekas-bekas Menteri Penerangan dahulu. Kalau kita hendak buat baik, buat. Tetapi jangan memburukkan orang lain. Dahulu Menteri Pelajaran yang ada sekarang ini berkata dalam Parlimen yang lepas, Kumpulan 46 tidak pernah berjuang mengenai kemiskinan. Kepada orang lain mungkin dia boleh bercakap mengenai perkara ini tetapi kepada saya tolonglah, kerana saya datang daripada golongan ini.

Kita pun dengar Menteri Pelajaran sewaktu menjadi Ketua Pemuda dahulu membuat rancangan pemulihan kemiskinan dengan memberi \$1,000 untuk tiap-tiap bahagian. Duit habis, tumbuhan hilang, kemiskinan kekal seperti biasa. Saudagar buluh kasap, hujung hilang pangkalnya lesap. Akhir-akhir ini satu rahsia yang mereka buat kemudian memukul cadang menentang. Mereka luluskan lesen-lesen judi, kemudian marah-marah tentang kelulusan ini.

Saya hendak tahu dari Menteri Kewangan siapa yang melulus semua lesen-lesen judi ini, termasuk "one-arm bandit". Saya dengar ada orang yang suka bermain "one-arm bandit" ini di satu kelab di Subang.

Tuan Speaker, saya mohon izin menyebut pepatah ini, "anjing kalau biasa makan tahu, tak makan, hidu pun cukup". Sekarang marah pula bila sudah termakan. Kita tentang perjudian dalam negara ini tetapi Kabinet yang melulusnya. Saya rasa mungkin waktu melulus ini Menteri Pendidikan, Menteri di Jabatan

Perdana Menteri ataupun Menteri Belia dan Sukan tidak ada, kalau ada tentu mereka tentang. Menteri Belia dan Sukan pun pasti menentang sama kerana Pemuda UMNO baru pun menentang perjudian ini. Saya percaya Menteri-menteri yang saya sebut ini menentang tetapi takkanlah yang lain bersetuju sehingga begitu banyak lesen judi dikeluarkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan, Yang Berhormat? Masa Yang Berhormat sudah hendak habis.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sudah hendak habis, hendak minta jalan apa, tetapi berilah sedikit. (*Ketawa*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Fasal "member", Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat dari Bagan Serai sedar atau tidak bahawa Pemuda UMNO baru ataupun yang disebut tadi mereka bukan menentang, mereka hanya hendak mengawal dan hendak mengurangkan. Itu saya rasa satu perbezaan yang besar.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya setujuah itu. (*Ketawa*) Betulkah ketika orang lain memangku Menteri Kewangan pun turut sama melulus lesen judi yang kecil-kecil? Menteri Kewangan sahaja yang tahu hal ini. Kasihan apabila lesen judi ini diluluskan, orang lain lepas tangan, Menteri Kewangan yang terima beban. Eloklah Menteri Kewangan menjelaskan dalam Dewan ini supaya yang lain pun turut memikul beban yang telah diberi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulungkan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sudah habis, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Muar.

6.02 ptg.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan (Muar): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini saya suka menarik perhatian sidang Dewan yang mulia kepada dua perkara sahaja. Pertama, soal penubuhan Majlis Perundingan Ekonomi Negara dan kedua, soal Dasar Pendidikan Negara.

Majlis Perundingan Ekonomi Negara adalah satu dasar yang perlu diadakan untuk menggantikan Dasar Ekonomi Baru yang akan tamat tempohnya. Dasar ini nanti apabila dilaksanakan pada tahun 1990 akan dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan segala dasar-dasar Kerajaan sebelumnya, termasuk Dasar Ekonomi Baru bukan sahaja dari segi perancangan, juga dari segi pelaksanaan, di samping merancang pembangunan negara secara yang lebih menyeluruh. Perkara-perkara yang belum selesai akan diteruskan seperti masalah-masalah membasmi kemiskinan, masalah pengagihan harta dan ekonomi negara yang lebih merata kepada semua kaum, juga masalah perpaduan kaum yang lebih berkekalan.

Masalah kemiskinan dan masalah pengagihan kekayaan dan ekonomi negara adalah dua perkara yang menjadi asas kepada Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan pada tahun 1970. Walaupun segala usaha telah dijalankan dan penglibatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan dijalankan secara yang lebih menyeluruh dan "committed", ternyata hasil pencapaiannya tidak begitu membanggakan, terutama sekali kalangan sasaran kepada dasar itu, iaitu kepada kaum bumiputera khasnya keturunan Melayu.

Usaha-usaha untuk mendapatkan 30% penyertaan kaum bumiputera dalam semua aspek kegiatan ekonomi negara tidak tercapai walaupun kita tahu tahap 30% penyertaan adalah satu angka peratusan yang jauh dari

realistik dilihat dari segi kependudukan mengikut kaum di dalam negara. Pencapaian setakat 20% lebih kurang ini setelah 30 tahun kita merdeka sejak bermacam-macam dasar dirangka dan dilaksanakan sejak Dasar Ekonomi Baru diperkenal sebagai satu usaha yang lebih "committed", pencapaian setakat tak lebih daripada 20% ini sungguh mengecewakan. Lebih mengecewakan lagi pencapaian 20% ini setelah melibatkan agensi-agensi Kerajaan pemegang amanah untuk kaum bumiputera dan juga penglibatan badan-badan korporat. Pada hakikatnya kaum bumiputera yang keseluruhannya tidak terlibat.

Saya berpendapat satu kajian hendaklah dibuat dan tiap-tiap rakyat hendaklah sedar dan faham dan sama-sama bertanggungjawab agar kelemahan-kelemahan yang ada dapat dikenalpasti dan dapat dijadikan sebagai asas kepada yang akan diperkenalkan pada tahun 1990 nanti.

Saya suka mengingatkan kepada Kerajaan dan kepada Majlis Perundingan Ekonomi Negara bahawa rakyat bumiputera di seluruh negara sebahagian besar daripadanya, masih lagi hidup di bawah paras kemiskinan, masih lagi hidup seperti pepatah Melayu: kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Hendak menyelesaikan masalah hidup yang paling basic masih lagi belum sempurna, bagaimanakah mereka mengumpulkan lebihan sebagai asas untuk melabur dan pengumpulan harta.

Walaupun begitu, sebagai Wakil Rakyat kepada penduduk luar bandar, khasnya penduduk di kawasan Parlimen Muar, saya suka mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas usaha untuk terus mempelbagaikan usaha-usaha pembangunan negara. Penglibatan Kerajaan di dalam projek-projek mewah dan industri berat kita semua sanjung tinggi. Masyarakat kampung tidak cemburu

dan iri hati malahan turut berbangga dengan Jambatan Pulau Pinang, Bangunan Daya Bumi, Projek Proton Saga dan juga Lebuhraya Utara-Selatan/Timur-Barat, malahan apa sahaja rancangan Kerajaan, termasuk rangkaian jalanraya penghubung kepada 3 bukit peranginan yang diumumkan oleh Menteri Kerjaraya baru-baru ini. Hanya apa yang penduduk kampung, penduduk luar bandar, khasnya 80% daripada penduduk Melayu yang tinggal miskin di luar bandar, adalah mereka juga perlukan pembangunan. Mereka juga perlukan pembelaan. Mereka juga mahu dan dahagakan pembangunan dibawa ke luar bandar. Mereka juga ingin terlibat dalam arus pembangunan negara.

Negara telah mencapai kemerdekaan telah lama dahulu. Sejak 32 kali rakyat merayakan Hari Merdeka, telah beberapa kali mereka memberikan hak undi kepada Kerajaan memerintah, mereka tidak jemu-jemu menyokong Kerajaan kita tetapi masalah mereka masalah yang begitu basic, masalah kemudahan asas masih lagi begitu berleluasa terdapat di merata tempat. Di merata kampung tradisional masalah api, air, jalan tanah merah, perparitan dan lain-lain keperluan asas masih lagi menjadi masalah utama yang dibangkitkan dan diperjuangkan setiap masa. Masalah-masalah inilah yang sebenarnya menghambat dan menghalang proses pembangunan negara berjalan dengan lancar dan yang menjadi pokok kepada kegagalan penglibatan kaum bumiputera dalam rancangan-rancangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua berhasrat sangat-sangat untuk melibatkan kaum bumiputera dalam lapangan perdagangan dan perindustrian. Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan begitu berazam menyediakan beberapa rancangan dan dasar, peluang dan kemudahan membantu kaum bumiputera. Pada

hakikatnya usaha-usaha penggalak dan membimbing ini sangat-sangat dialukan dan dihargai. Walaupun begitu, dengan rasa sungguh hiba saya menyatakan bahawa rancangan-rancangan dan dasar-dasar ini hanya dapat dimanfaatkan oleh sebilangan kecil kaum bumiputera dan tidak dapat melibatkan kaum bumiputera pada keseluruhannya. Lebih sedih lagi ramai kaum bumiputera yang terlibat terperangkap dalam perniagaan mereka yang gagal dan sekarang ini sedang di dalam tindakan mahkamah oleh pihak-pihak tertentu.

Saya mengakui bahawa perkara kegagalan peniaga-peniaga bumiputera ini adalah disebabkan kurang bijaknya mereka dalam lapangan yang baru ini, lebih-lebih lagi disebabkan sikap kurang membantu dari kalangan kaum peniaga yang tersedia ada yang kurang senang dalam kemunculan peniaga-peniaga kaum bumiputera ini. Saya berpendapat Kerajaan perlu mencari satu pendekatan agar kaum bumiputera dapat mengenalpasti rancangan-rancangan Kerajaan, agar kaum bumiputera dapat diterima dan dijadikan rakan seperniagaan oleh kaum bukan bumiputera agar kaum bumiputera menjadikan alam perniagaan sebagai satu cara hidup agar kaum bumiputera melahirkan kebudayaan berniaga bagi menentukan masa depan bangsanya.

Saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan bahawa pendekatan ini adalah melalui memberikan kemahiran kepada kaum bumiputera. Kaum bumiputera hendaklah didedahkan kepada kemahiran-kemahiran tertentu dan mengenali ragam kaum bumiputera dan suasana alam perniagaan sekarang yang dikuasi oleh kaum bukan bumiputera. Cara yang paling berkesan adalah melalui sistem pendidikan formal iaitu melalui Dasar Pendidikan Negara. Sehubungan dengan ini pengumuman Menteri Pendidikan untuk menyemak kembali Dasar Pendidikan Negara

kena pada masa dan ketikanya. Dasar Pendidikan Negara perlu disemak kembali dan satu dasar perlu digubal dan dilaksanakan supaya pelajar-pelajar sekolah diberikan pendidikan kemahiran di samping pendidikan-pendidikan lain. Dasar pendidikan ini nanti mampu untuk menyediakan tenaga buruh yang mempunyai kemahiran dalam semua aspek pembangunan negara dan sekali gus melahirkan mental setting, dengan izin, berniaga kepada kaum bumiputera terutamanya kaum bumiputera Melayu. Saya berpendapat kaum bumiputera perlu diberikan kemahiran secara formal dan ini hanya dapat dilaksanakan melalui sistem pendidikan. Kaum-kaum lain telah tersedia ada kebudayaan berniaga di kalangan mereka dan agak senang kaum mereka dapat diserapkan. Bagi kaum bumiputera, perkara ini tidak dapat dilaksanakan. Oleh hal yang demikian, Kerajaan hendaklah menyediakan satu dasar agar kaum bumiputera boleh mendapatkan kemahiran-kemahiran ini.

Saya cadangkan supaya Kementerian Pendidikan hendaklah menggunakan pengalaman-pengalaman Kementerian-kementerian lain yang menyediakan kursus-kursus kemahiran yang dijalankan dari masa ke semasa. Walaupun kita sangat berbangga dengan usaha-usaha ini tetapi penglibatan Kementerian-kementerian ini tidaklah begitu menyeluruh, hanya melibatkan sebahagian kecil belia-belia bumiputera sahaja. Ternyata hasil daripada usaha Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perusahaan Awam, Kementerian Pertanian dan beberapa Kementerian lain 90% daripada pengeluarannya dapat diserapkan dengan kegiatan-kegiatan ekonomi sebagai tenaga mahir atau sebagai pengusaha sendiri. Saya mengakui bahawa Kementerian Pendidikan mempunyai sistem pendidikan serupa

ini melalui sekolah vokasional, politeknik dan sekolah teknik. Walaupun ternyata pelajar-pelajar dari sistem pendidikan ini dapat diserapkan ke dalam pasaran buruh dengan senang dan lebih berjaya dalam mencari penghidupan selepas zaman persekolahan, tetapi pihak Kementerian Pendidikan masih lagi segan-segan untuk menjadikan ini sebagai satu dasar yang menyeluruh untuk memenuhi keadaan pasaran buruh pada masa ini.

Dianggarkan daripada banci murid sekolah menengah pada tahun 1989 di seluruh negara, daripada 1,397,734 murid sekolah menengah hanya 32,077 ataupun 2.3% sahaja yang dapat menjalani persekolahan melalui sekolah kemahiran yang saya sebutkan tadi. Berdasarkan kepada fakta-fakta tersebut dan keperluan untuk melahirkan belia bumiputera yang mempunyai kemahiran, Saya mencadangkan agar Dasar Pendidikan Negara diubahsuai dan menjadikan pendidikan kemahiran melalui sekolah sebagai satu keperluan dan kalau boleh sistem pendidikan ini akan meliputi 40% daripada pelajar-pelajar sekolah di seluruh negara. Saya percaya sistem pendidikan serupa ini sekiranya diperkenalkan akan menimbulkan masalah dari segi tenaga pengajar, bangunan sekolah dan persediaan dan kelengkapan alat-alat dan jentera-jentera mengajar. Walaupun begitu saya menaruh sepenuh kepercayaan bahawa Menteri Pelajaran yang ada mempunyai kebijaksanaan untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga membangkitkan di sini masalah perpaduan kaum dan peranan dasar pendidikan sebagai alat yang terpenting untuk mencapai perpaduan terutama dalam negara yang berbilang kaum seperti negara kita. Akhir-akhir ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Cukup. Akhir-akhir ini di dalam keadaan suasana politik UMNO dan perpaduan orang Melayu terganggu sementara. Ternyata dengan ghairah dah berani orang-orang tertentu dan kumpulan-kumpulan tertentu membangkitkan isu-isu sensitif dan berbau perkauman seolah-olah mereka tidak peka dan sensitif kepada perasaan dan kepentingan kaum-kaum yang lain. Agak menghairankan selama 30 tahun negara mencapai kemerdekaan, selepas pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan, selepas 32 tahun menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi dan bahasa pendidikan daripada sekolah rendah sehingga sampai ke peringkat yang paling tinggi, ternyata polarisasi kaum masih begitu ketara dan nyata sekali. Kadangkala dilihat dari segi pernyataan dalam ucapan-ucapan rasmi orang-orang tertentu dan pemimpin-pemimpin masyarakat tertentu, meyakinkan kita bahawa polarisasi kaum ini bukan sahaja wujud, malahan diperjuangkan. Saya berpendapat dengan perbezaan yang begitu nyata di dalam kaum-kaum masyarakat di negara kita ini, berbeza dalam banyak aspek, tidak ada cara lain yang lebih berkesan daripada cara dan amalan melalui satu sistem yang menyeluruh. Walaupun usaha-usaha bersepadu diperlukan dan dikehendaki penglibatan dari semua pihak, tetapi asasnya melalui sistem pendidikan adalah alat yang paling berkesan.

Saya ingin menarik perhatian sebagai perbandingan, rakyat negara yang mempunyai pendidikan Inggeris di zaman penjajah dahulu mempunyai persefahaman dan toleransi yang lebih nyata dan boleh bekerjasama dan berkomunikasi dengan lebih baik jika dibandingkan dengan mereka yang melalui pendidikan Melayu, Cina dan Tamil. Ini disebabkan mereka telah menjadikan zaman dewasa dan

persekolahan yang sama, dikumpulkan di bawah satu bumbung persekolahan dan penggunaan serta penguasaan bahasa yang sama—magnanya dari kecil-kecil lagi mereka ini telah disatukan. Berasaskan kepada pengalaman inilah saya berpendapat bahawa sistem pendidikan yang ada dan penjenisan serta pemisahan murid-murid sekolah dari awal-awal lagi, dari peringkat rendah hendaklah dikaji semula. Pada pendapat saya rakyat berbilang kaum dan keturunan, senegara hendaklah disatukan dari peringkat awal lagi iaitu dari peringkat sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Tidak sampai setengah minit. Dan menggunakan satu sistem pendidikan yang menggunakan bahasa pengantar yang sama. Pengenalan dan pergaulan dari kecil-kecil lagi akan melahirkan perasaan kasih sayang yang berkekalan sebelum mereka dapat membezakan perbezaan kaum, terutamanya mengikut perbezaan sekolah dan bahasa pengantar. Zaman sekolah rendah dan peringkat awal sekolah menengah akan memberikan kesempatan kepada rakyat di negara yang lahir daripada berbilang kaum dan keturunan dan keluarga yang berlainan untuk bergaul sama sendiri sebagai zaman pembentukan watak dan keperibadian seorang anak yang akan menjadi warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab tidak ada masa, saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan dan saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Langat.

6.17 ptg.

Tuan Haji Basri bin Bajuri (Kuala Langat): Tuan Yang di-Pertua, saya

ingin turut mengambil bahagian dalam perbincangan usul yang dibawa oleh Wakil dari Padang Terap dan saya ingin menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang begitu padat dan menyeluruh. Tahniah juga saya ucapkan kepada Kerajaan yang telah berjaya bukan sahaja memulihkan keadaan ekonomi negara tetapi juga mengembalikan keyakinan negara-negara luar khususnya pelabur-pelabur asing.

Dalam pada itu kita juga bersedih kerana sejak kebelakangan ini Kerajaan kita telah menjadi sasaran tohmahan sama ada dari dalam mahupun dari luar. Sikap terbuka atau liberal yang diamalkan oleh Kerajaan selama ini jelas sekali tidak mendapat penghargaan yang sewajarnya. Berbagai tohmah, fitnah dan juga tuduhan liar telah dilemparkan, tetapi sayang segala tuduhan itu tidak dilakukan dalam mahkamah. Ini jelas menunjukkan bahawa segala tohmahan dan tuduhan itu mempunyai motif-motif politik. Kesabaran Kerajaan telah dianggap sebagai kelemahan. Mereka mengambil kesempatan di atas kesabaran itu untuk mereka bertapak dan merebut kuasa. Kritik-kritik yang dilemparkan begitu keterlaluan sehingga menjadi fitnah. Kebebasan bercakap yang diberikan telah digunakan sewenang-wenangnya sehingga sanggup mencerca, menghina dan memfitnah pemimpin sebangsa dan seagama sendiri seolah-olah sudah kehilangan pegangan. Tidak cukup dengan platform dalam negeri, mereka menggunakan platform luar negeri.

Walau bagaimanapun, kita bersyukur kerana di akhir-akhir ini keadaan sudah berubah dan sebahagian besar mereka telah kembali ke pangkal jalan dan saya percaya perpecahan di kalangan orang-orang Melayu, khususnya dalam UMNO akan berakhir.

Bagaimanapun tidak ada maknanya kita melaung-laungkan perpaduan, integrasi, kerjasama dan sebagainya, kalau keikhlasan tidak ada di dalam diri kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara berbilang kaum, masalah kerjasama dan perpaduan merupakan masalah besar yang semestinya diberikan priority. Hari ini di sana-sini orang menggembar-gemburkan masalah kerjasama dan perpaduan, sama ada melalui akhbar, majalah, forum-forum politik dan sebagainya, seolah-olah masalah kerjasama dan perpaduan kaum di dalam negara ini begitu meruncing sehingga tidak dapat dikawal atau seolah-olah boleh menyebabkan perbalahan kaum yang serius. Soalnya, apakah benar keadaan ini sedang berlaku? Apakah orang-orang Melayu, orang-orang Cina dan orang-orang India sudah tidak boleh duduk semeja, sudah tidak boleh naik bas yang sama, sudah tidak boleh menonton bola di stadium yang sama, sudah tidak boleh membeli ikan atau sayur di pasar yang sama dan seterusnya?

Tuan Yang di-Pertua, saya memandangkan masalah kerjasama dan perpaduan kaum ini dari perspektif yang agak luas. Misalnya, jika berlaku pergaduhan di antara si Ahmad dengan si Ah Kow walaupun pergaduhan itu membawa ke peringkat berbunuh-bunuhan, apakah ini boleh dianggap sebagai pertelagahan kaum? Dalam hubungan ini kita harus dapat membedakan di antara masalah kaum dengan masalah individu. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, masalah kerjasama dan perpaduan kaum dalam negara sudahpun berada di peringkat yang tinggi dan boleh dibanggakan jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Dalam bidang apa sekalipun kita sudah ada kerjasama dan perpaduan, cuma yang perlu ialah kita

mempertingkatkan lagi. Bagaimanapun, memang ada golongan tertentu yang tidak mahu dan tidak membezakan di antara masalah perseorangan dengan masalah perkauman, lebih-lebih lagi golongan yang mempunyai cita-cita politik yang tinggi, yang ingin mendapatkan pengaruh melalui pengeksploitasian masalah dengan membesarkan perkara-perkara yang kecil sehingga menjadi isu.

Sebenarnya sifat irihati, cemburu, tidak puashati memang ada di mana-mana, dalam mana-mana masyarakat, di kalangan masyarakat Melayu, di kalangan masyarakat Cina dan di kalangan masyarakat India memang ada. Saya yakin, dalam masyarakat-masyarakat lain masalah-masalah itu juga wujud tetapi bagi kita, kita harus dapat membezakan terlebih dahulu di antara masalah individu atau masalah perkauman. Selagi kita tidak dapat membezakan di antara masalah individu dan masalah perkauman itu, selama itulah kita akan terus bercakaran. Bagaimana kata orang nanti, "Belanga akan kata kualiti hitam dan kualiti akan mengata belanga hitam".

Tuan Yang di-Pertua, di setiap sidang Parlimen, mungkin juga setiap hari tohmahan dilemparkan terhadap Kerajaan Barisan Nasional sebagai zalim semata-mata kerana Akta ISA. Saya ingin bertanya, kriteria apakah yang digunakan untuk mengukur kezaliman itu, dan kriteria apakah yang digunakan untuk mengukur tidak zalim ataupun adil? Sebagai contoh, kalau seseorang tidak dapat menjawab satu daripada 20 soalan dalam satu-satu peperiksaan, apakah orang itu dianggap sebagai gagal? Janganlah kita ini menjadi macam cerita Orang Buta dengan Gajah. Si buta yang memegang ekor mengatakan gajah macam tali dan si buta yang memegang telinga mengatakan gajah macam kipas, dan seterusnya. Dalam sistem demokrasi konsep majoriti

menguasai minoriti haruslah kita terima. Kalau juga harus tidak sewenang-wenang menggunakan perkataan zalim, undemocratic dan sebagainya. Kita harus berlaku adil. Dalam hal ini saya ingin sekali lagi bertanya, apakah perkataan zalim itu hanya boleh dilemparkan terhadap Kerajaan sahaja dan apakah rakyat tidak berhak dilemparkan tuduhan zalim ke atasnya? Kalaulah tindakan Kerajaan mengekalkan ISA dan melaksanakan Akta itu terhadap sesiapa yang dianggap membahayakan keselamatan negara sebagai zalim, apakah perbuatan rakyatnya yang menghasut, mengkhianati Kerajaan sama ada di dalam ataupun di luar negeri bukan merupakan rakyat yang zalim?

Dalam satu keadaan misalnya, membunuh mungkin boleh dianggap sebagai zalim tetapi apakah hukuman bunuh itu sendiri merupakan satu kezaliman? Apakah masih dianggap zalim juga dengan menahan tanpa bicara atau menghukum bunuh seseorang bagi menyelamatkan ribuan atau mungkin jutaan manusia yang lain? Dalam sistem demokrasi sebenarnya siapakah yang patut patuh kepada siapa? Adalah majoriti mesti patuh kepada minoriti atau sebaliknya walaupun minoriti mewakili 20% atau 25% dari jumlah keseluruhan? Ini bukan bermakna, kita tidak boleh dengar cakap minoriti tetapi kita harus lebih mendengar cakap majoriti. Kalau majoriti kata ISA patut dikekalkan, kita kekalkan. Kalau hendak hapuskan, tunggulah si minoriti menjadi majoriti.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai sektor pertanian, kita bersyukur kerana kenaikan harga komoditi utama negara kita. Bagaimanapun ini bukanlah suatu yang kekal atau berterusan. Ia mungkin jatuh pada bila-bila masa. Oleh yang demikian, usaha untuk mempertingkatkan lagi kualiti dan kuantiti komoditi kita mestilah

dipergiatkan lagi. Kita faham bahawa Kerajaan memang sentiasa berusaha ke arah itu tetapi soalnya, apakah usaha-usaha itu menepati matlamat asalnya?

Misalnya, teknologi menoreh dan memproses getah sudah begitu tinggi tetapi sejauh manakah teknologi berkenaan telah sampai kepada penoreh dan pekebun-pekebun kecil. Begitu juga dengan teknologi-teknologi seperti teknologi menanam dan memproses koko, menanam dan memproses buah-buahan, menangkap dan memproses ikan, menternak dan memproses kambing atau lembu dan sebagainya.

Dalam hubungan ini, kesungguhan Kerajaan untuk mencapai matlamat peningkatan tersebut mestilah diperkuatkan lagi. Pendekatan secara bersepadu di antara agensi-agensi Kerajaan haruslah dipertingkatkan. Untuk mencapai matlamat itu, peranan kakitangan Kerajaan tidak dapat dinafikan pentingnya. Tanpa dedikasi, tanpa kesungguhan, tanpa keikhlasan dari mereka, nasib petani akan terus terancam. Untuk mewujudkan kakitangan yang benar-benar "Bersih, Cekap dan Amanah" sebagaimana yang dislogankan selama ini, Kerajaan harus berbuat sesuatu. Sikap negatif sebahagian kecil kakitangan Kerajaan tidak harus dibiarkan kerana ia boleh merebak dan menjadi lebih meluas dan mengancam kelancaran pentadbiran.

Sistem pembahagian tugas yang ada harus juga dikaji, jika perlu G.O. atau Perintah Am Kerajaan harus dikaji semula bagi memastikan keseimbangan dalam pembahagian kerja. Dan untuk mewujudkan barisan kakitangan Kerajaan yang benar-benar cekap, disiplin yang lebih ketat harus dikenakan. Sistem menilai prestasi seseorang kakitangan atau pegawai harus diperkemas. Hari ini prestasi seseorang kakitangan hanya

dinilai oleh pegawai atasan sahaja, tidak ada "counter-check", dengan izin, dari orang bawahan. Ini mendorong keadaan pilih kasih di mana siapa yang pandai ambil hati ketua, maka ia akan selamat. Kakitangan bawahan tidak berpeluang menilai prestasi pegawai-pegawai atasannya.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini kedapatan sebahagian kecil kakitangan Kerajaan yang cenderung menentang Kerajaan. Mereka sudah berani mengecam pemimpin-pemimpin Kerajaan. Untuk mengelakkan supaya keadaan demikian tidak terus merebak, kursus-kursus motivasi harus diwajibkan kepada semua kakitangan Kerajaan. Begitu juga dengan kursus-kursus Bina Insan, Bina Semangat atau kursus ketatanegaraan bagi memastikan setiap kakitangan Kerajaan faham akan dasar-dasar dan aspirasi Kerajaan supaya mereka memahami apa yang tersurat dan tersirat pada dasar-dasar Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Basri bin Bajuri: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya satu point lagi saya hendak sebutkan berhubung dengan MPEN. Walau apapun. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat tak boleh melainkan dilanjutkan masa, sekarang sudah 6.30.

Tuan Haji Basri bin Bajuri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, esok Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab. Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.